

**KAJIAN SEJARAH PERKEMBANGAN SEKOLAH  
MENENGAH AGAMA AD-DINIAH AL-ISLAMIAH  
PADANG RENGAS, PERAK (SMADI)**

**RUZAINI B ABD KUDUS**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**KAJIAN SEJARAH PERKEMBANGAN SEKOLAH  
MENENGAH AGAMA AD-DINIAH AL-ISLAMIAH  
PADANG RENGAS, PERAK (SMADI)**

**RUZAINI B ABD KUDUS**

**DISERTASI INI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI  
SARJANA USULUDDIN**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

# **KAJIAN SEJARAH PERKEMBANGAN SEKOLAH MENENGAH AGAMA AL-ISLAMIAH AD-DINIAH, PADANG RENGAS, PERAK (SMADI)**

## **ABSTRAK**

Penulisan kajian ini adalah untuk mengkaji penubuhan dan sejarah perkembangan Sekolah Menengah Agama al-Diniah al-Islamiah (SMADI) yang terletak di daerah Kuala Kangsar khasnya dan di negeri Perak amnya. Kajian ini bermula dengan sejarah awal penubuhannya, perkembangan infrastruktur sekolah hingga dinaik taraf sebagai salah sebuah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan perbandingan bentuk pendidikan yang dilaksanakan oleh pengasasnya Sheikh Junid Tola dengan bentuk pendidikan selepas sekolah dilakukan pembaharuan oleh Dr. Hj Jurij Jalaludin. Untuk melengkapkan kajian ini, sumber-sumber data telah diperolehi dari beberapa pusat sumber iaitu Pusat Sumber Tunku Abdul Rahman, Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perpustakaan Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah / Perlis. Sumber yang berbentuk dokumen mengenai SMADI diperolehi dari bilik dokumentasi sekolah serta temubual yang dijalankan mengenai latar belakang pengasasnya Sheikh Junid Tola dan tokoh pembaharuan Dr Jurij b Jalaludin serta sumbangan yang telah dilakukan untuk membangunkan SMADI. Metode penyelidikan yang digunakan ialah metode kualitatif yang melibatkan kajian lapangan, temubual untuk mengumpulkan data dan seterusnya penulis membuat analisis serta menyusunnya dalam bentuk penulisan untuk menjadikannya sebagai satu kajian lengkap.

**Kata Kunci :** Sekolah Menengah Agama Ad-Diniah Al-Islamiah (SMADI), Sheikh Junid Tola, Pembaharuan, Infrastruktur, Pendidikan Islam.

# **KAJIAN SEJARAH PERKEMBANGAN SEKOLAH MENENGAH AGAMA AL-ISLAMIAH AD-DINIAH, PADANG RENGAS, PERAK (SMADI)**

## **ABSTRACT**

The aim of this research is to study the establishment of Sekolah Menengah Agama al-Diniah al-Islamiah (SMADI) and the development of the Islamic education system especially in the Kuala Kangsar district and basically in Perak state. This study covers the examination of the system in SMADI that has been upgraded to Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). To complete this study, the related primary sources have been obtained from resource centers including Pusat Sumber Tun Abdul Razak, Malay College Kuala Kangsar (MCKK), Perpustakaan Negara Malaysia, related documents gathered from the documentation room in respective schools, an interview session with the SMADI Principal Dr. Hj. Jurij b. Jalaludin and his contributions to the development of SMADI. The discussions cover the infrastructures facilities of SMADI in the early of its establishment compared to today. The finding of this research explain the history of the early SMADI establishment, the development and its transformation done by Dr. Hj. Jurij b. Jalaludin. This research is using qualitative methodology.

Keywords : Sekolah Menengah Agama Ad-Diniah Al-Islamiah (SMADI), Sheikh Junid Tola, Transformation, Infrastructure, Islamic Education.

## PENGHARGAAN

Segala puja dan puji hanya untuk Allah Pemilik dan Pentadbir sekalian ‘alam.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan segala kurniaan rahmat dan izinNYA jualah disertasi bertajuk Kajian Sejarah Perkembangan Sekolah Menengah Agama Ad-Diniah Al-Islamiah, Padang Rengas (SMADI) telah dapat disiapkan.

Jutaan terima kasih ditujukan khusus kepada Dr Faisal@ Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid dan Dr Asyiqin Binti Ab Halim selaku penyelia utama, pembimbing pendorong kepada penulis dalam melaksanakan dan menyiapkan disertasi ini. Segala tunjuk ajar, nasihat, teguran serta sokongan mereka yang sentiasa memberi panduan dalam melengkapkan disertasi ini.

Tidak dilupakan, penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pensyarah Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam dan staf, para pensyarah Jabatan Al-Quran dan Sunnah, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam serta Jabatan Dakwah yang telah banyak memberi bimbingan, nasihat serta tunjuk ajar dan turut membantu penulis dalam menjayakan penulisan ini hingga akhirnya.

Penulis juga ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Mudir Dr Jurij Jalaluddin, Penolong Kanan Puan Wahida Noor, para guru dan warga Sekolah Menengah Agama Ad-Diniah Al-Islamiah (SMADI), juga kepada kepada pembantu pusat sumber Malay College Kuala Kangsar iaitu Allahyarham En.Kamarulzaman, serta semua yang terlibat di atas kerjasama yang telah diberikan dan membantu penulis mengumpulkan segala maklumat dan bahan yang diperlukan untuk disertasi ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada isteri tersayang Dr Anizah dan anak-anak Arina Farhah, Aslah Zikri dan Arifa Safiyah yang mencetuskan semangat kepada penulis dalam menyempurnakan tugas ini.

Akhirnya, seluruh penghargaan turut diucapkan kepada pentadbir Malay College Kuala Kangsar, pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, semoga semua mendapat keberkatan dan memperolehi yang terbaik dunia hingga akhirat dan mendapat ganjaran selayaknya dari Allah subhanahu wata'la.

Ruzaini b Abd Kudus

23 Rabiulawal 1440H

IGB 130015

1 Disember 2018

Universiti Malaya

University of Malaya

## DAFTAR ISI

|                                   | <b>HALAMAN</b> |
|-----------------------------------|----------------|
| Abstrak                           | i              |
| Abstract                          | ii             |
| Penghargaan                       | iii            |
| Daftar Isi                        | v              |
| Senarai Kependekan                | ix             |
| BAB 1: Pendahuluan                |                |
| 1.1. Pengenalan                   | 1              |
| 1.2. Pernyataan Masalah           | 3              |
| 1.3. Soalan Kajian                | 7              |
| 1.4. Objektif Kajian              | 7              |
| 1.5. Definisi Tajuk               | 8              |
| 1.5.1. Sejarah                    | 8              |
| 1.6. Skop dan Batasan Kajian      | 10             |
| 1.7. Kepentingan kajian           | 12             |
| 1.8. Ulasan Penyelidikan Lepas    | 14             |
| 1.9. Metodologi Penyelidikan      | 21             |
| 1.9.1. Bentuk Kajian - Kualitatif | 21             |
| 1.9.2. Metode Kajian Kualitatif   | 22             |
| 1.9.3. Metode Pengumpulan Data    | 23             |
| 1.9.4. Prosedur Penyelidikan      | 25             |
| 1.9.5. Metode Analisis Data       | 25             |
| 1.9.5.1. Kaedah Induktif          | 26             |
| 1.10. Susunan Penulisan           | 27             |
|                                   | v              |

|   |    |
|---|----|
| <b>BAB 2 : Latar Belakang Permulaan Orang Melayu Menerima Islam dan Perkembangan Pendidikan Islam Di Tanah Melayu</b> |    |
| 2.1. Sejarah Kedatangan Islam di Alam Melayu  | 29 |
| 2.2. Perkembangan Pendidikan Islam di Alam Melayu   | 30 |
| 2.3. Bentuk-bentuk Pendidikan Islam di Alam Melayu  | 35 |
| 2.3. Perkembangan Pendidikan Islam di Perak (1900-1957)   | 42 |
| 2.4. Penubuhan Sekolah Agama di Perak   | 45 |
| 2.5. Kekurangan dan Kelemahan Dalam Pelaksanaan Pendidikan Islam  | 51 |
| 2.6. Kesimpulan   | 53 |
| <b>BAB 3 : Sejarah Penubuhan Sekolah Menengah Agama Ad-Diniah Al-Islamiah dan Perkembangannya Pada Hari Ini</b>       |    |
| 3.1. Sejarah Penubuhan  | 55 |
| 3.2. Tujuan Penubuhan SMADI   | 60 |
| 3.3. SMADI dan Perkembangannya  | 66 |
| 3.4. Misi SMADI   | 78 |
| 3.5. Visi SMADI   | 79 |
| 3.6. Objektif dan Slogan SMADI  | 79 |
| 3.7. Piagam Pelanggan SMADI   | 81 |
| 3.8. Ikrar Pelajar SMADI  | 81 |
| 3.9. Lirik Lagu Rasmi SMADI   | 81 |
| 3.10. Pentadbiran SMADI   | 83 |
| 3.11. Pembangunan Infrastruktur SMADI   | 84 |
| 3.12. Pengambilan Pelajar   | 86 |
| 3.13. Matapelajaran Yang diajar di SMADI Selepas Dinaik Taraf Menjadi SABK  | 88 |



|  |            |
|--|------------|
| 3.14. Kelas Tahfiz   | 90         |
| 3.14.1. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Kelas Tahfiz  | 94         |
| 3.15. Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu TAHFIZ (KBT)                                      | 98         |
| 3.16. Kurikulum Bersepadu DINI   | 99         |
| 3.16.1. Senarai Matapelajaran DINI   | 101        |
| 3.17. Cabaran dan Masalah yang dihadapi SMADI sebagai SABK   | 103        |
| 3.18. Kesimpulan   | 104        |
| <b>BAB 4 : Latar Belakang Pengasas SMADI Sheikh Junid Tola dan Tokoh Pembaharuan SMADI Dr. Jurij Jalaludin</b> | <b>106</b> |
| 4.1. Pendahuluan   | 106        |
| 4.2. Latar Belakang Sheikh Junid Tola  | 107        |
| 4.3. Pendidikan  | 108        |
| 4.4. Sumbangan Sheikh Junid  | 112        |
| 4.5. Idea Sheikh Junid dalam Membangunkan Ekonomi  | 115        |
| 4.6. Perjuangan Kemerdekaan  | 118        |
| 4.7. Pendekatan Sheikh Junid dalam mendidik masyarakat Kepada Agama  | 120        |
| 4.8. Pembangunan dan Pembaharuan   | 123        |
| 4.9. Tokoh Pembaharuan : Dr Jurij b Jalaludin  | 124        |
| 4.9.1. Latar Belakang Pendidikan dan Pekerjaan   | 124        |
| 4.10. Usaha-usaha Dr Jurij dalam Membangunkan SMADI  | 126        |
| 4.10.1. Latihan Perguruan untuk Guru-Guru  | 125        |
| 4.10.2. Penyusunan Semula Kurikulum  | 127        |

|   |     |
|---|-----|
| 4.10.3. Meningkatkan Kecemerlangan Akademik                 | 129 |
| 4.10.4. Pencapaian Kokurikulum                              | 132 |
| 4.10.5. Meningkatkan Kecemerlangan Kokurikulum              | 133 |
| 4.11. Program Pengantarabangsaan                            | 136 |
| 4.12. Kesimpulan  | 138 |
| <br>  |     |
| BAB 5 : Penutup   | 140 |
| 5.1. Pendahuluan  | 140 |
| 5.2. SMADI di awal Penubuhannya Hingga Selepas Menjadi SABK | 140 |
| 5.3. Dari Sudut Keilmuan dan Kepimpinan                     | 142 |
| 5.4. Meningkatkan Kemahiran                                 | 142 |
| 5.5. Kesimpulan Khusus Tokoh Pembaharuan SMADI              | 143 |
| 5.6. Cadangan   | 146 |
| <br>  |     |
| Bibliografi   | 148 |

## SENARAI KEPENDEKAN

|       |                                |
|-------|--------------------------------|
| Jil   | Jilid                          |
| Ed.   | Editor                         |
| t.t   | Tanpa tahun                    |
| Hj    | Haji                           |
| PLS   | Pengerusi Lembaga Sekolah      |
| SAR   | Sekolah Agama Rakyat           |
| SABK  | Sekolah Agama Bantuan Kerajaan |
| KBT   | Kurikulum Bersepadu Tahfiz     |
| KBD   | Kurikulum Bersepadu Dini       |
| PSV   | Pendidikan Seni Visual         |
| MAIP  | Majlis Agama Islam Perak       |
| JAIP  | Jabatan Agama Islam Perak      |
| SMAR  | Sekolah Menengah Agama Rakyat  |
| ERT   | Ekonomi Rumah Tangga           |
| SIGAI | Sifir GARis Itamta             |
| MoU   | Memorandum of Understanding    |
| DTQ   | Diniyyah Tahfizul Quran        |
| API   | Angkatan Pemuda Insaf          |
| AWAS  | Angkatan Wanita Sedar          |
| KHB   | Kemahiran Hidup Bersepadu      |
| BPI   | Bahagian Pendidikan Islam      |
| MCKK  | Malay College Kuala Kangsar    |
| SITC  | Sultan Idris Training College  |

|        |   |
|--------|---|
| S.A.W  | Sallallahu ‘alaihi wasallam                       |
| S.W.T  | Subhanahu wata’ala                                |
| DJJ    | Dr. Jurij Jalaludin                               |
| KPM    | Kementerian Pendidikan Malaysia                   |
| SMADI  | Sekolah Menengah Agama Ad-Diniah Al-Islamiah      |
| STAM   | Sijil Tinggi Agama Malaysia                       |
| YAB    | Yang Amat Berhormat                               |
| FPN    | Falsafah Pendidikan Negara                        |
| PPD    | Pejabat Pendidikan Daerah                         |
| KBSR   | Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah                |
| KBSM   | Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah              |
| JPN    | Jabatan Pendidikan Negeri                         |
| UPI    | Unit Pendidikan Islam                             |
| J-QAF  | Jawi, Al-Quran, bahasa Arab, Fardhu ‘Ain          |
| PIBG   | Persatuan Ibu Bapa dan Guru                       |
| SRAR   | Sekolah Rendah Agama Rakyat                       |
| MIYIO  | Malaysian International Young Inventors Olympiad  |
| WIIPA  | World Invention Intellectual Property Association |
| UNIMAP | Universiti Malaysia Perlis                        |

**KAJIAN SEJARAH PERKEMBANGAN SEKOLAH  
MENENGAH AGAMA AD-DINIAH AL-ISLAMIAH  
PADANG RENGAS, PERAK (SMADI)**

**RUZAINI B ABD KUDUS**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**KAJIAN SEJARAH PERKEMBANGAN SEKOLAH  
MENENGAH AGAMA AD-DINIAH AL-ISLAMIAH  
PADANG RENGAS, PERAK (SMADI)**

**RUZAINI B ABD KUDUS**

**DISERTASI INI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI  
SARJANA USULUDDIN**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1.Pengenalan

Sekolah Menengah Agama Ad-Diniah Al-Islamiah (SMADI) terletak dalam sebuah kampung bernama Kampung Lalang dalam kawasan Padang Rengas yang juga merupakan sebuah pekan kecil dalam daerah Kuala Kangsar Bandar Diraja bagi Negeri Perak Darul Ridzuan. Penduduk Padang Rengas terdiri daripada tiga kaum utama di Malaysia. Lebih daripada 70% penduduknya berbangsa Melayu, 20% berbangsa Cina, 7% berbangsa India dan yang selebihnya lain-lain bangsa.<sup>1</sup> Kebanyakan aktiviti ekonomi seharian penduduk Padang Rengas tertumpu dalam bidang pertanian. Ini dapat dilihat berdasarkan kawasan-kawasan penanaman kelapa sawit yang ditanam secara meluas, penanaman cili, pisang, ternakan binatang dan sebagainya. Manakala selebihnya terlibat dalam perniagaan dan tidak kurang juga yang bekerja di jabatan-jabatan kerajaan seperti di sekolah, pejabat pertanian, klinik kesihatan dan lain-lain.<sup>2</sup> Boleh dikatakan pusat-pusat perniagaan seperti kedai-kedai runcit, klinik, balai polis, pejabat-pejabat kerajaan, pasar, stesen minyak tertumpu di sepanjang kiri dan kanan jalan di pekan Padang Rengas.

Bagi memenuhi keperluan masyarakat berbilang bangsa yang tinggal di Padang Rengas, terdapat beberapa buah sekolah rendah dan menengah didirikan untuk mendidik anak-anak warga penduduk di situ. Antara sekolah rendah yang terdapat di sini seperti Sekolah Tun Dr Ismail dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kheu Min. Manakala sekolah-sekolah menengah ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Perak, Kolej Vokasional

---

<sup>1</sup>Dari Laman Sesawang: [https://ms.wikipedia.org/wiki/Padang\\_Rengas](https://ms.wikipedia.org/wiki/Padang_Rengas)

<sup>2</sup>*Ibid.*

Kuala Kangsar, Ma'ahad Al- Yahyawiyah dan Sekolah Menengah Agama Ad-Diniah Al-Islamiah (SMADI).

Pada awal penubuhan sekolah ini SMADI dikenali sebagai Al-Madrasah Al-Islamiah yang dibangunkan pada 1925 oleh Sheikh Junid Tola.<sup>3</sup> Pada masa itu sekolah ini hanya dibuka khusus untuk kaum wanita dan dikenali dengan nama Madrasah Diniah Islamiyyah Putri, Kampung Lalang, Padang Rengas Perak.<sup>4</sup> Penubuhan madrasah ini bukan sahaja menitik beratkan pelajaran agama dan akademik semata-mata tetapi juga melatih pelajaran secara amali seperti ilmu berniaga contohnya membuat kicap, sabun, minyak angin, menghasilkan kacang masin, bersawah, berkebun dan menjahit (untuk penuntut perempuan) yang turut dijadikan pelajaran yang wajib diketahui oleh para penuntutnya.<sup>5</sup>

Hasilnya, menjelang penghujung 1930-an telah terdapat 30 buah kedai kepunyaan warga Melayu di Padang Rengas yang terdiri daripada kedai getah, kedai kopi, kedai gunting rambut, kedai runcit dan sebagainya<sup>6</sup> yang ditubuhkan hasil inisiatif Sheikh Junid Tola.<sup>7</sup> Beliau sendiri telah mengajar para pelajarnya teknik menanam buah-buahan dan sayur-sayuran yang betul.<sup>8</sup> Dalam perkembangan industri dan membangunkan ekonomi penduduk, beliau telah mempelawa pengusaha batik dan pembuat terompah dari tempat lain untuk datang membuka perusahaan mereka di Padang Rengas.<sup>9</sup> Selain itu madrasah ini juga telah dijadikan tempat berhimpun para tokoh pejuang kemerdekaan. Dalam satu

---

<sup>3</sup>Majalah SMADI Edisi Kedua 2012, Sejarah SMADI, hal 10.

<sup>4</sup>*Ibid.*

<sup>5</sup>Jurij Jalaludin, *Sejarah Sekolah Agama Di Perak (2012)*, Utusan Malaysia, [utusan.com.my/utusan/pendidikan](http://utusan.com.my/utusan/pendidikan) 20120514/Sejarah Sekolah Agama di Perak.

<sup>6</sup>*Ibid.*

<sup>7</sup>Mohammad Redzuan Othman (2006), Syeikh Junid Tola (1886-1948): Ulama Progresif Penggerak Kesedaran Politik dan Kemajuan Sosial Masyarakat Melayu. Farid Md. Zain, Jaffary Awang dan rabitah Mohd. Ghazali, Prosiding Nadwah Ulama Nusantara. Ketokohan dan Pemikiran Ulama Melayu Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM, 2006, hlm. 427-442.

<sup>8</sup>*Ibid.*

<sup>9</sup>*Ibid.*



demonstrasi besar-besaran di Kuala Kangsar anjuran Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) ternyata Syeikh Junid Tola turut melibatkan diri dan memainkan peranan yang tersendiri dalam perjuangan menuntut kemerdekaan tersebut<sup>10</sup>.

Pada tahun 1997, madrasah ini telah dikenali sebagai Sekolah Menengah Agama Ad-Diniah Al-Islamiah (SMADI) yang kemudiannya telah diserap menjadi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) secara rasminya pada tahun 2006.<sup>11</sup> Pada tahun 2007, sebuah bangunan dua tingkat telah mula didirikan yang telah dijadikan bangunan kelas untuk para pelajarnya. Sehingga kini SMADI menempatkan lebih kurang 230 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar perempuan kesemuanya.<sup>12</sup>

## **1.2.Pernyataan Masalah**

Dalam kajian ini terdapat dua perkara yang menjadi utama yang diketengahkan iaitu:

1.2.1. Sejarah perkembangan SMADI ketika mula ditubuhkan dan perbezaannya dengan masa kini.

SMADI ditubuhkan pada tahun 1925<sup>13</sup> oleh Sheikh Junid Tola di Kampung Lalang, Padang Rengas sekembalinya beliau dari Mesir. Beliau telah mewujudkan kelas pengajian di sebuah surau berhampiran rumahnya. Antara pelajaran yang diajar dalam kelas pengajian tersebut ialah matapelajaran aqidah dan fiqah.<sup>14</sup> Beliau mengajar aqidah berpandukan Al-Quran dan Al-Sunnah, mengajar solat kepada mereka yang baru mahu belajar solat dengan sempurna.<sup>15</sup> Di sekolah beliau tidak hanya menumpukan pengajaran

---

<sup>10</sup>*Ibid*

<sup>11</sup>*Majalah SMADI Edisi Kedua (2012), hal 10*

<sup>12</sup>*Ibid.*

<sup>13</sup>*Ibid.*

<sup>14</sup>Mohammad Redzuan Othman, op.cit.

<sup>15</sup>*Ibid.*

ilmu agama semata-mata bahkan turut mengajar perkara-perkara berkaitan dengan pembangunan ekonomi. Pengajaran tersebut terbahagi kepada dua iaitu penanaman sayur, buah-buahan dan pembangunan industri.<sup>16</sup>

Ilmu berkaitan agama seperti tawhid, tasawuf, fiqh, tafsir dan hadith merupakan matapelajaran yang diajar di pondok atau madrasah pada ketika itu. Manakala matapelajaran bahasa Arab seperti nahu Arab, saraf, balaghah juga turut diajar. Kegiatan pengajian di pondok bertujuan untuk mendedahkan masyarakat tentang segala permasalahan dalam Islam seperti ibadah, hukum-hakam, akidah dan perkara-perkara yang berkait dengan persoalan dalam agama Islam. Oleh kerana ilmu-ilmu yang diajar merupakan keperluan masyarakat pada masa itu, ia telah berjaya menarik para pelajar yang terdiri dari masyarakat setempat dan dari luar daerah yang lain untuk datang belajar ilmu di situ.

Jika diamati, pengasas madrasah SMADI secara tidak langsung telah merangka sistem pengajian yang hendak diajar berdasarkan keperluan masyarakat pada ketika itu. Justeru, di sini terdapat perbezaan di antara sistem pengajian di madrasah ini sebelum ini berbanding sekarang. Sistem sekarang telah digubal dan disusun dengan lebih baik dan sistematik yang mampu berdaya saing dengan kehendak semasa. Sebelum ini para pelajar hanya belajar di rumah guru. Apabila bilangan pelajar bertambah ramai, pengajian telah berpindah ke surau atau masjid. Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 hingga kini, cara pengajian begini dilihat tidak begitu sesuai dengan kehendak dan keperluan semasa.

---

<sup>16</sup>*Ibid.*

Sheikh Junid Tola merupakan pelopor kepada pendidikan Islam yang menggunakan sistem madrasah di Mandailing dan Perak.<sup>17</sup> Pada pandangan pengkaji, sistem madrasah dan pondok mempunyai persamaan dari segi sistem pengajiannya yang diasaskan oleh ulama-ulama yang mendapat pendidikan dari Timur Tengah. Sebagai contoh Syed Sheikh Al-Hadi yang mendapat pendidikan agama dan akademik di Mesir yang telah membuka madrasah Al-Iqbal setelah kembali ke Tanah Melayu,<sup>18</sup> Haji Salleh Masri juga mendapat pendidikan agama di Mesir dan telah mengasaskan pondok Al-Masriyah di Bukit Mertajam.<sup>19</sup> Manakala Sheikh Junid Tola telah mengasaskan Madrasah Ad-Diniah, Kampung Lalang, Padang Rengas apabila beliau kembali dari Mesir.<sup>20</sup> Madrasah dan pondok ini menyediakan mata pelajaran yang hampir sama kerana kebanyakan ulama-ulama yang menubuhkan madrasah dan pondok tersebut menuntut ilmu di pusat-pusat pengajian yang sama di Timur Tengah.

Kini, kurikulum yang diajar di SMADI telah ditambah dengan beberapa mata pelajaran teras yang berlandaskan kepada Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Mata pelajaran seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik, Sains, Ekonomi Asas, Geografi, Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB), Ekonomi Rumah Tangga (ERT)<sup>21</sup> di samping mengekalkan mata pelajaran agama dan bahasa Arab mengikut sukatan pelajaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seperti Bahasa Arab, pendidikan al-Quran dan as-Sunnah, pendidikan Syariah Islamiah, insyakh, nahu, sorof, tafsir, hadis, tauhid, balaghah dan feqah.<sup>22</sup>

---

<sup>17</sup>Wan Mohd Saghir (2006), *Sheikh Junid Tola Ulama Terkenal di Mandailing dan Perak*

<sup>18</sup>Tajudin Saman (1993), *Tokoh Ulama Nusantara*, Berita Publishing Sdn Bhd 1993, hal 24.

<sup>19</sup>*Ibid.* Hal 115

<sup>20</sup>Wan Mohd Saghir. Op.cit

<sup>21</sup>Majalah SMADI Edisi Kedua (2012), hal 37.

<sup>22</sup>*Ibid.* hal 38.

Sejauh mana SMADI yang telah berusia hampir satu abad masih mampu bertahan dan terus mengorak langkah untuk mendepani cabaran menjadi sekolah cemerlang dalam mendidik masyarakat dalam memahami agama Islam seperti di awal penubuhannya dahulu perlu dikaji. Ini perlu dilakukan bagi mengembalikan keyakinan masyarakat agar terus menyokong sekolah supaya kembali berada di persada kecemerlangan seperti sebelumnya.

1.2.2. Sejauh mana kemudahan infrastruktur sekolah dapat menyumbang kepada perkembangan SMADI.

Kewujudan SMADI berbanding sekolah-sekolah lain dalam daerah Kuala Kangsar dilihat agak ketinggalan berbanding dengan sekolah-sekolah lain dalam daerah yang sama terutama dari aspek infrastruktur. Pengkaji meluaskan lagi isu ketinggalan dari segi infrastruktur. Infrastruktur tidak hanya merujuk kepada aspek fizikal sekolah semata-mata tetapi dari aspek bilangan guru yang mencukupi, kemahiran guru bagi matapelajaran tertentu, bahan-bahan rujukan di perpustakaan, kemampuan sekolah dari segi kewangan, penyediaan makanan yang bersih, berzat dan berkhasiat juga perlu diberikan perhatian.

Setiap pelajar mempunyai tahap kemampuan yang berbeza di antara satu sama lain. Oleh itu, untuk mencungkil bakat dan kemampuan para pelajar agar menjadi cemerlang memerlukan sokongan-sokongan lain untuk membantu mereka supaya dapat mencapai tahap seperti yang diharapkan oleh pihak sekolah, guru dan ibubapa. Untuk bersikap adil terhadap para pelajar, sewajarnya semua pihak yang terlibat dalam pembangunan pendidikan di SMADI perlu menyediakan infrastruktur yang secukupnya untuk kecemerlangan para pelajar. Apabila berada di sekolah menengah kecenderungan

pelajar kepada sesuatu yang mereka suka dan minat akan dapat dikesan oleh guru. Ee Ah Meng dalam bukunya bertajuk 'Sekolah dan Bilik Darjah'<sup>23</sup> menyatakan guru dapat mengesan kecenderungan dan kebolehan melalui ramalan terhadap murid hasil dari ujian prognostik<sup>24</sup> yang dijalankan terhadap mereka.

### **1.3. Soalan kajian**

Berdasarkan kepada latarbelakang masalah yang telah dinyatakan, pengkaji menyenaraikan beberapa soalan kajian seperti berikut:

1. Bagaimanakah penubuhan SMADI (1925) dan perkembangannya ketika ia mula ditubuhkan sehingga diserap sebagai Sekolah Agama bantuan Kerajaan (SABK) pada 2006?
2. Bagaimanakah kemudahan infrastruktur SMADI dapat memberi sumbangan terhadap perkembangan sekolah hingga kini?
3. Apakah perbandingan dan perbezaan diantara sistem pendidikan yang dilaksanakan ketika di awal penubuhan SMADI dengan sistem pendidikan setelah ia diserap sebagai sebuah sekolah SABK?

Soalan-soalan kajian di atas amat penting kepada pengkaji bagi menjelaskan objektif kajian berikut:

### **1.4. Objektif Kajian**

Terdapat tiga objektif utama kajian yang diketengahkan oleh penulis dalam penulisan ini ialah:

---

<sup>23</sup>Ee Ah Meng (1994), *Sekolah dan Bilik Darjah*, Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, hal 258.

<sup>24</sup>Ujian yang dilakukan di dalam bilik darjah untuk membuat ramalan tentang kecenderungan dan kebolehan murid.

- 1) Mengkaji sejarah perkembangan SMADI sejak dari awal penubuhannya hingga ia diserap menjadi sebuah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).
- 2) Mengkaji perkembangan infrastruktur SMADI ketika mula ditubuhkan dan selepas dinaik taraf sebagai sebuah sekolah SABK.
- 3) Mengkaji perbandingan dan perbezaan bentuk pendidikan yang dilaksanakan oleh pengasas Sheikh Junid Tola ketika beliau mula menubuhkan sekolah berbanding dengan bentuk pendidikan yang telah diperbaharui oleh tokoh pembaharuan Dr. Hj. Jurij bin Jalaludin.

### **1.5. Definisi Tajuk**

Tajuk Penyelidikan ini ialah “Kajian Sejarah Perkembangan Sekolah Menengah Agama ad-Diniah al-Islamiah Padang Rengas, Perak (SMADI)”.

#### **1.5.1. Sejarah**

Perkataan “Sejarah” dari sudut etimologinya mempunyai tiga pengertian iaitu asal usul (keturunan), salasilah sejarah Melayu iaitu peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau, kisah, riwayat, tambo, kajian dan pengetahuan mengeni peristiwa-peristiwa yang telah lalu.<sup>25</sup> Dalam Kamus Bahasa Melayu yang disusun oleh R.O Winstedt, perkataan sejarah dikatakan berasal daripada istilah bahasa Arab. Walau bagaimanapun beliau tidak menyebut perkataan Arab tersebut, tetapi beliau mengertikan sejarah itu sebagai salasilah, tawarikh dan babad.<sup>26</sup>

---

<sup>25</sup>*Ibid.*

<sup>26</sup>Winstedt, R.O. (1970), *Kamus Bahasa Melayu, Cetakan 4*. Kuala Lumpur: Marican & Sons Sdn. Bhd, hal 272. Perkataan babad berasal dari perkataan Jawa yang bermaksud sejarah atau riwayat.

Ibrahim Alfian dan Pyan Husayn pula berpendapat besar kemungkinan perkataan Arab tersebut ialah ‘شجرة’ yang bermaksud pokok atau pohon.<sup>27</sup> Manakala dalam bahasa Inggeris pula, perkataan sejarah disebut sebagai *history* yang mana kata asalnya dari perkataan Latin iaitu *historia* yang bermaksud suatu penceritaan mengenai peristiwa yang benar-benar berlaku.<sup>28</sup> Terdapat beberapa perbezaan pendapat dari sejarawan barat mengenai sejarah. Umpamanya Benedetto Croce, beliau mengatakan sejarah merupakan kisah mengenai kebebasan dan semua yang berkaitan dengan sejarah adalah milik semasa.<sup>29</sup>

Dengan kata lain, sejarah adalah merupakan himpunan masa lalu yang diukur mengikut urutan masa dan perubahan yang telah berlaku. Ibnu Khaldun (1332-1406M) mencatatkan dalam karyanya yang masyhur al-Muqaddimah bahawa ilmu sejarah merupakan catatan tentang watak masyarakat umat manusia, perjalanan nabi-nabi dan hal ehwal pemerintahan yang bertujuan untuk dijadikan sebagai panduan dalam meneruskan kehidupan melaksanakan hal ehwal agama dan dunia.<sup>30</sup> Imam Barnadib berpandangan sejarah adalah jumlah perubahan kejadian-kejadian dan peristiwa-peristiwa dalam kenyataan di sekitar kita tentang perubahan-perubahan tersebut dalam masa lampau.<sup>31</sup>

Oleh yang demikian, pengkaji menyimpulkan bahawa, kajian yang dijalankan ini merupakan kajian mengenai sejarah perkembangan sebuah sekolah, perkembangan

---

<sup>27</sup>Drs Teuku Ibrahim Alfian (1972/73), *Pengertian Kata Sejarah*, Jebat, bil. 2, Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, hal 99. Lihat juga Pyan Husayn (1975), *Teori dan Metode Sejarah*, Dewan Bahasa, Jil. 19, bil 3, Mac 1975.

<sup>28</sup>Dr Ernest Klein (1996), *A Comprehensive Dictionary of The English Language*. Amsterdam : Elsevier Publishing Company. Lihat juga Meire Weir Kay (1976), Webster’s Collegiate Thesaurus. USA: G. &C. Merriam Company Publisher, hal 402 dan Oxford Student’s Dictionary of English. London: Oxford University Press, hal 316.

<sup>29</sup>Muhd Yusof Ibrahim & Mahyuddin Hj Yahya (1968), *Sejarawan dan Pensejarahan: Tokoh dan Karya*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hal 305.

<sup>30</sup>Ibn Khaldun (t.t), *Muqaddimah Ibn Khaldun*, Ali Abd. Al-Wahid Wafi (ed), jld 1. Qahirah: Dar Al-Nahdhah, hal 291.

<sup>31</sup>Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta; Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, hal 20.

infrastrukturnya di awal penubuhannya berbanding sekarang dan perbandingan bentuk pendidikan yang telah dilaksanakan oleh pengasasnya Sheikh Junid Tola dengan bentuk pendidikan yang telah dilaksanakan pembaharuan oleh tokoh pembaharuan Dr Jurij bin Jalaludin. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah berdasarkan kepada catatan ataupun rekod mengenai situasi SMADI pada masa lalu yang bersangkutan paut dengan pendidikan dalam satu tempoh masa yang tertentu.

### **1.6.Skop dan Batasan Kajian**

Kajian ini mempunyai skop dan batasan yang telah digariskan. Persoalan-persoalan-persoalan yang dikemukakan di sini mengandungi ruang lingkungannya:

Kajian yang dijalankan ini dilaksanakan mengenai sejarah penubuhan dan perkembangan SMADI bermula dari awal penubuhannya pada tahun 1925 hingga pada zaman kemerosotannya setelah kematian pengasasnya dan setelah ia dibangunkan semula dan dinaik taraf menjadi SABK. Tumpuan kajian ini ialah persoalan berkaitan dengan penubuhan dan perkembangan SMADI di peringkat awal penubuhannya sehingga ia diambil alih oleh pihak kerajaan sebagai SABK. Seterusnya kajian ini mengkaji perkembangan kemudahan infrastruktur SMADI yang meyumbang kepada kewujudan sekolah ini sehingga ia mampu bertahan hingga ke hari ini. Beberapa isu lain turut dikaji antaranya mengenai bentuk pendidikan yang dilaksanakan oleh pengasasnya dan pembaharuan dari sudut pendidikan yang telah ditambah baik oleh tokoh pembaharuan SMADI.



SMADI dipilih sebagai fokus kajian kerana ia termasuk antara sekolah-sekolah agama yang terawal ditubuhkan di negeri Perak. Pengkaji mendapati sekolah ini kurang diberikan perhatian oleh pengkaji-pengkaji terdahulu berbanding kajian mengenai Maahad Al-Ehya As-Sharif dan Madrasah Idrisiah. Sebagai contoh, kajian yang dijalankan oleh Nabir Haji Abdullah bertajuk “*Maahad Al-Ehya As-Shariff Gunung Semanggol 1934-1959*” membincangkan penglibatan sebuah institusi agama dalam mengisi arus perjuangan menuntut kemerdekaan dari pihak British serta ketokohan Ustaz Abu Bakar Al Baqir dalam perjuangan politik orang Melayu<sup>32</sup>. Contoh lain, kajian yang telah dijalankan oleh Nor Adina binti Abdul Kadir yang bertajuk “*Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala Kangsar, Perak: Sejarah dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam Dari Tahun 1985-1999*”. Dalam kajian ini, beliau memfokuskan berkaitan sejarah perkembangan Madrasah Idrisiah, bentuk dan jenis pengajiannya sebelum dan selepas merdeka serta tokoh yang melakukan pemulihan dan sumbangan terhadap perkembangan Madrasah Idrisiah dari tahun 1985-1999.<sup>33</sup> Justeru, melalui kajian yang dijalankan oleh pengkaji dapat membuka mata masyarakat bahawa SMADI memiliki sejarah perkembangan sebagai sebuah pusat pendidikan Islam yang penting khususnya di Perak untuk diketahui oleh masyarakat umum.

Skop kajian ini juga meliputi bentuk pendidikan yang telah dilaksanakan di peringkat awal penubuhan SMADI, terutama berkaitan dengan matapelajaran yang diajar di sekolah ini. Seterusnya perbincangan kajian adalah mengenai perkembangan sekolah dan pembangunan infrastruktur di SMADI yang mencukupi aspek pengajaran dan pendidikan yang telah menarik minat pelajar-pelajar tempatan dan dari luar kawasan dan

---

<sup>32</sup>Nabir Haji Abdullah (1976), *Maahad al-Ehya as-Shariff, Gunung Semanggol 1934-1959*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

<sup>33</sup>Nor Adina binti Abdul Kadir (2010), *Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala Kangsar Perak: Sejarah dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam dari Tahun 1985-1999*, Universiti Malaya,

daerah untuk datang menuntut ilmu di sekolah ini. Pengkaji juga mengkaji peranan yang telah dimainkan oleh pengasas SMADI iaitu Sheikh Junid Tola yang telah mencetuskan idea penubuhan, merangka bentuk pengajian dan memilih matapelajaran untuk diajarkan kepada para pelajar.

Di samping itu, kajian ini turut menyentuh peranan seorang tokoh yang bertanggungjawab membangunkan dan melakukan pembaharuan pada SMADI iaitu Dr. Hj. Jurij b Jalaludin yang merupakan pengetua SMADI sekarang dalam mencetuskan pembaharuan dari segi fizikal, infrastruktur dan bentuk pendidikan di SMADI. Skop kajian ini juga melihat dua orang tokoh ini diketengahkan dalam meneliti perkembangan SMADI ketika ia mula ditubuhkan sehingga ia telah diambil alih oleh pihak kerajaan menjadi SABK. Tokoh ini juga merupakan pencetus idea kepada pembaharuan yang telah dilaksanakan di SMADI supaya menepati kehendak dan keperluan pendidikan semasa dan menjadikan SMADI mampu dan setanding dengan sekolah-sekolah yang lain khususnya di Perak.

### **1.7.Keputusan Kajian**

Idea untuk melakukan penyelidikan ini lahir apabila pengkaji mendapati belum terdapat mana-mana pihak yang membuat kajian berkaitan dengan SMADI meskipun ia mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Oleh itu, pengkaji mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian ini, berasaskan kepada faktor-faktor sejarah penubuhan dan perkembangan SMADI.

Kajian ini juga boleh dimanfaatkan oleh pihak-pihak yang ingin mengetahui tujuan sekolah-sekolah agama ditubuhkan di negeri ini. Umum mengetahui penubuhan sekolah-sekolah agama Islam bukan sekadar untuk menyaingi sekolah-sekolah yang ditubuhkan oleh para mubaligh Kristian, malah para ulama' menubuhkan institusi agama itu kerana menyedari akan keperluan masyarakat Melayu yang memerlukan pengajian mengenai ilmu agama Islam. Sehubungan dengan itu, minda masyarakat dapat dibuka dan mampu membezakan di antara kebenaran dan kebatilan.

Dengan adanya kajian seperti ini diharapkan masyarakat lebih jelas memahami sejarah penubuhan institusi agama Islam yang terdapat di negeri Perak ini dan ingin dan dapat mengetahui dengan lebih mendalam mengenai sejarah perkembangan pendidikan ajaran Islam melalui penubuhan sekolah-sekolah agama yang telah dibina. Masyarakat juga dapat mengetahui saingan dan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Islam di Tanah Melayu selepas kedatangan Barat dengan wujudnya sekolah-sekolah yang dibuka oleh mubaligh Kristian yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.<sup>34</sup>

Kajian yang meluas tertumpu kepada kepada sistem pendidikan yang ditubuhkan oleh penjajah Inggeris yang dianggap begitu berkesan dan dapat memberi kemajuan yang lebih baik untuk mendidik dan memajukan masyarakat Melayu yang rata-ratanya ketinggalan dari pelbagai segi pada waktu itu. Dengan adanya kajian ini dilihat dapat menambahkan lagi kajian khusus berkaitan dengan aspek pembangunan pendidikan Islam melalui sekolah-sekolah yang ditubuhkan oleh para ulama yang berusaha menyaingi pengaruh sekolah-sekolah yang ditubuhkan oleh pihak penjajah.

---

<sup>34</sup>Tamadun Islam dan Tamadun Asia (2011), hal 127.

## 1.8.Ulasan Penyelidikan Lepas

Sebelum ini ramai yang telah membuat kajian berkaitan dengan tajuk ini sama ada menyentuh secara langsung dan tidak langsung. Penulis telah mencari dan mengumpulkan bahan kajian penulisan yang lepas berkaitan dengan tajuk kajian untuk melengkapkan kajian penulis. Pengkaji meneliti kajian yang dilakukan oleh Nor Adina bt Abdul Kadir (2010) yang bertajuk “Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala Kangsar: Sejarah dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam dari Tahun 1985-1999”. Kajian ini menumpukan terhadap perkembangan Madrasah Idrisiah pada tahun 1985-1999 sahaja. Kajian ini tidak menjelaskan perbezaan di antara sistem pendidikan yang dijalankan di awal penubuhan Madrasah Idrisiah pada tahun 1917 dengan sistem yang dilaksanakan pada masa sekarang. Bentuk-bentuk perubahan yang berlaku pada sistem pendidikan di Madrasah Idrisiah juga tidak difokuskan dalam kajian tersebut. Berdasarkan daripada penulisan ini, pengkaji membuat perbandingan di antara bentuk pendidikan yang digunakan di SMADI sebelum ini dengan bentuk pendidikan yang telah dilakukan penambahbaikan SMADI sekarang.

Manakala artikel oleh Nor Adina binti Abdul Kadir dan Mohd Roslan bin Mohd Nor (2013) bertajuk “Era Pemulihan Di Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala Kangsar Perak: Analisis Sumbangan Ustaz Musa bin Zainuddin (1985-1999)”, menekankan seorang tokoh yang berusaha gigih membawa kembali zaman kegemilangan madrasah tersebut sebagaimana pada zaman awal penubuhannya. Pengkaji ini hanya membataskan kajiannya kepada beberapa langkah transformasi yang telah dilakukan oleh Ustaz Musa bin Zainuddin dalam mengembalikan kecemerlangan dan pencapaian Madrasah Idrisiah menjadi sebuah institusi yang mashyur seperti sebelum ini. Dalam kajian yang dilakukan oleh pengkaji, turut membincangkan peranan dua orang tokoh penting dalam penubuhan

dan pembaharuan SMADI iaitu Sheikh Junid Tola dan Pengetua SMADI sekarang Dr Hj. Jurij bin Jalaluddin.

Wan Mohd Saghir Abdullah (2006), dalam artikelnya bertajuk “Sheikh Junid Tola : Ulama terkenal di Mandailing dan Perak” banyak memfokuskan berkaitan latar belakang dan biodata tokoh seperti asal usul dan sejarah pendidikan beliau. Artikel ini menjadi landasan dalam kajian penulis yang membincangkan peranan tokoh dalam penubuhan sekolah agama dan menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat setempat, di samping mendapatkan fakta –fakta yang relevan dan berkaitan dengan kajian pengkaji.

Mustafa bin Abdullah (2008), dalam tulisannya yang bertajuk “Pengaruh Tafsir al-Manar dan Kesannya kepada Perjuangan Reformis Tempatan Memartabatkan Pendidikan Orang-Orang Melayu” menyatakan antara punca yang menyebabkan kemunduran umat Islam ialah kegagalan mereka dalam menuntut ilmu seperti yang dituntut oleh Islam.<sup>35</sup> Hanya dengan ilmu dapat mengubah taraf hidup dan menjadikan sejarah umat Islam yang gemilang satu ketika dahulu.

Pendedahan dalam majalah al-Manar telah membuka minda ulama-ulama tempatan untuk menerima dasar pendidikan secara menyeluruh dan bersepadu. Pendidikan melalui pembacaan ataupun hafalan sahaja tidak menjadikan seseorang itu berilmu sepenuhnya, malah ia perlu dikembangkan dan diperincikan dengan ilmu-ilmu yang moden terutama ilmu berkaitan ekonomi, sejarah, geografi, matematik, kesihatan dan lain-lain yang sesuai

---

<sup>35</sup>Mustafa bin Abdullah (2008), Pengaruh Tafsir al-Manar dan Kesannya kepada Perjuangan Reformis Tempatan Memartabatkan Pendidikan Orang-Orang Melayu, Jurnal Pengajian Melayu jilid 19, hal 110.

dengan keperluan zaman.<sup>36</sup> Berbeza dengan penulisan pengkaji yang membandingkan bentuk dan corak pengajian semasa awal penubuhan dan corak dan bentuk pengajian yang dilaksanakan di SMADI pada masa kini.

Dalam artikel yang ditulis oleh Jurij b Jalaludin (2012) bertajuk “Sejarah Sekolah Agama di Perak”, menerangkan penubuhan beberapa sekolah agama yang terawal di Perak sejak tahun 1918 lagi hingga tahun 2006. Tulisan ini lebih menumpukan kepada penubuhan beberapa sekolah agama sebelum merdeka dan pasca kemerdekaan tanpa memfokuskan sekolah-sekolah tertentu secara khusus. Dalam kajian ini beliau membincangkan mekanisme sekolah-sekolah itu beroperasi secara bersendirian tanpa mendapat bantuan dari pihak luar terutamanya dari segi kewangan sehinggalah pasca merdeka. Kemudiannya sekolah-sekolah ini telah mendapat perhatian dan peruntukan daripada kerajaan dalam menambahbaik dan menyokong kewujudan sekolah-sekolah agama rakyat. Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah memilih salah sebuah sekolah yang disebut dalam kajian tersebut iaitu SMADI untuk mengkaji sejarah penubuhan SMADI, perkembangan infrastruktur dan perbandingan bentuk pendidikan SMADI pada awal penubuhannya dengan pada hari ini.

Artikel yang ditulis oleh Mohd Roslan Mohd Nor dan Wan Mohd Tarmizi Wan Othman (2011) bertajuk “Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia” memfokuskan perkembangan sejarah perkembangan pendidikan Islam di Malaysia bermula dari awal zaman kedatangan Islam ke Tanah Melayu serta aktiviti pendidikan

---

<sup>36</sup>Ibid. hal 111.

yang berlaku pada waktu tersebut. Terdapat pelbagai institusi pengajian antaranya di rumah, masjid, surau, istana yang dijadikan sebagai pusat dakwah dan aktiviti keilmuan.

Fokus kajian ini juga berkaitan perkembangan pendidikan Islam pada zaman penjajahan barat yang menyebabkan bangsa Melayu mula berada dalam zaman kegelapan sama ada dalam bidang ekonomi, politik, kebudayaan, agama dan pendidikan. Perbincangan turut meliputi perkembangan pendidikan Islam selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan yang menunjukkan perkembangan pendidikan Islam menjadi semakin rancak kerana telah mula mendapat perhatian oleh kerajaan. Kajian ini membantu penulis dalam melengkapkan kajian yang dijalankan terutamanya berkaitan dengan pusat perkembangan pendidikan Islam di Perak dan aktiviti-aktiviti keilmuan yang dijalankan. Kajian penulis memfokuskan kepada sejarah perkembangan SMADI serta membandingkan bentuk pengajian yang dilaksanakan di awal penubuhan SMADI sehingga ia diserap menjadi sekolah SABK.

Mohammad Redzuan bin Othman (1998), telah menulis dalam artikel yang memfokuskan mengenai 'Rekonstruksi Pendidikan Islam di Makkah ke dalam Pendidikan Islam di Tanah Melayu'. Tumpuan kajian beliau menekankan mengenai bagaimana pendidikan Islam yang dilaksanakan di Makkah diadaptasikan ke dalam pendidikan Islam di Tanah Melayu. Ini berikutan tokoh-tokoh ulama yang pernah mendapat pendidikan di Makkah apabila mereka kembali ke Tanah Melayu telah membuka kelas-kelas pengajian untuk mengajar masyarakat Melayu tentang Islam dengan menubuhkan madrasah. Kajian ini telah membantu pengkaji mendapatkan maklumat berkaitan dengan sistem pendidikan yang dijalankan di SMADI yang dipengaruhi oleh sistem pendidikan dari Timur Tengah. Memandangkan pengasasnya

mendapat pendidikan di Mesir dan Makkah. Selain itu, dalam kajian ini, pengkaji memberi tumpuan kepada perbandingan bentuk pengajian dan matapelajaran yang diajar di awal penubuhan SMADI dengan bentuk pengajian yang dijalankan pada hari ini.

Dalam tesis oleh Nabir Haji Abdullah (1973) bertajuk “Maahad al-Ehya as-Shariff Gunung Semanggol 1934-1959” mengupas mengenai perjuangan dan ketokohan Ustaz Abu Bakar Al-Baqir dalam menubuhkan Maahad Al-Ehya Asshariff yang menjadi pusat perkembangan ilmu-ilmu dan syiar Islam serta memperjuangkan kepentingan politik orang Melayu khususnya menuntut kemerdekaan dari pihak Inggeris. Namun, dalam tesis ini beliau hanya memfokuskan kajian mengenai perjuangan tokoh Ustaz Abu Bakar Al-Bakir yang menggerakkan orang Melayu membebaskan negara dari pihak penjajah Inggeris. Manakala dalam kajian pengkaji, pengkaji menumpukan kajian mengenai perkembangan SMADI dan sumbangannya dalam memberi pengajaran ilmu kepada anak-anak bangsa Melayu dan perubahan yang berlaku di SMADI dari awal penubuhannya hingga ke hari ini.

Kajian yang dilakukan Arba'iyah Mohd Noor (2010), bertajuk ‘Perkembangan Pendidikan Islam di Kelantan’ memfokuskan mengenai penubuhan dan perkembangan institusi pondok yang terdapat dalam negeri Kelantan. Kajian ini membuktikan masyarakat Melayu khususnya masyarakat di Kelantan mempunyai kesedaran dalam mendidik masyarakat Melayu tentang kepentingan pendidikan. Kajian ini juga menunjukkan negeri Kelantan mempunyai sistem pendidikan asas agama dan Al-Quran yang tersendiri berbanding dengan negeri-negeri lain termasuk Perak yang belum mempunyai sistem yang pendidikan Islam yang khusus. Manakala kajian pengkaji adalah berkaitan dengan penubuhan SMADI di negeri Perak dan peranan ulama yang telah



menubuhkan pondok-pondok pengajian dalam mendidik masyarakat mehamami ilmu-ilmu Islam dengan sistem dan kaedah tersendiri.

Artikel yang ditulis oleh Abu Hanifah Haris dan Mohammad Redzuan Othman (2013), bertajuk “Sumbangan Lulusan Mesir dalam Bidang Pendidikan dan Penulisan di Tanah Melayu dan Indonesia, 1920-an hingga 1970-an” telah membincangkan mengenai pelajar-pelajar Melayu yang menyambung pengajian mereka di Mesir atau di Timur Tengah yang telah memainkan peranan pembangunan dan perkembangan pendidikan Islam di Tanah Melayu. Pengalaman dan pendedahan mereka sepanjang berada di sana telah membantu mereka dalam membangunkan pendidikan di Tanah Melayu.<sup>37</sup> Setelah menamatkan pengajian mereka di sana, mereka pulang ke Tanah Melayu dan menubuhkan madrasah dan sekolah agama dan menjadi tenaga pengajar di madrasah dan sekolah agama di situ. Sumbangan mereka dalam bidang ini telah merancakkan lagi perkembangan pendidikan di Tanah Melayu. Dalam kajian pengkaji ada mempunyai beberapa persamaan dengan kajian ini iaitu berkaitan dengan penubuhan madrasah yang diasaskan oleh Sheikh Junid Tola yang juga merupakan bekas pelajar yang pernah menuntut di Timur Tengah, namun kajian ini turut memfokuskan tentang bentuk pengajian diperkenalkan di madrasah tersebut pada peringkat awal membandingkan bentuk pendidikan yang dilaksanakan pada hari ini.

Menurut Makmur Haji Harun (2014) dalam penulisannya bertajuk “Pendidikan Sebagai Warisan Islam: Kajian dalam Perspektif Sejarah”, pendidikan Islam memberi kesan yang positif dalam membentuk sikap dan watak masyarakat bermula dari sistem

---

<sup>37</sup>Abu Hanifah Haris, Mohamad Redzuan Othman (2013), *Sumbangan Lulusan Mesir dalam Bidang Pendidikan dan Penulisan di Tanah Melayu dan Indonesia, 1920-an hingga 1970-an*, International Journal of West Asian Studies, hal 2.

pengajian yang dijalankan di pondok-pondok.<sup>38</sup> Institusi pondok telah memainkan peranan penting dalam memperkenalkan ilmu-ilmu Islam dan seterusnya dapat mendidik masyarakat dalam memahami ajaran Islam. Walaupun keadaan di pondok serba kekurangan namun kewujudannya telah memberikan pendidikan yang berkualiti kepada para pelajar-pelajarnya. Kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian pengkaji iaitu berkaitan dengan peranan pusat pendidikan untuk mendidik masyarakat. Pengkaji turut mengkaji tentang perkembangan SMADI dalam mendidik masyarakat dengan cara yang diperkenalkan oleh para ulama pada masa itu dan kaedah yang telah disesuaikan dengan keperluan semasa.

Kajian yang dilakukan oleh Mahamabookhoree Aboosalae (2001), bertajuk 'Kedudukan Institusi Pondok dalam Pembangunan Belia Islam Di Pattani Thailand', memberi tumpuan kepada penubuhan institusi pengajian pondok khusus untuk belia Pattani di wilayah Pattani, Thailand untuk memberi kemudahan kepada masyarakat Islam khususnya belia-belia di sana untuk belajar mengenai ajaran agama Islam oleh Tuan-tuan guru yang mendirikan pondok-pondok tersebut khusus untuk memberi didikan Islam agar dapat mengurangkan masalah gejala sosial yang tidak sihat seperti pergaulan bebas, ketagihan dadah, menularnya kes-kes jenayah yang berlaku berleluasa dikalangan belia-belia Islam di Pattani. Adapun kajian yang pengkaji kemukakan ini berbeza dari segi objektif penubuhannya iaitu lebih memberi tumpuan kepada penubuhan sekolah untuk mendidik masyarakat Melayu di Padang Rengas agar lebih memahami ajaran Islam itu sendiri dengan menggunakan kaedah-kaedah yang sesuai pada ketika itu.

---

<sup>38</sup>Makmur Haji Harun (2014), *Pendidikan Sebagai Warisan Islam*, UPSI, hal 18.

Kajian yang dilakukan oleh Ahmad Johari bin Haji Sihes, Abdul Rahim bin Hamdan, Jamaluddin bin Ramli dan Nor Salis binti Samingan (2006), di bawah tajuk “ Pengaruh Pengetahuan Agama ke Atas Amalan Agama dan Gaya Hidup Mahasiswa Islam Universiti Teknologi Malaysia” lebih memberi penekanan kepada tahap pengetahuan asas agama Islam di kalangan mahasiswa Islam dan hubungan antara tahap pengetahuan agama Islam itu dengan amalan agama mahasiswa itu sendiri dalam kehidupan mereka. Kajian ini tidak membincangkan mengenai peranan pendidikan Islam untuk membentuk mahasiswa untuk lebih memahami agama melalui pendidikan dan peranan pendidikan untuk membentuk akhlak Islam di kalangan mahasiswa.<sup>39</sup> Justeru, penulis mengembangkan lagi kajian berkaitan dengan faktor penubuhan sekolah yang menjadi antara pusat didikan Islam terawal di Perak yang menyediakan tempat kepada masyarakat menuntut ilmu-ilmu Islam.

## **1.9. Metodologi Penyelidikan**

### **1.9.1. Bentuk kajian- Kualitatif**

Pendekatan kajian yang dipilih oleh pengkaji ialah pendekatan kualitatif.<sup>40</sup> Menurut Othman Lebar, kajian kualitatif dijalankan dalam latar semula jadi dan penyelidik merupakan instrumen utama dalam pengumpulan data dalam bentuk perkataan atau gambar, menganalisisnya secara induktif, memberi fokus kepada makna yang dibuat oleh partisipan kajian serta dijelaskan dalam bahasa yang ekspresif dan menarik. Dengan kata lain, penyelidikan kualitatif bermaksud sebarang penyelidikan yang menghasilkan dapatan yang bukan melalui prosedur statistik. Bentuk kualitatif lebih sesuai dengan

---

<sup>39</sup>Ahmad Johari bin Hj Sihes, Abdul Rahim bin Hamdan, Jamaluddin bin Ramli, Nor Salis binti Samingan (2006), *Pengaruh Pengetahuan Agama ke Atas Amalan Agama dan Gaya Hidup Mahasiswa Islam Universiti Teknologi Malaysia*, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

<sup>40</sup>Sebarang penyelidikan yang menghasilkan dapatan yang bukan melalui prosedur statistik atau lain-lain bentuk pengiraan.

kajian ini kerana ia membuat sesuatu penelitian yang bertujuan untuk mencari jawapan kepada masalah atau fakta persoalan yang ingin dikaji.<sup>41</sup> Apabila penentuan metod telah dilakukan, perbincangan kajian dilakukan dan dikembangkan melalui huraian yang lebih fokus terhadap permasalahan kajian untuk mendapatkan jawapan yang lebih jelas kepada persoalan yang dibangkitkan.<sup>42</sup> Melalui metod ini, pengkaji menghuraikan sejarah perkembangan sebuah sekolah agama dalam negeri Perak di awal penubuhannya, perkembangannya dan proses pembaharuannya dan dapat terus berfungsi sebagai sebuah sekolah hingga ke hari ini.

### **1.9.2. Metode Kajian Kualitatif**

Perkataan metodologi berasal daripada perkataan Yunani kuno. Terdiri dari dua perkataan yang digabungkan iaitu “*Metodos*” bermaksud cara atau jalan dan “*Logos*” bermaksud pengertian mengenai sebagai ilmu mengenai sesuatu. Bahasa Inggeris pula disebut “*Method*” iaitu sistem, cara membuat atau kaedah.<sup>43</sup> Kamus Dewan mendefinisikan ‘metode’ kepada dua definisi:

1. Cara melakukan sesuatu, sistem.
2. Memberi erti buku pelajaran.<sup>44</sup>

Penyelidikan adalah usaha untuk mencari penyelesaian terhadap sesuatu persoalan dengan menggunakan disiplin ilmiah. Dengan penyelidikan ilmiah, metodologi bererti tatacara teratur yang digunakan oleh manusia untuk menambah ilmu pengetahuan baru. Dengan kata lain penyelidikan juga merujuk kepada kajian yang serius terhadap sesuatu

---

<sup>41</sup>Dr. J.R. Raco, M.E., M.Sc (2010), *Metode Penelitian Kualitatif, Jenis Karakteristik dan Keunggulannya*, Grasindo, hal 66.

<sup>42</sup>*Ibid.* hal 64

<sup>43</sup>Khalid M. Hussein (1999), *Kamus Dwibahasa*, Kuala Lumpur : Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, hal 781

<sup>44</sup>Hajah Noresah Baharom (1994), *Kamus Dewan, Edisi Ketiga*, hal 887.

subjek yang bertujuan untuk mendapatkan fakta-fakta yang baru, kaedah-kaedah saintifik ataupun untuk menguji sesuatu idea .

### **1.9.3. Metode Pengumpulan Data**

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kajian lapangan sebagai metode pengumpulan data. Melalui kajian lapangan, pengkaji telah membuat temu janji untuk mengadakan sesi temu bual dengan beberapa tokoh-tokoh yang telah dipilih berdasarkan kepada kepentingan kajian dan yang ada kaitan dengan kajian. Melalui sesi temubual, pengkaji mengadakan beberapa siri perjumpaan dengan tokoh-tokoh bidang pendidikan dan sejarah yang terlibat dalam pembentangan kertas kerja dan penulisan jurnal. Selain itu, pengkaji mendapatkan data melalui kajian perpustakaan. Pengkaji telah mengenalpasti beberapa buah perpustakaan dan pusat sumber untuk dikunjungi antaranya perpustakaan SMADI, pusat sumber Tunku Abdul Rahman, Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Kuala Lumpur, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dalam mendapatkan data-data yang mengandungi bahan-bahan untuk dimuatkan dalam kajian ini.

Dalam melengkapkan pengumpulan data, pengkaji telah mengunjungi Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah / Perlis pada 12 September (Sabtu) bagi memperolehi bahan berkaitan dengan tokoh ulama Nusantara, artikel perkembangan sekolah-sekolah agama di Tanah Melayu dan biodata pengasas SMADI. Perkembangan penubuhan sekolah-sekolah agama oleh para ulama di Tanah Melayu telah diperolehi oleh pengkaji melalui lawatan ke SMADI. Ketika berkunjung ke Arkib Negara Malaysia Cawangan Perak, pengkaji telah memperolehi sebuah buku bertajuk Warisan Melayu Perak.

Di Perpustakaan Negara Malaysia, pengkaji mendapat himpunan kertas-kertas kerja yang berkaitan dengan Sheikh Junid Tola, begitu juga yang pengkaji peroleh di Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Selain itu, bahan-bahan dapat diperolehi di perpustakaan SMADI sendiri, perpustakaan Tunku Abdul Rahman, Kolej Melayu Kuala Kangsar serta buku-buku berkaitan sejarah pendidikan Islam dan perkembangannya. Setelah bahan-bahan dapat dikumpulkan, memudahkan pengkaji menghuraikan kupasan dengan lebih mendalam melalui analisa berdasarkan beberapa buku-buku, artikel, jurnal yang berkaitan dengan sejarah perkembangan pendidikan Islam di Tanah Melayu dan Nusantara, peranan para ulama dalam menyebarkan pendidikan Islam kepada masyarakat tempatan melalui penubuhan sekolah dan madrasah.

Pengkaji mendapat sumber data primer melalui pencatatan data yang diperolehi di SMADI, mengadakan sesi temu bual dengan Dr. Hj. Jurij bin Jalaludin iaitu Pengetua SMADI dan sumber-sumber data primer untuk kajian ini telah diambil dari pejabat SMADI di Kampung Lalang, Padang Rengas, perpustakaan dan bilik dokumentasi.

Manakala melalui sumber data sekunder, pengkaji mengumpulkan segala data-data yang terdapat dalam jurnal pendidikan, kertas kerja persidangan yang telah dibentangkan oleh pensyarah-pensyarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM), pensyarah-pensyarah UKM, pensyarah-pensyarah UIAM, buku-buku penulisan ilmiah yang berkaitan dengan sejarah dan tamadun Melayu. Selain dari itu, pengkaji juga telah menemubual Prof. Madya Dr. Mohammad Johdi bin Salleh dari *Kuliyah of Education* UIAM yang berkaitan dengan tajuk kajian, para pengkaji sejarah dan tamadun, penulis-penulis jurnal, kertas-kertas kerja yang relevan dengan tajuk kajian. Data-data juga

diperolehi dalam kertas kerja yang telah dibentangkan oleh tokoh-tokoh akademik melalui seminar yang ada hubungkait dengan tajuk kajian yang dianjurkan oleh universiti-universiti tempatan.

#### **1.9.4. Prosedur Penyelidikan**

Untuk melaksanakan kajian lapangan ini, pengkaji telah membuat temu janji untuk menemubual Pengetua SMADI Dr. Hj. Jurij bin Jalaludin untuk mendapatkan maklumat. Pengkaji telah membuat beberapa kali temujanji untuk menemubual Dr. Jurij Bin Jalaluddin, Pengetua SMADI pada 17 Februari 2016 (Rabu) tetapi gagal kerana beliau berada di Putrajaya kerana tugas sebagai Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Pengkaji telah membuat temujanji seterusnya pada 26 Februari 2016 (Jumaat) untuk menemubual beliau di bilik pengetua SMADI. Untuk melengkapkan lagi maklumat, pengkaji membuat temujanji dengan Dr Jurij sekali lagi pada 8 April 2016 (Jumaat) di Bilik Dokumentasi SMADI. Pengkaji juga menemubual beberapa orang guru yang berkhidmat di SMADI iaitu Penolong kanan Pentadbiran, En. Mohd Helmi bin Ibrahim, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM), Pn. Wahida Noor binti Arshad dan guru STAM En Mohammad bin Hussin berkaitan dengan perkembangan pembaharuan yang berlaku di SMADI.

#### **1.9.5. Metode Analisis Data**

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji perlu melakukan beberapa prosedur untuk memastikan segalanya akan berjalan lancar tanpa ada perkara-perkara yang boleh melambatkan proses kajian yang boleh mengganggu kelancaran kajian tersebut. Kaedah analisis data ini diperlukan dalam memberi penerangan dan huraian untuk lebih mudah

memahami konsep yang kabur seperti yang terdapat dalam abstrak. Oleh itu, tema kajian dihuraikan melalui beberapa komponen tajuk-tajuk kecil yang mempunyai kaitan secara langsung dengan fakta atau objek kajian bertujuan untuk mendapatkan kefahaman yang lebih jelas dan menyeluruh. Setelah semua data yang diperlukan telah diperolehi, ia akan dianalisa, diolah dan disusun melalui metode yang telah dipilih untuk kajian ini.

Kajian yang dijalankan ini berbentuk kualitatif, justeru, beberapa kaedah akan digunakan oleh penulis untuk menganalisis data yang telah diperolehi sama ada secara langsung atau tidak langsung. Berikut adalah kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk menganalisis data dalam kajian ini:-

#### **1.9.5.1. Kaedah Induktif (dalam Bab Tiga)**

Kaedah yang sesuai dengan kajian ini ialah kaedah induktif. Kaedah Induktif bermaksud suatu cara bagi menganalisa data melalui pola berfikir dalam mencari pembuktian dari dalil-dalil yang bersifat khusus kepada kesimpulan yang bersifat umum.<sup>45</sup> Dalam kajian ini, pengkaji menganalisa melalui data-data yang telah diperolehi untuk mencari bukti perbezaan perubahan yang berterusan berlaku di awal penubuhannya hingga sekarang. Segala maklumat dikumpulkan, disusun dan diolah semula sehingga jelas kelihatan perbezaan antara bentuk pengajian yang dilaksanakan di peringkat awal SMADI ditubuhkan sehingga selepas ia dijadikan sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Beberapa bentuk perubahan dalam pelbagai aspek telah dikemukakan dan dijelaskan melalui kaedah ini. Pengkaji akan membincangkan aspek-aspek perubahan secara lebih fokus dalam bab 2, 3 dan 4 sehingga objektif kajian dapat dicapai dan

---

<sup>45</sup>Jujun, S.Suriasumanteri, (2001), *Filsafat Ilmu : Sebuah Pengantar Populer*, Jakarta : Pustaka Sinar, hal 46



seterusnya akan membuat rumusan berdasarkan data-data yang telah dianalisis, diolah dan disusun.

### **1.10.Susunan Penulisan**

Dalam kajian ini penulis membahagikannya kepada lima bab. Dalam bab yang pertama penulis meletakkan pendahuluan kajian, latar belakang masalah kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, definisi dan tajuk, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, metodologi penyelidikan, ulasan penyelidikan lepas dan susunan penulisan dan senarai rujukan. Setiap tajuk-tajuk di atas akan dijelaskan tajuk perbincangannya sebelum kajian terperinci akan dihuraikan dalam bab-bab yang seterusnya. Setiap tajuk akan dihuraikan dalam bab lebih terperinci melalui sub tajuk.

Perbincangan dalam bab kedua akan membincangkan latar belakang permulaan orang Melayu menerima Islam dan perkembangan pendidikan Islam di Tanah Melayu, sejarah perkembangan pendidikan Islam di negeri Perak, peranan ulama dan tokoh-tokoh ilmunan Islam dalam menubuhkan institusi pendidikan Islam, corak pengajaran yang digunakan pada peringkat awal di sekolah yang diajar ketika itu.

Dalam bab ketiga ini mengandungi perbincangan lanjut mengenai SMADI. Penulis mula membincangkan mengenai sejarah penubuhan SMADI, tujuan penubuhannya, tokoh yang berperanan mewujudkan pusat pendidikan SMADI, bentuk pendidikan yang dijalankan di awal penubuhannya, punca kemerosotan SMADI, bentuk pendidikan yang diubah mengikut perkembangan dan perubahan semasa, lokasi sekolah, falsafah dan visi sekolah, piagam pelanggan, pencapaian yang telah berjaya dicapai serta cabaran untuk bangkit semula dari kemerosotan yang dihadapi oleh sekolah agar dapat

meneruskan fungsinya sebagai sebuah pusat pendidikan yang mempunyai nilai sejarah tersendiri di negeri Perak.

Seterusnya dalam bab keempat penulis membincangkan riwayat hidup tokoh pelopor yang mula mengasaskan SMADI iaitu Sheikh Junid Tola, latar belakang kehidupannya, pendidikan awalnya, pendidikan lanjutan, sumbangan dan jasa yang telah dilakukan terhadap pendidikan Islam di negeri Perak secara umum dan di SMADI secara khususnya. Seterusnya pembincangan mengenai pengetua yang sedang berkhidmat di SMADI, Dr. Hj. Jurij bin Jalaludin yang dilantik sebagai pentadbir sekolah dan melakukan banyak pembaharuan serta penambahbaikan terhadap sekolah dengan mengambil beberapa inisiatif yang berani supaya SMADI bangkit dari kemerosotan dan kelesuan yang telah dihadapi sejak sekian lama agar kembali berada di persada kecermelangan seperti di awal penubuhannya dahulu. Turut disentuh biografi Dr. Hj. Jurij bin Jalaludin, latar belakang pendidikannya, penglibatannya dalam kerja-kerja kemasyarakatan, negeri dan negara.

Bab kelima ini mengandungi kesimpulan kepada keseluruhan kajian penulis. Dalam bab ini penulis membuat analisis secara menyeluruh berkaitan dengan permasalahan kajian, kesimpulan kepada objektif kajian, kesimpulan dalam bab yang lain juga akan dimuatkan dalam bab ini. Di samping itu segala lontaran saranan atau pandangan yang bakal terhasil daripada kajian ini juga dimasukkan dalam bab ini.

## BAB 2

### LATAR BELAKANG PERMULAAN ORANG MELAYU MENERIMA ISLAM DAN PERKEMBANGAN PENDIDIKAN ISLAM DI TANAH MELAYU

#### 2.1. Sejarah Kedatangan Islam di Alam Melayu.

Alam Melayu merangkumi wilayah selatan Thailand, selatan Filipina, Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei.<sup>46</sup> Kedudukan Alam Melayu sebagai suatu kawasan strategik telah menarik minat pelbagai kuasa besar terutamanya dari Eropah yang ingin mencari kawasan penempatan baru di Timur.<sup>47</sup> Sejarah telah membuktikan kedatangan Islam di rantau ini merupakan titik peralihan bagi perjalanan sejarah di alam Melayu<sup>48</sup>. Tamadun Melayu telah melalui beberapa fasa perkembangan sejarah iaitu fasa orang Melayu menerima pengaruh Hindu-Buddha dalam agama dan kebudayaan, fasa orang Melayu menerima Islam, fasa penjajahan dan fasa kewujudan negara merdeka.<sup>49</sup>

Sebelum kedatangan Islam ke alam Melayu, agama Hindu-Buddha telah mempengaruhi kehidupan masyarakat Melayu terutama dalam kalangan golongan bangsawan dan istana.<sup>50</sup> Ini dapat dilihat melalui upacara-upacara dan ajaran-ajaran yang membesarkan keagungan dewa dan menganggap raja adalah jelmaan tuhan dan memiliki sifat kedewaan.<sup>51</sup> Kefahaman ini diikuti dengan beberapa amalan kepercayaan karut, percaya kepada unsur-unsur hantu, amalan perbomohan, mentera, jampi, ramalan nujum yang terdapat dalam kehidupan harian masyarakat Melayu.<sup>52</sup> Dr Siddiq Fadhil

---

<sup>46</sup>Zulkifli Haron, Ramli Awang, Mohd Nasir Ripin, Siti Norlina Muhamad, Farahwahida Mohd Yusof (2014), *Tamadun Islam & Tamadun Asia*, Penerbit UTM Press, hal 100.

<sup>47</sup>*Ibid.* hal 100.

<sup>48</sup>*Ibid.* hal 100

<sup>49</sup>*Ibid.* hal 100

<sup>50</sup>Ishak Saat (2012), *Politik dan Masyarakat Melayu Perak*, Penerbit UTHM, hal 49

<sup>51</sup>*Ibid.*

<sup>52</sup>*Ibid.*

dalam bukunya bertajuk *Minda Melayu Baru* menyatakan pengaruh Hindu-Buddha telah meresap masuk ke dalam golongan feodal sehingga golongan ini dianggap sebagai jelmaan dewa dan mempunyai pelbagai mitos kesaktian yang menyatakan kononnya ada raja yang berasal dari telur emas yang turun dari kenderaan. Namun setelah kedatangan Islam, raja-dewa telah dimanusiakan kehidupannya dan bukan lagi di alam fantasi.<sup>53</sup>

## **2.2.Perkembangan Pendidikan Islam di Alam Melayu**

Perkembangan pendidikan Islam di Tanah Melayu telah bermula seawal zaman pemerintahan kerajaan Melayu Melaka lagi iaitu sejak pemerintahan Parameswara yang telah memeluk Islam dengan nama Islamnya Megat Iskandar Shah pada tahun 1414.<sup>54</sup> Pendidikan Islam bermula dengan pelajaran asas agama Islam termasuklah belajar mendirikan sembahyang dan mengaji Al-Quran.<sup>55</sup>

Peranan yang dibawa oleh para pedagang dan pendakwah Islam yang datang ke Tanah Melayu turut menyumbang kepada proses perkembangan pendidikan Islam di Tanah Melayu<sup>56</sup>. Mereka mempelajari adat dan budaya masyarakat Tanah Melayu yang taat setia kepada raja mereka. Apa yang diperkatakan oleh raja, itulah yang akan diikuti oleh masyarakat Melayu.<sup>57</sup> Justeru, para pendakwah berusaha mencari peluang untuk masuk ke istana dalam usaha untuk menyampaikan dakwah kepada raja kerana pada anggapan mereka apabila pihak raja memahami Islam, akan memudahkan lagi tugas mereka dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat. Setelah raja memahami ajaran

---

<sup>53</sup>Siddiq Fadhil (1998), *Minda Melayu baru*, Institut kajian Dasar, Kuala Lumpur , hal 105.

<sup>54</sup>Hairunnizam Wahid, Jaffary Awang, Rozmi Ismail, Kamaruddin Salleh, Mohamad Alinor Abdul Kadir, Kumpulan Kajian Dunia Melayu & Islam ATMA, UKM (2006), Pembangunan Modal Insan Melalui Pendidikan Sekolah Agama: Satu Kajian awal di Sekolah Menengah Agama Bandar Baru Salak Tinggi, Selangor, hal 5.

<sup>55</sup>*Ibid.*

<sup>56</sup>Ahmad Jelani Halimi dan Ishak Saat,(2010) Warisan Melayu Perak, Penerbit UTHM, hal 62.

<sup>57</sup>*Ibid.*

Islam, masyarakat akan mengikuti segala perintah dan perbuatan raja. Setelah itu bermulalah peranan raja dan para ulama dalam usaha mendidik rakyat tentang selok belok agama<sup>58</sup>. Para ulama dan raja mula berusaha membuka sekolah dan pusat-pusat pendidikan.<sup>59</sup>

Menurut Mohd Kamarulnizam Abdullah, kewujudan pendidikan pondok di Malaysia pada peringkat awal saling berkait antara satu sama lain dengan beberapa tempat di Nusantara. Contohnya kewujudan pondok di negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia mempunyai kaitan rapat dengan selatan Thailand kerana Kelantan dan Terengganu termasuk dalam wilayah Islam Patani Thailand.<sup>60</sup> Oleh itu ramai di kalangan ulama-ulama Patani telah datang berhijrah ke Kelantan dan mengajar di sana manakala ramai juga di kalangan pelajar dari Kelantan yang pergi ke Patani dan belajar dengan ulama-ulama Patani di sana.<sup>61</sup> Antara ulama Patani terkenal yang berhijrah ke Kelantan ialah Haji Abdullah Kasim (dikenali sebagai Sheikh Abdullah Kasim Senggora Al-Fatani) dan Haji Daud bin Abdullah (dikenali sebagai Sheikh Daud Abdullah Al-Fatani)<sup>62</sup>. Begitu juga pondok-pondok yang wujud di wilayah tengah dan selatan Semenanjung Malaysia seperti di Johor, Negeri Sembilan, Selangor dan bahagian selatan negeri Perak mempunyai kaitan dengan kewujudan pondok di Jawa. Manakala pondok-pondok yang terdapat di Pulau Pinang dan utara negeri Perak mempunyai hubungan yang rapat dengan kewujudan pondok di Sumatera Utara.<sup>63</sup>

---

<sup>58</sup>*Ibid.*

<sup>59</sup>*Ibid.*

<sup>60</sup>Mohd Kamarulnizam Abdullah (2009), The Augmentation of Radical Ideas and The Role of Islamic Educational System in Malaysia, *Studia Islamika, Indonesian Journal for Islamic Study*, Vol 16, no 1, hal 85.

<sup>61</sup>Arba'iyah Mohd Noor, *Perkembangan Pendidikan Islam Di Kelantan*, hal 70

<sup>62</sup>*Ibid.*

<sup>63</sup>Mohd Kamarulnizam Abdullah, *op.cit.*

Menurut Arba'iyah Mohd Noor, kedatangan Islam ke alam Melayu berlaku seawal abad ke-7 yang dibawa masuk oleh para ulama dari luar yang rata-ratanya merupakan para pedagang yang datang berdagang ke rantau ini.<sup>64</sup> Jika bukti kedatangan Islam ini merujuk kepada peristiwa penemuan batu nisan Syeikh Abdul Kadir Ibn Husayn Shah Alirah yang mencatatkan tarikh 290H/902M yang telah ditemui di Tanjung Ingggeris, Alor Star, Kedah ataupun penemuan batu nisan yang tertulis dalam bahasa Arab yang ditemui di Teluk Cik Munah, Pekan, Pahang yang bertarikh 419H/1028M, ini menunjukkan Islam telah wujud di rantau ini sejak abad ke-10 lagi<sup>65</sup>. Hamka juga telah mengemukakan teori yang menyatakan saudagar-saudagar Arab yang datang berniaga turut memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan Islam di rantau ini.<sup>66</sup>

Seperti di negeri-negeri Melayu yang lain, para ulama' dan raja di Perak turut memainkan peranan dalam mengembangkan pendidikan Islam kepada anak-anak Melayu.<sup>67</sup> Sebelum pengenalan sekolah vernakular<sup>68</sup> oleh pihak British, pondok merupakan satu-satunya sistem pendidikan yang terdapat di Perak.<sup>69</sup> Selain itu kelas pengajian al-Quran turut dilaksanakan di masjid, surau atau di rumah persendirian.<sup>70</sup> Nabir Haji Abdullah berpendapat sekolah pondok telah bermula di Perak sekitar abad ke-17M<sup>71</sup> berasaskan bahawa Perak pada ketika itu berada di bawah kekuasaan Aceh yang pada waktu itu memiliki sebuah pendidikan agama Islam yang maju yang dikenali sebagai

---

<sup>64</sup>Arba'iyah Mohd Noor (2011), *Perkembangan Pensejarahan Islam di Alam Melayu*, Jurnal Al-Tamaddun bil.6(2011)29-50, hal 30.

<sup>65</sup>*Ibid.* hal 30

<sup>66</sup>*Ibid.*

<sup>67</sup>*Ibid.* hal 66.

<sup>68</sup>Sekolah yang merujuk kepada penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran di sekolah-sekolah tersebut. Terdapat tiga jenis sekolah vernakular di Tanah Melayu iaitu Melayu, Cina dan India.

<sup>69</sup>*Ibid.* hal 66.

<sup>70</sup>*Ibid.*

<sup>71</sup>Nabir Haji Abdullah (1988), "*Perkembangan Pelajaran Aliran Islam di Perak Dengan Rujukan Khas kepada EhyaAsSharif Gunung Semanggol*", dalam Adnan Hj.Awang (ed) *Perak Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur, Persatuan Muzium Malaysia, hal 63

*dayah*.<sup>72</sup> Atas usaha-usaha daripada Sultan Mansur Syah II (1636-1653M), sebuah pondok mirip *dayah* telah didirikan di Teluk Bakong yang terletak di dalam daerah Perak Tengah.<sup>73</sup> Guru-gurunya telah didatangkan dari Aceh. Rentetan daripada itu wujud pula pondok-pondok lain di sekitar Kota Lama Kanan dalam daerah Kuala Kangsar yang didirikan secara persendirian oleh ulama' dari Aceh.<sup>74</sup> Ada dakwaan yang mengatakan lebih banyak pondok didirikan sekitar abad ke-18 dan ke-19M apabila lebih ramai ulama' dan orang-orang alim dari luar datang berhijrah ke Perak.<sup>75</sup>

Perkembangan pendidikan agama seterusnya dipengaruhi oleh gerakan Kaum Muda yang memperkenalkan gagasan Islah di Tanah Melayu. Gagasan ini disalurkan menerusi institusi pendidikan madrasah seperti Madrasah al-Masyhur dan Madrasah al-Quran di Pulau Pinang (1914), Madrasah al-Hadi di Melaka (1917), Madrasah al-Idrisiah di Kuala Kangsar, Perak (1922).<sup>76</sup>

Setelah orang Melayu mula sedar kepentingan menuntut dan mencari ilmu, mereka mula menjelajah ke seluruh pelusuk tempat mencari guru dan pusat pengajian untuk mendapatkan ilmu. Di samping itu, pemahaman masyarakat Melayu terhadap ajaran Islam itu menjadi pendorong yang kuat untuk mereka mempelajari ilmu berkaitan keagamaan. Pada awal abad ke-20, telah muncul sekolah-sekolah al-Quran<sup>77</sup>, sambutan masyarakat kepada sekolah Quran sangat menggalakkan. Pada waktu itu, masyarakat

---

<sup>72</sup>Dayah bermaksud kepeletan orang Aceh menyebut perkataan Arab *zawiyah* yang bermaksud tempat beribadat dan belajar, Ahmad Jelani Halimi & Ishak Saat, "*Warisan Melayu Perak*", UTHOM, Hal 66.

<sup>73</sup>*Ibid.*

<sup>74</sup>*Ibid.*

<sup>75</sup>*Ibid.* hal 67.

<sup>76</sup>Badlihisam Mohd Nasir (2010), *Pendidikan Dalam Gerakan Islam di Malaysia : Satu Tinjauan*, Journal of Islamic And Arabic Education 2(1), 1-12, hal 4.

<sup>77</sup>Ahmad Jelani Halimi & Ishak Saat, "*Warisan Melayu Perak*", Hal 67

Melayu di Perak lebih menitikberatkan pelajaran agama daripada pelajaran di sekolah Melayu (sekolah rendah) yang disediakan oleh pihak British.<sup>78</sup>

Perkembangan pendidikan Islam semakin meluas apabila penuntut-penuntut Tanah Melayu yang telah menamatkan pengajian mereka di Makkah dan Mesir kembali ke tanah air dan mengajar masyarakat Melayu berkaitan hal-hal agama Islam sama ada di masjid-masjid atau surau. Sambutan masyarakat Melayu kepada kelas-kelas pengajian ini amat menggalakkan sehingga para tuan guru, para ulama membuka pusat-pusat pengajian seperti madrasah dan pondok untuk dijadikan tempat belajar agama. Disebabkan mereka pernah mendapat latar belakang pendidikan di Makkah, maka ciri-ciri pengajian, pendidikan di madrasah-madrasah dan pondok-pondok serta kaedah pengajian yang dijalankan dipengaruhi dengan pengajian sebagaimana yang dilaksanakan di Masjid al-Haram.<sup>79</sup>

Melihatkan perkembangan ini, masyarakat Melayu lebih cenderung menghantar anak-anak mereka ke madrasah dan sekolah pondok untuk mempelajari ilmu-ilmu Islam<sup>80</sup> kerana mereka inginkan anak-anak mereka menjadi guru agama dan imam<sup>81</sup> dan tidak mempercayai niat British yang menubuhkan sekolah Melayu kerana mengesyaki ia akan digunakan sebagai ruang dan peluang untuk menyebarkan ajaran Kristian.<sup>82</sup> Pihak British menyedari masyarakat Melayu kurang berminat untuk menghantar anak-anak mereka

---

<sup>78</sup>Esmail Haji Mohd Salleh (t.t), *Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam di Negeri Perak Sebelum dan Selepas 1949*, hal.121

<sup>79</sup>Mohammad Redzuan Othman, (2005) *Islam dan Masyarakat melayu, Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*, Penerbit Universiti Malaya, hal 70

<sup>80</sup> Mohd Kamarulnizam Abdullah, (2009), *The Augmentation of The Radical Ideas and Role of Islamic Education system In Malaysia*, Studia Islamika, Indonesian Jurnal for Islamic Study, Vol 16, no 1, hal 89

<sup>81</sup>*Ibid.* hal 89.

<sup>82</sup>Ahmad Fauzi Abdul Hamid (2010), *Islamic Education in Malaysia : The Pre- independence Era*, RSIS Monograph No.18, hal 18



belajar di sekolah Melayu yang mereka tubuhkan, Oleh itu, mereka telah merombak kurikulum sekolah Melayu dan memasukkan beberapa subjek pendidikan Islam untuk menarik masyarakat Melayu menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah tersebut.<sup>83</sup>

A.M. Skinner selaku nazir sekolah-sekolah atau *Inspector of School*<sup>84</sup> yang pernah menjadi Pemangku Majistret di Seberang Prai telah berusaha menubuhkan sebuah sekolah Melayu pada tahun 1871. Di sekolah ini, beliau telah mengambil inisiatif supaya al-Quran diajar kepada murid-murid Melayu pada kelas yang diadakan di waktu petang,<sup>85</sup> manakala pada waktu pagi murid-murid diajar mengeja, menulis, membaca, ilmu hisab, latihan jasmani dan ilmu alam. Pada kurun yang ke-20, mata pelajaran baru iaitu pelajaran perkebunan dan anyaman telah diperkenalkan.<sup>86</sup> Pelajaran al-Quran diberhentikan dari diajar di sekolah-sekolah Melayu kerana menganggap pelajaran agama tidak perlu dipelajari oleh para pelajar.<sup>87</sup> Kesan daripada tindakan tersebut, pengajian agama (al-Quran) telah dikeluarkan dari jadual rasmi sekolah pada waktu perdana.<sup>88</sup>

### **2.3. Bentuk-bentuk pendidikan Islam di Alam Melayu**

Perkembangan sistem pendidikan pondok dan madrasah telah diperkenalkan oleh para ulama.<sup>89</sup> Apabila ia dikembangkan di Alam Melayu menyebabkan berlakunya proses perubahan dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu. Sebelum kedatangan Islam,

---

<sup>83</sup>*Ibid.* hal 18

<sup>84</sup>Wong Hoy Kee dan Gwee Yee Hean (1972), *Perspective; The Development of Education in Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur. Heinemann Education Book, hal 22.

<sup>85</sup>Mohd Salleh Lebar (1992) *Perubahan dan Kemajuan Pendidikan di Malaysia*, Kuala Lumpur, Nurin Enterprise, hal 52

<sup>86</sup>Khoo Kay Kim (Prof) dan Mohd Fadhil Othman (1995) *Pendidikan di Malaysia Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, hal 14

<sup>87</sup>*Ibid.*

<sup>88</sup>*Ibid.*

<sup>89</sup>Ishak Saat, (2012), *Politik dan Masyarakat Melayu Perak*, Penerbit UTHM, hal 52

amalan dan kepercayaan kepada fahaman Hindu-Buddha telah lama meresap dalam kehidupan masyarakat Melayu.<sup>90</sup> Dalam metode pengajian pendidikan Islam, metode yang dianggap terbaik untuk dilaksanakan ialah metode tunjuk cara<sup>91</sup> seperti yang pernah dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w. Dalam sistem pendidikan masa ini, Islam menerima pelbagai metode pengajaran selagi mana ia tidak bercanggah dengan matlamat dan dasar-dasar Islam sama ada dari segi jenis mata pelajaran, status mata pelajaran (umum atau khusus), kurikulum mahu pun sifat pendidikan.<sup>92</sup> Pendidikan Islam adalah satu usaha untuk mengembangkan fitrah manusia dengan menggunakan kaedah agama Islam yang berpegang teguh kepada al-Quran dan al-Sunnah, bertujuan untuk mempersiapkan diri manusia sebagai khalifah agar dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai pemakmur (khalifah) alam ini.<sup>93</sup>

Ketika sekolah-sekolah Inggeris yang ditubuhkan di Tanah Melayu melaksanakan pendidikan sekular, terdapat masyarakat Melayu yang beranggapan bahawa sekiranya mereka menghantar anak-anak belajar di sekolah tersebut, anak-anak mereka akan didedahkan dengan ajaran agama Kristian<sup>94</sup>. Situasi ini menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan kaum yang menerima pendidikan di antara masyarakat Melayu dan bukan Melayu. Pelajar bukan Melayu yang belajar di sekolah Inggeris dilatih untuk berkhidmat sebagai pegawai di dalam kerajaan manakala pelajar Islam pula akan berkhidmat sebagai

---

<sup>90</sup>*Ibid.*

<sup>91</sup>Antara metode pendidikan yang pernah dilaksanakan oleh Rasulullah saw ialah menunjuk contoh secara amali perbuatan seperti yang direkodkan dalam hadis mafhumnya, solatlah kamu semua seperti yang kamu semua lihat cara aku mengerjakan solat. Metode pengajaran yang berbentuk pengajian di masjid dan juga di rumah sahabat Baginda Al-Arqam b Abi Al-Arqam pernah juga dilaksanakan oleh Rasulullah saw.

<sup>92</sup>Norsiah Sulaiman, S. Salahuddin Suyurno & Fairuzah Hj. Basri (2004), *Pendidikan Islam: Tinjauan Metodologi Islam dan Realiti Hari Ini*, hal 52.

<sup>93</sup>*Ibid*, hal 53.

<sup>94</sup>Mohd Kamarulnizam Abdullah, op.cit., hal 89

imam dan guru agama.<sup>95</sup> Setelah wujudnya madrasah atau pondok, ramai masyarakat Melayu menghantar anak-anak mereka belajar pendidikan agama di situ<sup>96</sup>.

Bentuk-bentuk pendidikan di pondok dan madrasah di Tanah Melayu dipengaruhi oleh bentuk pengajian di Masjid al-Haram iaitu pengajian berbentuk halaqah (bulatan) yang mana guru duduk di tengah manakala para pelajar mengelilinginya.<sup>97</sup> Selain itu, para pelajar mendengar semua subjek mata pelajaran yang diajar oleh guru dan cuba untuk menghafalnya. Sebagai contoh, para pelajar mempelajari nahu bahasa Arab selama dua tahun dan diikuti dengan mata pelajaran agama yang lain. Walaupun acuan pendidikan pondok dan madrasah dipengaruhi dari Masjid al-Haram, beberapa penyesuaian telah dibuat untuk memenuhi keperluan masyarakat di Tanah Melayu.<sup>98</sup>

Sejarah perkembangan pendidikan Islam di Tanah Melayu yang terbentuk agak unik kerana Tanah Melayu pada waktu itu dihuni oleh penduduk dari pelbagai kaum dan etnik. Setiap etnik mempunyai sistem pendidikan yang tersendiri. Pada masa itu masyarakat Melayu yang rata-ratanya beragama Islam akan mengikuti pendidikan agama kerana ia adalah satu keperluan yang wajib dipelajari. Pendidikan agama pada ketika itu terbahagi kepada dua iaitu pendidikan secara formal dan pendidikan tidak formal.

---

<sup>95</sup>*Ibid.*

<sup>96</sup>*Ibid.*

<sup>97</sup>Mohammad Redzuan Othman, op.cit.

<sup>98</sup>*Ibid.*

Pendidikan formal berbentuk sistem sekolah pondok<sup>99</sup> yang merupakan sistem pendidikan yang tertua di Tanah Melayu. Pelajar pada peringkat awal hanya belajar ilmu agama untuk mendapatkan maklumat, tetapi kemudian lebih kepada menghayati dan mempraktikkan segala ilmu yang dipelajari sehingga ia menjadi amalan dalam kehidupan seharian. Perubahan-perubahan yang berlaku dalam sistem pengajaran dan pembelajaran pendidikan agama di Tanah Melayu dilihat mampu menghasilkan seseorang pelajar itu baik akhlakunya, terpuji sifatnya, bertamadun kehidupannya, matang dan positif cara pemikirannya.

Seterusnya, lahirnya sistem yang berbentuk madrasah atau maahad yang menjadikan sistem pendidikan lebih bersistematik. Sistem pendidikan agama berbentuk ini berjalan lancar sehinggalah kedatangan para imperialis Barat ke Tanah Melayu yang membawa sistem aliran sekular<sup>100</sup> yang dilihat menggugat perkembangan sistem pendidikan agama di Tanah Melayu pada waktu itu.

Selepas kedatangan Barat, kebanyakan mubaligh Kristian telah membuka sekolah Kristian yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Menurut Danckaerts, pada abad ke- 17, mubaligh Kristian giat membuka sekolah di Maluku dengan menggunakan bahasa Melayu.<sup>101</sup> St. Francis Xavier pula menggunakan bahasa Melayu untuk menerangkan tentang ajaran agama Kristian.<sup>102</sup> Sekolah yang dibuka oleh

---

<sup>99</sup>Abdullah Ishak (1995) op.cit., 'Pondok' berasal dari perkataan bahasa Arab yang bermaksud tempat tinggal sementara. Dalam konteks ini, pondok adalah institusi pengajian bagi para pelajar yang datang menghuni dalam jangkamasa sementara dan ia didirikan dalam kawasan tertentu di sekeliling pusat pengajian yang berasaskan masjid, surau dan lain-lain.

<sup>100</sup>Ilmu yang dipelajari tanpa dikaitkan dengan agama dan akidah.

<sup>101</sup>Zulkiflee Haron, Ramli Awang, Mohd Nasir Ripin, Siti Norlina Muhamad, Farahwahida Mohd Yusof. op.cit.,hal 127.

<sup>102</sup>*Ibid.* hal 127.

pedagang dan mubaligh Kristian ini telah berkembang dengan cepat dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan berbentuk fizikal seperti kerusi dan meja. Selain mengajar menulis dan membaca, mata pelajaran moden seperti pendidikan Sejarah, Geografi dan juga bahasa asing seperti bahasa Sepanyol dan Belanda<sup>103</sup> turut diajar di sekolah ini.

Kemasukan sistem pendidikan Barat ke dalam sistem pendidikan di negeri-negeri Melayu secara positifnya telah meningkatkan kadar celik huruf dalam kalangan orang Melayu.<sup>104</sup> Kesan daripada sistem pendidikan ini, telah lahir lebih ramai golongan berpendidikan yang membolehkan mereka memajukan diri mereka dan bangsa Melayu. Fenomena ini bersesuaian dengan ajaran Islam dalam melahirkan cabang ilmu menerusi institusi pengajian yang mendukung peradaban dan ketamadunannya. Lantaran itu, Sultan Idris Murshidul Adzam Shah Ibn al-Marhum Raja Bendahara Alang Iskandar, Sultan Perak yang ke-28 menyuarakan hasrat baginda untuk memajukan pendidikan anak-anak Melayu dalam persidangan Raja-Raja Melayu atau Durbar.<sup>105</sup> Hasil dari persidangan itu, beberapa buah sekolah Inggeris telah ditubuhkan di negeri Perak. Pada tahun 1905 sebuah sekolah ditubuhkan untuk menempatkan anak-anak raja dan anak-anak pembesar Melayu belajar dikenali sebagai Malay Residential School, tetapi kemudiannya telah diubah namanya kepada Malay College Kuala Kangsar pada 1 Mei 1909.<sup>106</sup> Atas usaha baginda juga sebuah lagi sekolah Inggeris yang dikenali sebagai Central School telah ditubuhkan di Taiping dan kemudiannya telah ditukar namanya kepada King Edward VII School pada tahun 1906.<sup>107</sup>

---

<sup>103</sup>*Ibid.*

<sup>104</sup>*Ibid.*

<sup>105</sup>Persidangan Durbar yang pertama telah diadakan pada 13-17 Julai 1897 di Kuala Kangsar antara Raja-Raja Melayu dengan Frank Swettenham yang bertindak sebagai wakil kerajaan British dan beberapa Gabenor dan Residen British di Tanah Melayu untuk membincangkan mengenai kepentingan orang-orang Melayu dan Agama Islam

<sup>106</sup>Ahmad Jelani Halimi dan Ishak Saat,(2010) *Warisan Melayu Perak*, Penerbit UTHM, hal 69.

<sup>107</sup>*Ibid.*

Proses sekularisasi di Tanah Melayu bermula pada tahun 1824 selepas termeterainya perjanjian Inggeris-Belanda dan perjanjian Pangkor pada 1874.<sup>108</sup> Selepas peristiwa itu, sistem sekular<sup>109</sup> diperkenalkan di Tanah Melayu yang merangkumi undang-undang dan pendidikan.<sup>110</sup> Dasar pendidikan Inggeris sebelum perang disifatkan sebagai dualistik kerana mengkhaskan pendidikan Inggeris untuk golongan aristokrat manakala pendidikan vernakular pula sesuai untuk masyarakat umum sahaja.

Tujuan mereka berbuat demikian adalah untuk mewujudkan jurang perbezaan di dalam masyarakat Melayu kerana sistem pendidikan Inggeris merupakan saluran untuk melatih pekerja kolar putih untuk mengisi jawatan-jawatan penting sama ada pegawai rendah dan menengah yang akan berkhidmat dalam perkhidmatan awam atau sebagai ahli perniagaan. Pendidikan vernakular pula membantu membendung masyarakat umum dalam order masyarakat tradisi yang didapati sesuai dan selaras dengan kehendak dan kepentingan British.<sup>111</sup> Dasar ini hanya memberi manfaat kepada sekumpulan kecil orang Melayu terutama yang berketurunan bangsawan, yang ditawarkan pendidikan Inggeris.<sup>112</sup> Sementara itu, golongan Melayu yang bermustautin di kawasan luar bandar sengaja di galakkan oleh kerajaan British memasuki sekolah Melayu yang terhad nilai

---

<sup>108</sup>Zulkiflee Haron, Ramli Awang, Mohd Nasir Ripin, Siti Norlina Muhamad, Farahwahida Mohd Yusof. op.cit. hal.124

<sup>109</sup>Sekularisme diambil daripada perkataan sekular (dunia) yang bermaksud satu sistem, prinsip-prinsip, pegangan dan penerapan yang menolak segala bentuk keimanan dan ibadah keagamaan. Sekular telah masuk dalam bidang pendidikan melalui dua cara, Menghapuskan pendidikan agama dan pelaksanaannya di sekolah. Mengalukan penguasaan terhadap pendidikan yang tidak bersifat keagamaan.

<sup>110</sup>*Ibid.*

<sup>111</sup>Tan Liok Ee (1990), *Dasar Pendidikan Dalam Konteks Dekolonialisasi : Semenanjung Tanah Melayu (1945-1955)*, dalam Cheah Boon Kheng dan Abu Talib Ahmad (ed), *Kolonialisasi Di Malaysia*,. Petaling Jaya. Penerbit Fajar Bakti, hal 205.

<sup>112</sup>Tan Yao Sua (2009), *Perkembangan Pendidikan di Malaysia, Peranan Lim Lian Geok dan Aminuddin Baki*, Jurnal Terjemah Alam & Tamadun Melayu (1) (2009) 139-166.

instrumental<sup>113</sup>. Kedua-dua dasar ini yang dilaksanakan dalam kerangka sistem pendidikan berasingan adalah bertujuan ‘pecah dan perintah’ oleh kerajaan British.<sup>114</sup>

Rentetan daripada ini tertubuh beberapa sekolah Inggeris pada awal abad ke-18, antaranya Penang Free School (1816) yang ditubuhkan atas usaha London Missionary Society. Kurikulum sekolah ini langsung tidak menekankan pendidikan agama sebaliknya menekankan urusan kemahiran kehidupan seharian sahaja.<sup>115</sup> Sekolah-sekolah lain yang ditubuhkan, antaranya Malacca Free School (1826), Singapore Free School (1834), Raffles Institution (1863), Victoria Institution (1894), dan Sekolah King Edward VII, Taiping (1906). Kesemua sekolah itu menekankan kepada pendidikan percuma (*Free School*) kepada mereka yang sanggup menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Inggeris.

Usaha ini dilihat sebagai usaha terancang para orientalis untuk mempengaruhi aliran pemikiran masyarakat Melayu. Ini kerana masyarakat Melayu pada waktu ini amat kuat berpegang kepada ajaran agama Islam dan mereka berasa curiga terhadap pertumbuhan sekolah-sekolah Inggeris. Mereka bimbang anak-anak mereka dikristiankan melalui sekolah-sekolah Inggeris yang pada waktu itu diusahakan oleh para mubaligh Kristian<sup>116</sup> kerana kurikulum pendidikan Inggeris ini tidak menekankan pendidikan agama, bahkan bertujuan untuk pembentukan akhlak berdasarkan ajaran agama Kristian. Sebagaimana pendapat yang ditegaskan oleh Mok Soon Sang dan Lee Shok Mee,

---

<sup>113</sup>*Ibid*

<sup>114</sup>*Ibid*

<sup>115</sup>Mohd Kamarulnizam Abdullah, *op.cit*

<sup>116</sup>Abdullah Jusuh (1989), *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal 16

“Sekolah-sekolah mubaligh ini dibuka kepada kanak-kanak berbilang kaum serta tujuan menubuhkan sekolah itu ialah menyediakan pendidikan umum serta memperbaiki akhlak kanak-kanak berdasarkan ajaran Kristian”.<sup>117</sup>

Ini menyebabkan masyarakat Melayu berada dalam kebimbangan untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris kerana merasakan sekolah Inggeris mahu mengkristiankan orang Melayu melalui pendidikan. Malah kewujudannya dilihat sebagai suatu ancaman kepada perkembangan pendidikan Islam di Tanah Melayu waktu itu.

### **2.3. Perkembangan Pendidikan Islam di Perak (1900 – 1957)**

Perkembangan pendidikan Islam di Tanah Melayu pada peringkat awal umumnya dan di negeri Perak secara khususnya banyak digerakkan oleh para ulama.<sup>118</sup> Hasil usaha gigih tersebut, mereka telah berjaya menubuhkan pusat pengajian Islam di serata tempat dalam jumlah yang besar.<sup>119</sup> Beberapa madrasah telah ditubuhkan di negeri Perak antaranya Sheikh Abdullah Maghribi telah mendirikan Madrasah Idrisiah,<sup>120</sup> Sheikh Abu Bakar Al-Baqir yang gigih mengembangkan syiar Islam di awal 1930-an telah mendirikan pondok pengajian agama, Maahad al-Ehya as-Sharif (1907-1974) di Gunung Semanggol, Perak.<sup>121</sup> Sheikh Junid Tola pula telah menubuhkan al-Madrasah al-Islamiah di Kampung Lalang, Padang Rengas pada tahun 1925 sebagai salah sebuah tempat pengajian Islam di Perak.<sup>122</sup> Selepas itu muncul beberapa buah madrasah di tempat-tempat lain seperti Madrasah Irshadiyah (Sekolah Menengah Irshadiyah) di Batu 26, Bagan

---

<sup>117</sup>Mok Soon Sang dan Lee Shok Mee (1988), *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur, Kumpulan Budi, hal 205

<sup>118</sup>Norsiah Sulaiman, S.Salahuddin Suyurno & Fairuzah Hj Basri, *Pendidikan Islam : Tinjauan Metodologi Silam dan Realiti Hari ini*, hal 53

<sup>119</sup>Ibid.

<sup>120</sup>Tajudin Saman, (1993), *Tokoh Ulama Nusantara*, Berita Publishing Sdn. Bhd, hal 26.

<sup>121</sup>Ibid. hal 34.

<sup>122</sup>Majalah SMADI Edisi kedua 2012, hal 10.



Datoh pada tahun 1923, Madrasah Aziziah (sekarang dikenali sebagai Sekolah Menengah Agama Rakyat Aziziah) di Parit pada tahun 1935 dan Madrasah al-Ulum al-Syari'ah, Batu 20, Bagan Datoh.<sup>123</sup> Kesemua sekolah agama ini masih beroperasi hingga ke hari ini dengan beberapa penambahbaikan bersesuaian dengan keadaan semasa pada hari ini.

Perkembangan ilmu sebegini banyak membantu menyedarkan masyarakat tentang tuntutan semasa dalam pelbagai keperluan kehidupan, termasuklah kesedaran berpolitik, kesedaran sosial, dan kemajuan perkembangan ekonomi.<sup>124</sup> Sebagai contoh, kemunculan institusi pendidikan di negeri Perak turut mencorakkan kebangkitan semangat kemerdekaan dan kebencian terhadap penjajah Barat.<sup>125</sup> Dengan lain perkataan, pendidikan di madrasah telah berjaya menimbulkan semangat kebangsaan dan membangkitkan kesedaran rakyat di Tanah Melayu umumnya dan di negeri Perak khususnya.<sup>126</sup>

Dengan kehadiran Haji Abdul Majid bin Zainuddin Sheikh Tahir (Guru Malek), Abdullah al-Maghribi, Haji Idris al-Marbawi di Kuala Kangsar telah berjaya membantu meningkatkan pengetahuan orang Melayu melalui lisan dan penerbitan mereka.<sup>127</sup> Dalam tahun 1920-an dan 1930-an pula kesedaran orang Melayu telah digerakkan dengan pendidikan dan penulisan dan menajamkan lagi kesedaran mereka tentang kemelesetan

---

<sup>123</sup>Ahmad Jelani Halimi, Ishak Saat, op.cit, hal 72.

<sup>124</sup>*Ibid.*

<sup>125</sup>*Ibid.* hal 75.

<sup>126</sup>*Ibid.*

<sup>127</sup>M.A.Fawzi Basri (1986), Sekolah Pengajian Asasi UUM, *Perak Sebelum dan Selepas Perang Dunia Kedua, Satu Analisis Tentang Nasionalisme Orang Melayu*, Analisis jld 1. Bil 1, hal 123.

ekonomi dan ancaman kuasa politik yang mencabar kesedaran dan maruah orang Melayu.<sup>128</sup>

Masyarakat Perak lebih mengenali institusi sekolah agama dan sekolah Arab ini sebagai madrasah.<sup>129</sup> Di Kuala Kangsar sebelum tahun 1922, terdapat sekolah pondok yang diasaskan oleh Haji Nawawi bin Haji Tahir dinamakan sekolah Arab Idrisiah dan Mariah,<sup>130</sup> iaitu sekolah yang dibiayai dari harta wakaf Sultan Idris dan sekolah itu diberi nama sultan dan isteri baginda yang bernama Puteh Mariah iaitu Raja Permaisuri Perak. Madrasah (sekolah) Idrisiah dan Madrasah Mariah ini pada mulanya dikhaskan untuk anak-anak yatim lelaki yang ditempatkan di Madrasah Idrisiah manakala kanak-kanak yatim perempuan ditempatkan di Madrasah Mariah. Pelajarannya yang diajar terhadap kepada bahasa Arab dan mata pelajaran agama. Selepas itu pengajian ditumpukan untuk persediaan melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah”.<sup>131</sup>

Menurut M.A Fawzi Basri dalam artikel beliau bertajuk ‘Perak Sebelum dan Selepas Perang Dunia Kedua’ menyatakan telah muncul sebuah sekolah agama yang berlainan coraknya jika dibandingkan dengan sekolah pondok dan Madrasah Idrisiah<sup>132</sup>. Sekolah ini diberi nama Sekolah atau Madrasah Ad-Diniah di Kampung Lalang, Padang Rengas yang telah ditubuhkan pada tahun 1924 yang diasaskan oleh seorang ulama Sheikh al-Junid yang berketurunan Mandailing dari Sumatera. Selain mempelajari pelajaran akademik seperti bahasa Arab, Agama, bahasa Melayu, matematik, sejarah,

---

<sup>128</sup>*Ibid.*

<sup>129</sup>*Ibid.*

<sup>130</sup>Nor Adina Abdul Kadir (2010), Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala Kangsar, Perak: Sejarah dan Sumbanganya Terhadap Pendidikan Islam Dari Tahun 1985-1999, hal 67

<sup>131</sup>*Ibid.*

<sup>132</sup> M.A.Fawzi Basri (1986) Sekolah Pengajian Asasi UUM, “Perak Sebelum dan Selepas Perang Dunia Kedua, Satu Analisis Tentang Nasionalisme Orang Melayu”, analisis jld 1. Bil 1, hal 123.

bahasa Inggeris dan pelajaran pengurusan perniagaan, pelajar Ad-Diniah juga menjalani praktikum seperti bersawah, berniaga, berkebun getah, membuat kicap, sabun dan kacang masin<sup>133</sup> serta melaksanakan program khidmat masyarakat. Sekolah Ad-Diniah ini ternyata menjadi sekolah tempat melatih pelajar-pelajar berdikari. Dengan memperkenalkan konsep sedemikian, ternyata sekolah ini telah mendapat sambutan dari masyarakat Melayu sekitar untuk menghantar anak-anak mereka belajar di situ.

Sambutan yang amat menggalakkan masyarakat Padang Rengas menyebabkan Sekolah Ad-Diniah telah membuka cawangannya di beberapa tempat lain. Kebanyakan kawasan tempat cawangan sekolah Ad-Diniah dibina terletak dalam mukim Kampung Buaya dan Lubuk Merbau dengan menggunakan nama yang berbeza-beza seperti Madrasah Ridzuaniah telah dibina di Padang Assam. Madrasah Nasriah pula didirikan di Padang Rengas, manakala Madrasah Istahdiah telah didirikan di Gapis<sup>134</sup>. Begitu juga Madrasah Palahiah yang terletak di Kampung Buaya, Madrasah Ziniah pula didirikan di Kroh Hilir manakala Madrasah Iktosidiah dibangunkan di Kroh Hulu, Madrasah al-Bahariah telah dibina di Paya Lintah, Madrasah Sabian Ahmadiyah dibina di Kampung Laneh dan Madrasah al-Hadi telah dibina di Kampung Pauh.<sup>135</sup>

#### **2.4. Penubuhan Sekolah Agama di Perak**

Apabila pihak British memperkenalkan sekolah yang mereka bangunkan sekitar tahun 1880-an, lebih banyak pondok didirikan bagi menyaingi sekolah-sekolah Inggeris ini demi membela kesucian agama Islam. Ini kerana orang-orang Melayu pada ketika itu

---

<sup>133</sup>*Ibid.*

<sup>134</sup>*Ibid.*

<sup>135</sup>*Ibid.* hal 126.

percaya salah satu matlamat utama sekolah-sekolah Inggeris itu ditubuhkan adalah untuk mengkristiankan pelajar-pelajar yang belajar di sana. Andaian ini diperkukuhkan lagi apabila sebahagian besar sekolah Inggeris itu dibina oleh pihak mubaligh Kristian.<sup>136</sup> Bagi mengatasi perkara tersebut, para pelajar yang baru pulang menuntut dari Timur Tengah, khususnya dari Mesir telah berusaha membuka sekolah-sekolah agama yang dinamakan madrasah agar dapat bersaing dengan sekolah-sekolah Inggeris. Segala usaha mereka ini telah mendapat sokongan dan galakan dari pihak istana. Di antara pihak istana begitu banyak memainkan peranan dalam pendidikan di Perak ialah Sultan Idris Murshidul Adzam Shah ibni al-Marhum Raja Bendahara Alang Iskandar (Marhum Teja) (1887-1916M) Sultan Perak yang ke-28. Pada zaman itu baginda satu-satunya sultan Melayu yang sedar tentang kepentingan pendidikan dalam membangun dan memajukan rakyat dan anak bangsanya.<sup>137</sup>

Pendidikan Islam di zaman penjajah berkembang dengan amat terbatas disebabkan penaklukan penjajah ke atas Tanah Melayu merupakan salah satu cara untuk mereka menghalang perkembangan agama dan ilmu-ilmu Islam kepada masyarakat Melayu. Sungguhpun terdapat saingan antara sistem pendidikan al-Quran dengan mata pelajaran lain yang dibawa oleh penjajah di sekolah, pendidikan Islam masih tetap menjadi tumpuan masyarakat Melayu. Perkembangan pengajaran pendidikan Islam di Tanah Melayu menjadi lebih meluas apabila anak-anak Melayu yang telah menamatkan pengajian mereka di Timur Tengah dan kembali ke Tanah Melayu dan seterusnya merencanakan lagi aktiviti dan kegiatan keagamaan untuk dilaksanakan dengan sistematik seperti yang dilakukan oleh Syed Syeikh Al-Hadi yang telah menubuhkan sebuah

---

<sup>136</sup>Ahmad Jelani Halimi, Ishak Saat, op.cit, hal 68.

<sup>137</sup>*Ibid.*

madrasah di Bukit Mertajam, Seberang Prai. Beliau adalah antara tokoh yang terlibat dalam memperbaiki sistem pendidikan Islam menjadi lebih baik di Tanah Melayu.

Sistem pendidikan Islam yang dilaksanakan di pondok-pondok menjadi pilihan masyarakat Melayu pada ketika itu untuk mempelajari cara membaca al-Quran, tajwid, mata pelajaran usuluddin, fiqh, balaghah, bahasa Arab serta sejarah Islam menjadikan pengajian di pondok agak istimewa dan orang berminat datang belajar. Antara keistimewaan sistem pengajian di pondok ialah memberi kebebasan kepada tuan guru untuk menyampaikan ilmu tanpa terikat dengan sebarang kongkongan dan polisi pemerintah. Walaupun pihak Inggeris berpendapat kurikulum pengajian yang dilaksanakan di pondok agak terkebelakang berbanding dengan kurikulum sekolah Inggeris, tetapi masyarakat Melayu masih mempunyai minat yang tinggi untuk menghantar anak-anak mereka meneruskan pengajian di pondok kerana pendidikan agama yang diajar lebih memenuhi tuntutan Islam.

Sistem pengajian pondok telah mengalami zaman kemerosotannya selepas tahun 1945 iaitu selepas berlakunya perang dunia kedua. Keadaan itu menyebabkan sistem pendidikan madrasah dan pondok yang menggunakan cara lama diubah kepada sistem yang lebih formal dan sistematik diasaskan oleh Kaum Muda yang merupakan pelopor kemajuan bangsa pada waktu itu. Atas dasar itu kaum muda berpendapat bahawa sesuatu anjakan perlu dilakukan terhadap masyarakat Melayu untuk memberi kesedaran Islam kepada mereka dengan kefahaman Islam yang lebih menyeluruh. Ketika itu pegangan agama di kalangan masyarakat Melayu sekadar adat sahaja dan mereka telah selesa dengan cara hidup begitu dan amalan agama cuma sekadar amalan ritual semata-mata.

Oleh itu Kaum Muda yang memahami kepentingan amanah, tanggungjawab yang perlu dipikul demi memberikan kesedaran serta menunjuk arah memimpin masyarakat Melayu kembali melaksanakan tuntutan sebenar agama Islam yang syumul seperti yang dituntut dilakukan oleh penganutnya. Bagi Kaum Muda beberapa perkara perlu dilakukan untuk mengembalikan masyarakat Melayu supaya membuka minda dan pemikiran agar menjadi bangsa yang maju, memahami agama Islam dengan mendalam dan kuat dalam pelaksanaan Islamnya. Kaum muda mahu memberi kefahaman kepada masyarakat Melayu terhadap ajaran Islam yang sebenar seperti yang dituntut oleh al-Quran dan Hadis.

Sebelum negeri Perak berada di bawah penguasaan Inggeris pada tahun 1874, sultan mempunyai kuasa mutlak dalam mentadbir negeri dan perkara-perkara yang ada hubungkait dengan adat Melayu.<sup>138</sup> Pentadbiran berkaitan agama Islam dikendalikan oleh “Orang Kaya Menteri Paduka Tuan”<sup>139</sup>. Semasa pemerintahan Inggeris, kuasa sultan hanya terbatas kepada perkara yang berkaitan dengan agama Islam terutama yang menjurus kepada hal-hal yang berkaitan dengan ibadah dan adat Melayu sahaja.<sup>140</sup>

Pengajian Islam telah mula diperkenalkan di Perak sejak pertengahan kurun ke-16 Masehi lagi.<sup>141</sup> Ini dapat dibuktikan melalui peristiwa satu rombongan dari Sumatera telah mengiringi Sultan Muzaffar Shah<sup>142</sup> ke bandar (satu tempat di Kuala Sungai Perak). Seorang guru agama iaitu Syeikh Ibrahim bin Mahmud yang berasal dari Kampar turut sama menyertai rombongan itu. Rombongan tersebut terus ke Bota Kanan, Parit dan

---

<sup>138</sup>Mohd Shith Haji Mohamed (1984), *Pengajaran Agama Islam Secara Pondok di Perak*, JPN, hal 10.

<sup>139</sup>*Ibid.*

<sup>140</sup>*Ibid.*

<sup>141</sup>*Ibid.* hal 11

<sup>142</sup>Sultan Perak yang Pertama

menetap di sana<sup>143</sup>. Beliau telah mendirikan sebuah surau sebagai tempat memulakan pengajian Islam.<sup>144</sup> Pada peringkat awal, proses pengajian Islam dijalankan dengan berkumpul beramai-ramai di suatu tempat dan guru agama akan mengajar mengenai rukun Iman, rukun Islam dan ilmu-ilmu asas berkaitan dengan agama Islam.<sup>145</sup>

Di negeri Perak kemunculan institusi pendidikan Islam turut mencorakkan semangat kemerdekaan dan api kebencian terhadap penjajah Barat. Kesedaran selalunya terhasil daripada pembinaan ilmu yang bermula dengan strategi menjadikan masyarakat berilmu. Hal yang demikian ini membawa kepada sebuah anjakan paradigma masyarakat Melayu pada waktu itu agar sama-sama bangkit dan berganding bahu untuk membela nasib anak bangsa sendiri.<sup>146</sup>

Pada masa Jepun menguasai Tanah Melayu 1942-1945<sup>147</sup>, perkembangan pendidikan Islam di Perak terpaksa diberhentikan. Sekolah-sekolah agama ini mula beroperasi semula di bawah kelolaan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Perak yang ditubuhkan pada 23 Oktober 1949.<sup>148</sup> Setelah institusi ini ditubuhkan, Jawatankuasa Sekolah Agama diletakan di bawah kawalan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perak dan ditukar namanya kepada Sekolah Agama Kerajaan Negeri dan kekal beroperasi sehingga sekarang. Walaupun sekolah-sekolah agama ini adalah antara pusat pendidikan al-Quran yang awal di negeri Perak, tetapi masih terdapat beberapa

---

<sup>143</sup>*Ibid.*

<sup>144</sup>Mohd Rosmizi Abd Rahman, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Marina Munira Abdul Mutalib, Roslizawati Mohd Ramly, (2014), *Agama-Agama Di Dunia*, Universiti Sains Islam Malaysia, hal 12.

<sup>145</sup>Badriyah Haji Salleh (1984), *Kampung Haji Salleh dan Madrasah Sa'adah Salihin 1914-1959*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka

<sup>146</sup>*Ibid*, hal 75.

<sup>147</sup>Adnan Haji Nawang(1998), *Perak Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, hal 61

<sup>148</sup>*Ibid.*

kelemahan dan kekurangan dalam proses pelaksanaannya. Meskipun demikian, pusat-pusat pendidikan Islam yang beroperasi di negeri Perak pada ketika itu masih mampu melahirkan guru-guru mahupun pegawai-pegawai agama yang mahir, terlatih dan cekap. Ia juga mampu untuk memberikan sumbangan kepada masyarakat, tidak hanya dalam bidang agama tetapi juga dalam bidang akademik dan politik.<sup>149</sup>

Kesedaran mengenai betapa pentingnya pendidikan di kalangan masyarakat Melayu di Perak turut melibatkan pihak istana dan Kerabat Diraja Perak. Golongan ini aktif dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat Melayu terutamanya Sultan Idris Murshidul Adzam Shah 1, Sultan Alang Iskandar Shah, Sultan Abdul Aziz Al-Mu'tasim Billah Shah. Hal ini telah dititahkan oleh Raja Muda Perak Duli Yang Teramat Mulia Raja Nazrin dalam Titah Utama di Muzakarah Ulama pada 5 Julai 2007.<sup>150</sup> Dalam titah tersebut baginda menyatakan bahawa Maahad Al-Ehya As-Shariff, Madrasah Diniyah Padang Rengas, Madrasah Idrisiah di Kuala Kangsar, The Malay College Kuala Kangsar, Sultan Idris Training College merupakan tapak-tapak awal pendidikan yang memupuk semangat kesedaran bangsa. Antara tokoh-tokoh yang terlibat aktif menyalakan semangat kesedaran bangsa adalah Dr. Burhanuddin al-Helmy, Ustaz Abu Bakar al-Bakir, Ustaz Baharuddin Abdul Latif, Dr. Zulkiflee Mohamad, yang merupakan anak-anak kelahiran negeri Perak. Negeri Perak turut menjadi tapak yang subur kepada Sheikh Junid Tola dan Sheikh Mohamad Tahir Jalaluddin yang berasal dari Sumatera dalam menngembangkan seruan menuntut kemerdekaan".<sup>151</sup>

---

<sup>149</sup>William R. Roff (1967), op cit, hal 77

<sup>150</sup>Duli Yang Teramat Mulia Raja Nazrin Shah, Titah Utama di Muzakarah Ulama, 5 Julai 2007 (khamis), Dewan Bankuet Bangunan Perak Darul Ridzuan, Ipoh.

<sup>151</sup>*Ibid.*



## 2.5.Kelemahan dan Kekurangan dalam Pelaksanaan Pendidikan Islam

Pada tahun 1974 sebuah Jawatankuasa Mengkaji Mata Pelajaran Agama Islam di Sekolah telah dibentuk yang berfungsi untuk bertindak mengkaji dan membuat penilaian semula kurikulum pendidikan Islam.<sup>152</sup> Ia bertujuan mengkaji perkara-perkara berkaitan dengan kaedah pengajaran guru kepada pelajar, penyeliaan terhadap kemahiran guru-guru dalam menyampaikan ilmu kepada para pelajar. Hasil dapatan dari kajian tersebut dilaporkan melalui Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran 1979. Dalam laporan itu telah dinyatakan :

*“Mutu pengajaran dan pembelajaran Pengetahuan Agama Islam di sekolah-sekolah sekarang ini belum lagi mencapai satu peringkat yang diharapkan. Keadaan ini timbul, kerana kebanyakan guru-guru agama ini tidak mempunyai kelayakan ikhtisas yang diperlukan. Di samping itu mereka juga tidak mendapat bimbingan yang sewajarnya. Pendidikan Agama Islam seperti yang dijalankan pada masa ini kurang menitik beratkan aspek amali sebagaimana yang dijangka dan dikehendaki”<sup>153</sup>*

Hasil laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 dirumuskan untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan yang terdapat dari kaedah pengajaran pendidikan Islam sebelumnya iaitu berkaitan dengan aspek amalan dan penghayatan agama Islam yang tidak diberikan penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran agama Islam, aspek berkaitan dengan penyampaian dan pengajaran guru yang kurang menekankan aspek amali dan tidak menggunakan alat bantuan mengajar untuk membantu guru dalam penyampaian pengajaran kepada pelajar, aspek berikutnya berkaitan dengan guru-guru yang tidak mendapat latihan khusus, penyeliaan dan bimbingan yang sewajarnya dalam

---

<sup>152</sup>Zainal Abidin Abdul Kadir (1994), *Ke arah Amalan dan Penghayatan Nilai Islam Satu Pendekatan Bersepadu*, Abdul Halim El-Muhammady, *Pendidikan Islam Peranannya Dalam Pembangunan Ummah*, Selangor Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, hal 105.

<sup>153</sup>Ibid. hal 107-108

menyampaikan ilmu kepada pelajar. Segala kelemahan ini telah dikenalpasti dan beberapa langkah telah diambil untuk mengatasi segala kelemahan tersebut.

Untuk mengatasi segala kelemahan dan kekurangan dalam pengajaran pendidikan Islam yang telah dikenalpasti, beberapa tindakan telah dilaksanakan dalam usaha untuk memantapkan pendidikan Islam. Selain itu guru-guru pendidikan Islam juga diberikan latihan yang secukupnya supaya dapat menjalankan tugas pengajaran dengan lebih teratur dan sempurna. Seterusnya Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), Kurikulum Baru Pendidikan Islam (1982) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) digubal pada tahun 1989 sebagai usaha untuk memperbaiki segala kelemahan yang terdapat dalam kurikulum pendidikan Islam agar setaraf dengan matapelajaran akademik yang lain.<sup>154</sup>

Setelah KBSR diperkenalkan di sekolah-sekolah, perkara-perkara asas dalam agama Islam turut diberikan tumpuan dalam aspek pengajaran. Matapelajaran pendidikan Islam yang diberikan tumpuan ialah bab akidah, ibadah, sirah dan budi pekerti. Aspek asuhan dan latihan membaca al-Quran tetap diteruskan dengan penambahan penekanan dari sudut aspek-aspek amali.<sup>155</sup> Matapelajaran pendidikan Islam diperkemas apabila Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) diperkenalkan pada tahun 1993 menggantikan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR).<sup>156</sup> Dengan perubahan kurikulum ini menjadikan pendidikan Islam yang sebelum ini hanya mempunyai dua bidang iaitu asuhan al-Quran dan asas ulum syariah telah bertambah satu lagi bidang iaitu asas akhlak Islam bertujuan memantapkan lagi didikan untuk membentuk tingkah laku

---

<sup>154</sup>*Ibid.* hal 107-108

<sup>155</sup>Mohd Roslan Mohd Noor, Wan Mohd Tarmizi Wan Othman (2011), *Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia*, Jurnal At-Ta'dib, Vol. 6, No1 Jun, hal 74

<sup>156</sup>Kementerian Pendidikan Malaysia (2007), *Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*, Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, hal 1.

pelajar mulia dan terpuji yang berlandaskan Islam yang menyaranakan amalan nilai-nilai terpuji dalam kehidupan seharian.<sup>157</sup>

Ketika Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi menjadi Perdana Menteri Malaysia yang kelima, matapelajaran pendidikan Islam diperkasakan lagi dengan program J-QAF (Jawi, al-Quran, bahasa Arab dan Fardhu ‘Ain). Program ini diilhamkan oleh Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi untuk memastikan penguasaan jawi di kalangan pelajar-pelajar dimantapkan, pengenalan asas bahasa Arab diperkasakan dan penghayatan amalan fardhu ain terus diperkukuhkan. Program yang telah mula dilaksanakan pada tahun 2005 kepada pelajar sekolah rendah dan akan diteruskan pelaksanaannya di sekolah menengah setelah semua tahap pengajian di sekolah rendah telah dilaksanakan sepenuhnya.<sup>158</sup>

## 2.6. Kesimpulan

Berdasarkan sejarah pendidikan Islam yang telah dibincangkan, dapat nyatakan bahawa pengaruh-pengaruh dari luar terutamanya Hindu telah berjaya dihapuskan dengan peranan-peranan yang telah dimainkan oleh para ulama lepasan agama dari Timur Tengah melalui pendidikan Islam. Perubahan itu diperkukuhkan lagi dengan penglibatan golongan istana terutamanya para sultan dan kerabat Diraja yang aktif memberikan sokongan terhadap perkembangan pendidikan Islam di Perak. Gabungan para ulama’ dan umara’ yang bersungguh-sungguh serta gigih dalam mendidik masyarakat membolehkan syiar Islam dapat dipertingkatkan dan seterusnya sistem pendidikan Islam dibangunkan melalui madrasah dan sekolah-sekolah dengan lebih teratur. Ini menjadikan masyarakat

---

<sup>157</sup>*Ibid.* hal 12

<sup>158</sup>Utusan Malaysia Online, Julai 17, 2009, J-QAF akan diperluaskan ke sekolah menengah, <http://www.utusan.com.my/utusan>

yang kurang pengetahuan agama menjadi lebih faham tentang agama. Kesan daripada itu, kewujudan sekolah-sekolah yang menjalankan pendidikan Islam dapat terus menyampaikan ilmu kepada masyarakat dan perkembangan pendidikan Islam di Perak terus berkembang sehingga ke hari ini.

University of Malaya

## BAB KETIGA

### SEJARAH PENUBUHAN SEKOLAH MENENGAH AGAMA AD-DINIAH AL-ISLAMIAH (SMADI) DAN PERKEMBANGANNYA PADA HARI INI

#### 3.1. Sejarah Penubuhan

Pada awal penubuhan sekolah ini dikenali sebagai Al-Madrasah Al-Islamiah yang dibangunkan pada tahun 1925 oleh seorang ulama iaitu Sheikh Junid Tola. Ia merupakan antara sekolah agama yang terawal ditubuhkan di negeri Perak selepas Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar (1917) yang diasaskan penubuhannya atas titah DYMM Sultan Idris 1 Mursyidul Adzam Shah (1887-1916) yang menjadi Sultan Perak ke-28, selepas itu Maahad Al-Ehya As-Sharif di Gunung Semanggol (1918) oleh Ustaz Abu Bakar al-Baqir. Penubuhan Madrasah Ad-Diniah Al-Islamiah (SMADI) Kampung Lalang, Padang Rengas oleh Sheikh Junid Tola (1925) yang merupakan sekolah agama yang ketiga ditubuhkan di negeri Perak.

Pada permulaannya ia dibuka khusus untuk kaum wanita yang dikenali dengan nama Madrasah Diniah Islamiah Putri Kampung Lalang, Padang Rengas. Nama asal sekolah ini diambil dari Sekolah Menengah Agama Ad-Diniah Al-Islamiah Diniyyah Puteri, Padang Panjang, Sumatera Barat, Indonesia mengambil nama sempena tempat asal kelahiran Sheikh Junid Tola. Kebanyakan penubuhan sekolah agama ataupun madrasah berkait rapat dengan para ulama, begitu juga dengan penubuhan SMADI. Kedatangan Sheikh Junid Tola ke Padang Rengas telah dibawa oleh Haji Said yang juga seorang ulama kelahiran tempatan. Setelah Haji Said mendapati Sheikh Junid merupakan seorang pelajar yang cerdas, pintar serta berkemampuan menguasai ilmu agama dengan baik di beberapa pondok tempat pengajiannya sebelum ini, beliau telah membawanya ke

kampungnya di Padang Rengas<sup>159</sup>. Melihat kepada kemampuan Sheikh Junid, maka Haji Said telah menikahkan beliau dengan anak perempuannya Sariah binti Haji Said pada tahun 1922.<sup>160</sup>

Dalam sesi temubual bersama dengan pengetua SMADI iaitu Dr. Hj. Jurij bin Jalaludin, beliau menerangkan bahawa pada peringkat awal kelas pengajian SMADI dijalankan di sebuah surau berhampiran dengan rumahnya di Kampung Lalang. Murid-murid yang datang belajar ilmu dengan Sheikh Junid terdiri daripada penduduk kampung itu sendiri dan penduduk kampung di sekitar Kampung Lalang seperti Kampung Gunung Pondok, Kampung Sungai Ati dan Kampung Paya Lintah. Pengajian yang dijalankan di surau tersebut dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah kelas untuk kanak-kanak, manakala bahagian kedua kelas untuk orang dewasa.<sup>161</sup> Ketokohan dan keilmuan yang ada pada Sheikh Junid menjadikan kelas-kelas pengajian itu semakin diminati ramai menyebabkan surau tempat kelas dijalankan tidak mampu menampung keperluan murid yang semakin bertambah dari masa ke semasa<sup>162</sup>.

Ketika Sheikh Junid menuntut di Timur Tengah, beliau amat kagum dan begitu berminat dengan sistem institusi pentadbiran wakaf yang dilaksanakan di sana sehingga mampu mendirikan dan membiayai sebuah universiti yang besar dan terkenal sehingga ke hari ini iaitu Universiti Al-Azhar, Mesir menggunakan sistem wakaf<sup>163</sup>. Beliau mengambil peluang mempelajari bagaimana pihak pemerintah di sana melaksanakan

---

<sup>159</sup>Mohamad Redzuan Othman (1999), Sheikh Junid Tola, Ensiklopedia Sejarah Dan Kebudayaan Melayu jld 4, hal 2392-2393.

<sup>160</sup>*Ibid.*

<sup>161</sup>Temu bual bersama Mudir SMADI Dr. Hj. Jurij bin Jalaludin pada 9 Mei 2016 jam 11 pagi di Bilik Mudir

<sup>162</sup>*Ibid.*

<sup>163</sup>Mohamad Redzuan Othman (1999), op cit

sistem tersebut. Minat beliau yang begitu mendalam dengan institusi wakaf telah mendorong beliau menulis sebuah buku kecil yang bertajuk 'Kaifiat Mengadakan Wakaf' yang telah diterbitkan di Mesir pada tahun 1927. Segala maklumat berkaitan dengan sistem wakaf yang beliau pelajari telah dimuatkan dalam buku tersebut.<sup>164</sup>

Dalam pengajian yang dijalankan di surau itu, beliau turut menyelitkan ilmu berkaitan dengan wakaf dan kaifiat-kaifiatnya kepada murid-muridnya. Pada waktu itu, ilmu berkaitan wakaf begitu asing dalam kalangan masyarakat di situ. Namun, setelah Sheikh Junid menerangkan mengenainya, masyarakat semakin faham dan jelas mengenai sistem wakaf tersebut. Hasilnya, beberapa orang pelajarnya bersedia mewakafkan sebidang tanah milik mereka untuk didirikan pondok pengajian memandangkan surau yang ada tidak lagi mampu untuk menampung bilangan murid yang semakin bertambah.<sup>165</sup> Masyarakat pada ketika itu yang begitu dahagakan ilmu agama telah mengambil peluang untuk mendalami ilmu-ilmu agama di masjid dan pondok-pondok yang didirikan di kampung mereka. Populariti yang dimiliki oleh Sheikh Junid menjadikan kelas-kelas pengajiannya semakin mendapat sambutan dari masyarakat tempatan. Matapelajaran yang diajar ialah berkaitan dengan Al-Quran dan kelas fardhu 'ain.

Hasil daripada pandangan jauh golongan ulama ketika itu, muncul sistem pengajian pondok, madrasah dan sekolah Arab yang bermatlamat memberikan bimbingan kepada umat Islam agar tidak dihanyutkan oleh arus pendidikan yang bercorak Barat.<sup>166</sup>

---

<sup>164</sup>Mohamad Redzuan Othman.op.cit

<sup>165</sup>*Ibid.*

<sup>166</sup>Tajuddin Saman, op.cit, hal 114.

Melalui sistem pondok, para guru biasanya akan mengajar sepenuh masa, bermula selepas solat subuh hingga pukul sebelas pagi dan disambung semula daripada jam dua petang sehingga jam empat petang.<sup>167</sup> Pengajian seterusnya pada waktu malam sebaik sahaja selesai menunaikan solat maghrib sehingga jam sepuluh malam.<sup>168</sup> Bentuk pembelajaran sistem pondok ini ialah dengan cara murid duduk di lantai dalam bentuk tiga perempat bulatan atau dalam bentuk lengkungan seperti 'ladam kuda' bagi memudahkan penyampaian dan mendengar apa yang diajar oleh tuan guru.<sup>169</sup> Setiap murid mesti mempunyai kitab, buku catatan dan alat tulis supaya setiap yang dipelajari itu dapat difahami dengan baik. Ini kerana sistem pengajian yang dilaksanakan ini tidak terdapat peperiksaan seperti yang terdapat di sekolah-sekolah sekarang. Cara menentukan kefahaman murid itu terhadap ilmu yang dipelajari adalah menerusi kemampuan pelajar-pelajarnya menghuraikan kembali ilmu yang telah dipelajari dan dihafalnya.<sup>170</sup>

Dalam sistem pengajian pondok, tempoh pengajian biasanya mengambil masa yang lama iaitu antara sepuluh hingga ke lima belas tahun.<sup>171</sup> Dalam tempoh tersebut corak pembelajaran dibahagikan kepada dua tahap. Pertama, pembelajaran melalui cara hafalan dan kedua pembelajaran dengan cara membuka kitab.<sup>172</sup> Apabila tahap pertama telah berjaya dikuasai oleh para pelajar dengan baik, maka tahap kedua iaitu membuka kitab akan dimulakan.<sup>173</sup> Para pelajar mesti mendengar dengan teliti setiap ayat yang

---

<sup>167</sup>Arba'iyah Mohd Noor, op.cit, hal 72

<sup>168</sup>*Ibid.*

<sup>169</sup>*Ibid.*

<sup>170</sup>Temu bual bersama Mudir SMADI, op.cit.

<sup>171</sup>Sabri Haji Said (1983), *Madrasah Al-Ulum Al-Syariah Perak 1937-1977, Satu Kajian Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, hal 17-20.

<sup>172</sup>*Ibid.*

<sup>173</sup>*Ibid.*



disebut oleh guru dan mencatatnya dalam buku catatan sebagai satu bentuk penghormatan ke atas guru tersebut.<sup>174</sup>

Pengajian pondok Kampung Lalang semakin mendapat sambutan dan diminati menyebabkan cerita mengenai pengajian pondok yang dikendalikan oleh Sheikh Junid mula tersebar luas ke daerah-daerah yang lain seperti daerah Perak Tengah, Batang Padang, Krian, Hilir Perak<sup>175</sup>. Murid-murid yang datang dari jauh seperti Temoh dalam daerah Batang Padang, dari Teluk Intan, dari Parit, dari Bagan Serai ini menghuni pondok-pondok yang didirikan semata-mata untuk menuntut ilmu di sini.<sup>176</sup> Selain dari ketokohan dan ketinggian ilmu yang ada pada Sheikh Junid yang menjadi daya penarik kepada penuntut dari luar daerah datang menuntut ilmu di sini. Terdapatnya stesen keretapi di Padang Rengas yang menjadi jalan perhubungan pada ketika itu yang memudahkan para pelajarnya untuk sampai ke Kampung Lalang kerana jarak antara stesen keretapi dengan pondok pengajian lebih kurang satu kilometer sahaja<sup>177</sup>.

Sambutan terhadap kelas-kelas pengajian beliau di pondok semakin hebat dan mendapat tumpuan masyarakat. Masyarakat kampung semakin memahami konsep wakaf yang diperkenalkan oleh Sheikh Junid<sup>178</sup>. Hasil dari kefahaman itu semakin ramai penduduk kampung mula mewakafkan tanah mereka untuk dijadikan tapak pembinaan sekolah sebagai pusat pengajian yang lebih luas dan mampu menampung penuntut yang lebih ramai berbanding tempat pengajian pondok yang sedia ada. Usaha ini telah mendapat sokongan yang padu dari Ketua Kampung Lalang ketika itu iaitu Haji Abd. Rahim Datuk Panglima Garang.<sup>179</sup> Selain itu, segala usaha Sheikh Junid turut dibantu

---

<sup>174</sup>*Ibid.*

<sup>175</sup>*Ibid.*

<sup>176</sup>*Ibid.*

<sup>177</sup>*Ibid.*

<sup>178</sup>*Ibid.*

<sup>179</sup>*Ibid.*

oleh beberapa orang tokoh tempatan yang pernah mendapat didikan di Timur Tengah dan juga lulusan dari madrasah tempatan, termasuklah Haji Usman Ahmad, Haji Abdul Aziz Yaakub, Haji Said, Haji Kasim, Haji Anjang Ahmad, Haji Ismail Moin, Haji Mohd Zain Abd Majid, Haji Mohd Zain Noh dan Abu Bakar.<sup>180</sup> Penduduk kampung yang mewakafkan tanah mereka untuk tujuan membangunkan pusat pengajian telah dijadikan sebagai pemegang amanah (*trustee*) bagi menentukan pembinaan sekolah dan bentuk pengajian yang akan dijalankan apabila sekolah tersebut siap dibina.<sup>181</sup>

### 3.2. Tujuan Penubuhan SMADI

Perkembangan ini menunjukkan kesungguhan para pelajar dalam menuntut ilmu, semangat kerjasama dan kerja keras oleh masyarakat Kampung Lalang telah berjaya menghasilkan satu lonjakan ilmu kepada masyarakat di situ sehingga dari sebuah kampung yang terpencil akhirnya dikenali oleh masyarakat dari luar daerah sebagai satu tempat pengajian ilmu agama dengan sistem pondok yang dikendalikan oleh seorang tokoh ilmunan. Penduduk kampung berpeluang mengikuti pengajian kelas al-Quran dan fardhu 'ain yang sesuai untuk semua golongan sama ada kanak-kanak, remaja dan golongan dewasa.<sup>182</sup> Corak pengajaran yang dilaksanakan berbentuk teori dan amali menarik minat mereka untuk mendalami ilmu dari Sheikh Junid.<sup>183</sup>

Dalam konteks masyarakat Melayu tradisional, pengajian pondok merupakan institusi pengajian agama yang amat disanjung tinggi.<sup>184</sup> Ibu bapa menaruh kepercayaan

---

<sup>180</sup>*Ibid.*

<sup>181</sup> Temu bual bersama Mudir SMADI Dr Jurij bin Jalaluddin pada 9 Mei 2016, jam 11 pagi di Bilik Mudir.

<sup>182</sup>*Ibid.*

<sup>183</sup>*Ibid.*

<sup>184</sup> Arba'iyah Mohd Nor, op.cit, hal 71

penuh kepada sistem ini kerana pelajar-pelajar lepasan pondok begitu dihormati dan merupakan alim ulama yang akan membimbing dan memimpin masyarakat terutama berkaitan dengan keagamaan.<sup>185</sup> Hasil dari sambutan hangat daripada penuntut tempatan dan dari luar daerah Kg. Lalang terhadap pengajian pondok di situ menyebabkan pondok-pondok yang sedia ada tidak mampu untuk menampung bilangan murid yang semakin ramai. Maka dalam tahun 1930 sebuah madrasah telah didirikan di atas tanah yang telah diwakafkan. Madrasah ini diberi nama Madrasah Arabiah Kampung Lalang.<sup>186</sup> Dengan wujudnya madrasah tersebut, perkembangan pengajian bertambah pesat. Situasi ini mendorong kepada penubuhan sebuah lagi madrasah yang siap dibina pada tahun 1931<sup>187</sup>. Madrasah ini lebih lengkap dan teratur dari Madrasah Arabiah telah diberi nama Madrasah Yahyawiyah mengambil sempena nama Orang Besar Jajahan Kuala Kangsar pada ketika itu iaitu Datuk Andika Mior Yahya Mior Syamsuddin. Beliau turut memberikan sumbangan derma untuk penubuhan madrasah tersebut dan seterusnya beliau dilantik sebagai penaung madrasah itu.<sup>188</sup>

Dengan kewujudan dua madrasah yang terletak di lokasi yang berhampiran, masyarakat tempatan telah mencadangkan supaya diasingkan tempat pengajian antara pelajar perempuan dan pelajar lelaki. Cadangan supaya pihak madrasah hanya menerima pelajar perempuan telah dipersetujui oleh Jabatan Agama Islam Perak (JAIP).<sup>189</sup> Hasil dari cadangan itu maka pengajian bagi pelajar lelaki telah ditempatkan di Madrasah Yahyawiyah manakala pengajian bagi pelajar perempuan di Madrasah Arabiah yang kemudiannya dinamakan Sekolah Diniyah Puteri dan sekarang dikenali dengan nama

---

<sup>185</sup>*Ibid.*

<sup>186</sup>Mohamad Redzuan Othman, op.cit

<sup>187</sup>*Ibid.*

<sup>188</sup>*Ibid.*

<sup>189</sup>Kertas Kerja Cadangan Pembinaan Bangunan Asrama SMADI (t.t)

Sekolah Menengah Agama Ad-Diniah Al-Islamiah (SMADI). Sejak itu SMADI kekal sebagai tempat pengajian bagi pelajar-pelajar perempuan sehingga sekarang.<sup>190</sup>

Penubuhan SMADI bertujuan untuk dijadikan sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan agama Islam dan akademik bagi melahirkan ahli akademik yang bertakwa dan berilmu.<sup>191</sup> Bagi pelajar lelaki yang telah menamatkan pengajian di sini, mereka akan dihantar ke masjid-masjid dan surau-sarau di kampung berdekatan untuk menjadi imam bagi mengimarahkan masjid dan surau. Antara mata pelajaran yang diajar di SMADI ialah ilmu berkaitan dengan Al-Quran, ilmu bahasa Arab seperti ilmu nahu, sorof dan ilmu fiqh.<sup>192</sup> Lulusan dari pondok ini mampu mengetuai solat secara jemaah di masjid dan surau tempat mereka ditempatkan dan mengetuai upacara keagamaan seperti bacaan doa selamat mengendalikan pengurusan jenazah. Tidak kurang juga sebilangan bekas pelajar di sini turut mengajar ilmu kepada masyarakat dalam kariah mereka dan menjadi rujukan oleh orang kampung dalam hal-hal berkaitan dengan agama.<sup>193</sup> Selain menitik beratkan pelajaran agama penubuhan SMADI juga tidak meninggalkan ilmu akademik malah pelajaran amali seperti ilmu berniaga (*small business*), membuat kicap, membuat sabun, membuat minyak angin, kacang masin, bersawah, berkebun dan menjahit (untuk penuntut perempuan) turut dijadikan pelajaran yang wajib diketahui oleh penuntutnya.<sup>194</sup>

Ketika Sheikh Junid menuntut di Timur Tengah, beliau tidak hanya menumpukan perhatian untuk mempelajari ilmu agama semata-mata malah turut bergiat aktif mendalami pengurusan institusi wakaf yang mampu membangunkan sebuah universiti di

---

<sup>190</sup>*Ibid.*

<sup>191</sup>Majalah SMADI Edisi Kedua 2012, hal 10.

<sup>192</sup>Temu bual bersama Mudir SMADI, op.cit, di Bilik Mudir pada 8 April 2016.

<sup>193</sup>*Ibid.*

<sup>194</sup>Jurij Jalaludin (14.5.2012), Sejarah Sekolah Agama di Perak, utusan.com.pendidikan.

Mesir. Beliau juga bergiat aktif dalam pergerakan pelajar Indonesia-Malaya memandangkan negara Mesir pada ketika itu sedang bergolak dengan kehadiran penjajah yang datang menjajah bumi Mesir. Penentangan rakyat Mesir terhadap penjajah ini kemudiannya berkembang kepada fahaman ‘pembaharuan’ yang dipelopori oleh Sheikh Muhammad Abduh dan Rasyid Ridha.<sup>195</sup> Situasi yang berlaku ini menjadikan Sheikh Junid lebih matang, terbuka pemikirannya dan bersemangat tinggi dalam menentang penjajahan yang disifatkannya boleh menyebabkan kehidupan masyarakat yang terkongkong dan terseksa semasa berada di bawah kuasa penjajah.<sup>196</sup>

Dengan ilmu dan dengan pengalaman yang dapat dikutip oleh Sheikh Junid sepanjang menuntut di Timur Tengah, beliau cuba meluaskan idea pembaharuan pemikiran tersebut di sekolah yang ditubuhkannya serta kepada masyarakat di Kampung Lalang. Sungguhpun begitu beliau amat berhati-hati dalam menyerap idea pembaharuan itu agar masyarakat boleh menerima pembaharuan ini.<sup>197</sup> Beliau menyarankan agar masyarakat melakukan perubahan terutama dari segi perubahan mental dan sikap supaya lebih terbuka dan mampu bergerak lebih maju dan berjaya di masa depan.<sup>198</sup> Antara pembaharuan dan reformasi yang beliau laksanakan adalah berkaitan dengan keagamaan bagi menghapuskan unsur-unsur syirik, khurafat, bida’ah yang telah lama wujud dalam pemikiran dan amalan masyarakat Melayu, serta mengembalikan ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W berdasarkan kepada al-Quran dan Hadith.<sup>199</sup>

---

<sup>195</sup>Muhammad Redzuan Othman, op.cit.

<sup>196</sup>*Ibid.*

<sup>197</sup>*Ibid.*

<sup>198</sup>*Ibid.*

<sup>199</sup>Mahayuddin Haji Yahya (1998), *Abu Jabir Abdullah b Ahmad al-Ghadamisi: Tokoh Ulama Islah di Tanah Melayu*, dalam Sejarah dan Proses Pemantapan Negara Bangsa, Prosiding Kongres Sejarah Malaysia Kedua, jld 2, hal 435.

Pelajar-pelajar Melayu yang menuntut di Timur Tengah pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 merupakan mereka yang mempunyai daya inisiatif yang tinggi. Ini terbukti apabila ramai di kalangan penuntut Melayu di Mesir pada ketika itu bergiat secara aktif dalam aktiviti persatuan, menerbitkan surat khabar dan mempunyai syarikat percetakan sendiri untuk menyebarkan idea-idea kesedaran kepada masyarakat Melayu dengan lebih berkesan.<sup>200</sup> Peranan yang dimainkan oleh lulusan Universiti Al-Azhar dan mereka yang menuntut di Mekah amat penting dalam menimbulkan kesedaran Melayu sebelum berlakunya Perang Dunia Kedua, selain berperanan sebagai pusat pendidikan orang Melayu, ia juga telah muncul sebagai pusat perkembangan intelektualism Melayu.<sup>201</sup>

Sepanjang Sheikh Junid menuntut ilmu di Mesir dan di Makkah, pemikiran beliau terdedah dengan pelbagai cabang ilmu yang berkaitan dengan ilmu-ilmu agama, pentadbiran, budaya intelektual, kesedaran untuk membebaskan diri dari sebarang bentuk penjajahan sama ada penjajahan dalam bentuk minda dan dalam bentuk fizikal<sup>202</sup>. Selain dari itu, masyarakat Melayu perlu dididik dengan ilmu agama dengan lebih mendalam agar memahami ajaran agama Islam yang mereka anuti supaya mereka dapat membezakan antara yang hak dan batil, antara kebenaran dan kemungkarannya, antara tauhid dengan syirik, munafik, khurafat yang berleluasa di dalam masyarakat Melayu pada masa itu.

---

<sup>200</sup>Nor Adina binti Abdul Kadir (2010), *Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala Kangsar Perak: Sejarah dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam Dari Tahun 1985-1999*, hal 68.

<sup>201</sup>*Ibid.*

<sup>202</sup>Muhammad Redzuan Othman, *Op.cit*

Beliau menyedari hanya melalui pendidikan yang berteraskan kepada Al-Quran dan Hadith sahaja yang boleh menyelamatkan masyarakat Melayu dari terus berada dalam kecelaruan dalam memahami ajaran Islam. Dengan penubuhan sekolah ini diharapkan masyarakat Melayu di Padang Rengas lebih terbuka pemikiran mereka dan segala pemahaman lama ini dapat diatasi dengan pendidikan yang berteraskan Al-Quran dan Hadith.

Beliau juga menekankan bahawa pentingnya bagi setiap orang Islam itu menggunakan kekuatan akal fikiran mereka untuk berjaya, pentingnya untuk berjuang serta pentingnya mempunyai keadaan ekonomi yang baik agar taraf hidup masyarakat muslim dapat ditingkatkan.<sup>203</sup> Atas dasar inilah, sekolah yang beliau bina itu terdapat mata pelajaran amali supaya masyarakat dapat mempelajari ilmu kemahiran berkaitan perniagaan agar taraf hidup masyarakat menjadi lebih baik.<sup>204</sup>

Sheikh Junid sentiasa menghidupkan semangat berdikari di kalangan pelajar-pelajarnya dan masyarakat Islam. Menurutnya lagi semangat berdikari amat bersesuaian dengan ajaran Rasulullah S.A.W. Ekonomi umat Islam hanya dapat dibina jika mereka sanggup berdikari tanpa mengharapkan bantuan daripada golongan bukan muslim. Kekuatan politik juga dapat ditegakkan masyarakat muslim yang mempunyai ekonomi yang kuat dan kukuh.<sup>205</sup>

Selain daripada ketokohan keilmuan yang ada pada Sheikh Junid, faktor hubungan yang erat antara sekolah yang beliau tubuhkan dengan Madrasah Idrisiah Kuala

---

<sup>203</sup>Muhammad Redzuan Othman, op.cit.

<sup>204</sup>*Ibid.*

<sup>205</sup>*Ibid.*

Kangsar dan Maahad Al-Ehya As-Shariff Gunung Semanggol yang telah wujud lebih awal telah menjadikan populariti SMADI lebih dikenali ramai. Tambahan pula para ulama yang menjadi tenaga pengajar di madrasah dan maahad tersebut merupakan bekas guru dan sahabat beliau ketika mereka sama menuntut di Mesir dan Makkah<sup>206</sup>. Sewaktu Sheikh Junid berada di Mesir, beliau telah terlibat aktif dalam pergerakan pelajar yang pada ketika itu sedang menghadapi ancaman penjajahan oleh kuasa asing.<sup>207</sup> Setelah beliau kembali ke Tanah Melayu dan membuka madrasah di sini. Tanah Melayu pada ketika itu juga sedang dijajah oleh British. Oleh itu Sheikh Junid telah menjadikan Madrasah Diniah (SMADI) sebagai salah satu pusat gerakan menuntut kemerdekaan.<sup>208</sup> Di madrasah inilah muncul beberapa orang tokoh yang mempejuangkan untuk menuntut kemerdekaan Tanah Melayu dari pihak British antaranya Dr Burhanuddin al-Helmy, Ishak Haji Yaakob (Pak Sako), Ustaz Abu Bakar al-Baqir, Shamsiah Faqeh,<sup>209</sup> Sakinah Junid (anak perempuan Sheikh Junid Tola). Pengaruh Sheikh Junid merupakan antara individu yang membentuk draf kemerdekaan di peringkat awal di Tanah Melayu dan telah diisytiharkan di Masjid Hurriyyah yang bermakna masjid merdeka.<sup>210</sup>

### **3.3.SMADI dan Perkembangannya**

Ingin ditegaskan di sini bahawa cetusan idea yang telah dilaksanakan di peringkat awal penubuhan SMADI amat bertepatan dengan sistem pendidikan yang telah dilaksanakan kini. Pentadbiran baru SMADI pada hari ini memahami pendekatan pengasas dahulu dan meneruskan kesinambungan prinsip-prinsip yang telah dilaksanakan sebelum ini dan memperkasakannya berdasarkan keperluan pendidikan semasa.

---

<sup>206</sup>Muhammad Redzuan Othman, op.cit

<sup>207</sup>*Ibid.*

<sup>208</sup>*Ibid.*

<sup>209</sup>*Ibid.*

<sup>210</sup>*Ibid.*



Pada pandangan pengkaji, apa yang telah dibangun serta dilaksanakan di SMADI melalui pembaharuan dalam sistem pendidikannya iaitu melalui kurikulum dan kokurikulum yang telah dijalankan mampu memenuhi keperluan Islam secara komprehensif dalam menyediakan aspek kemahiran kepada para pelajar khususnya ilmu-ilmu Islam melalui penekanan secara teori dan amali. Sukatan pelajaran pendidikan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang digunapakai untuk diselaraskan agar menyamai dan memenuhi keperluan semasa pelajar setelah mereka menamatkan pengajian di SMADI dan untuk menyambung pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sama ada di dalam atau luar negara.

Aspek kurikulum pendidikan ilmu-ilmu Islam sejak awal penubuhan SMADI yang memberi penekanan khusus kepada pengajian al-Quran, ulum al-Quran, al-Hadis, mata pelajaran bahasa Arab dalam pelbagai disiplin ilmu, asas-asas akidah dan ulum syariah terus dikekalkan hingga kini dengan beberapa penambahan dan pemurnian dari segi teori dan amali<sup>211</sup>. Keseimbangan dari aspek pengajaran di antara teori dan amali dengan lebih penekanan telah dilaksanakan agar para pelajar lebih memahami ilmu-ilmu yang dipelajari. Dengan adanya aspek tersebut, SMADI masih mengekalkan lagi sistem-sistem pendidikan asal yang telah diperkenalkan oleh pengasasnya Sheikh Junid Tola dan kesinambungan pelaksanaannya diteruskan dengan lebih terancang dan efisien yang bertepatan dengan keperluan semasa.

Tidak keterlaluan jika pengkaji mengatakan idea pemikiran pendidikan yang telah diperkenalkan oleh pengasasnya di madrasah yang ditubuhkannya dahulu sebenarnya

---

<sup>211</sup>Temubual bersama Pengetua SMADI di Bilik Mudir pada 8 April 2016, Op. cit

telah mendahului zamannya. Ini kerana jika dibandingkan dengan beberapa madrasah yang telah ditubuhkan lebih awal, hanya SMADI yang memperkenalkan idea membangunkan ekonomi melalui penglibatan para pelajarnya sendiri disamping mempelajari ilmu-ilmu agama. Para pelajar dilatih supaya tahu berdikari dan tidak hanya bergantung kepada bangsa asing dan seterusnya melaksanakan khidmat kepada masyarakat setempat. Pada pandangan pengkaji, pendekatan yang telah dilakukan pengasas SMADI ialah beliau berpandangan jauh serta berfikir di luar kotak dan ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari masyarakat tempatan. Kini setelah SMADI mengalami beberapa pembaharuan yang lebih terancang. Ia juga telah mula menampakkan hasil yang begitu baik. Ini dapat dilihat melalui sambutan yang semakin menggalakkan dari kalangan masyarakat setempat dan dari luar daerah untuk datang belajar di SMADI<sup>212</sup>.

Pembaharuan yang telah dilaksanakan oleh Dr Jurij terhadap SMADI dilihat telah memberikan keyakinan kepada masyarakat untuk turut sama menyokong dalam pembangunan madrasah ini. Melalui pengamatan pengkaji, Dr Jurij b Jalaluddin begitu komited dalam usaha-usaha beliau untuk mengembalikan sejarah kegemilangan yang pernah dikecapi SMADI pada peringkat awal penubuhannya. Ketokohan dan pengalaman yang ada pada beliau telah digunakan sepenuhnya dalam meneruskan segala usaha tersebut walaupun terdapat beberapa halangan dan kekangan khususnya dari segi kewangan yang menyebabkan proses pembaharuan SMADI berlaku agak perlahan. Usaha-usaha beliau beserta bantuan dari masyarakat kampung dan warga SMADI boleh dianggap sebagai satu kejayaan. Sungguhpun begitu, pengkaji melihat masih wujud beberapa perkara yang boleh diperbaiki dan dipertingkatkan lagi agar pengurusan dan

---

<sup>212</sup>*Ibid.*

pentadbiran SMADI menjadi lebih kemas dan teratur serta boleh dijadikan model contoh kepada sekolah-sekolah lain. Perkara-perkara tersebut akan diulas oleh pengkaji di bawah tajuk saranan dan cadangan di bab 5 nanti.

Dalam mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih terancang, bersistematik dan berkesan serta mampu mencapai objektifnya, aspek pemilihan para guru menjadi agenda yang penting dalam meneruskan usaha ke arah mengembalikan kecemerlangan sekolah. Oleh itu, perlunya kepada guru-guru yang mempunyai kemahiran yang khusus dalam setiap mata pelajaran yang diajar terutamanya dalam mata pelajaran agama Islam, al-Quran dan Hadith, mata pelajaran berkaitan bahasa Arab serta matapelajaran akademik. Justeru itu, kepakaran dan kemahiran para guru amat diperlukan untuk merealisasikan matlamat SMADI seperti yang telah digariskan oleh pentadbir madrasah. Di samping itu, Guru-guru yang mempunyai sahsiah yang baik, mempunyai komitmen dan semangat yang tinggi dalam membantu membimbing para pelajar untuk mencapai kejayaan duniawi dan ukhrawi.

Pengkaji mendapati, pembaharuan yang telah berlaku kepada SMADI secara keseluruhannya dilihat begitu komprehensif. Pendekatan berani yang dilakukan oleh pentadbir madrasah mencakupi pelbagai aspek amat diperlukan untuk membina kecemerlangan para pelajar sama ada dari segi kefahaman terhadap ilmu-ilmu agama, kecemerlangan akademik serta dapat membentuk keperibadian yang unggul sebagai Muslim yang komited dengan agamanya.

Sejak kembalinya Sheikh Junid Tola ke kampungnya di Kotanopan, Sumatera pada tahun 1948,<sup>213</sup> keadaan madrasah di Padang Rengas agak suram, perjalanan pengajian tidak serancak seperti sebelumnya, suasana pengajaran dan pembelajaran tidak semeriah dahulu.<sup>214</sup> Walaupun begitu kelas-kelas pengajian masih berjalan tetapi tidak seaktif seperti sebelumnya.<sup>215</sup> Guru-guru yang mengajar di madrasah datang dari luar kawasan pada waktu itu bergantung kepada jemputan dan kelapangan masa yang ada. Situasi pada waktu itu boleh dikatakan seperti perumpamaan ‘hidup segan mati tak mahu’ telah berlarutan sehingga hampir lima puluh tahun. Kampung Lalang yang sebelum ini terkenal sebagai sebuah kampung yang dipenuhi dengan sejarah sebagai pusat pengajian pendidikan Islam di kalangan masyarakat Perak, tidak lagi dikenali sebagaimana sebelum ini.<sup>216</sup> Segala aktiviti yang dilakukan oleh madrasah pada ketika itu tertakluk di bawah jawatankuasa tadbir yang menguruskan hal-hal berkaitan dengan sekolah. Jawatankuasa ini dikenali sebagai Lembaga Pengurusan Sekolah (LPS) bertanggungjawab meneruskan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang untuk dilaksanakan di madrasah ini.

Oleh kerana madrasah ini pernah terkenal sebagai pusat pendidikan Islam antara yang terawal di Perak, keadaan suram ini telah mendapat perhatian dari Pejabat Mufti Perak.<sup>217</sup> Pihak pejabat mufti berusaha untuk mengembalikan semula fungsi madrasah yang pernah menjadi pusat pendidikan unggul di negeri ini sebelum ini. Antara usaha yang dilakukan ialah menjadikan sekolah ini sebagai pusat pentauliahan guru-guru takmir yang akan berkhidmat di seluruh negeri Perak setelah mereka ditauliahkan.<sup>218</sup> Dengan adanya inisiatif awal yang dilakukan oleh pihak berkenaan, keadaan madrasah ini mula

---

<sup>213</sup>*Ibid.*

<sup>214</sup> Temubual bersama Pengetua SMADI, op.cit.

<sup>215</sup>*Ibid.*

<sup>216</sup>*Ibid.*

<sup>217</sup>*Ibid.*

<sup>218</sup>*Ibid.*

mendapat perhatian dan semakin terbelah. Dalam Kertas Kerja Cadangan Pembinaan Bangunan Baru Kompleks SMADI ada menyatakan bahawa SMADI pernah didaftarkan sebagai sekolah agama rakyat sejak dari tahun 1976 lagi tetapi tidak dapat beroperasi sepenuhnya.<sup>219</sup> Ketika itu keadaan madrasah tersangat dhaif dan serba kekurangan dari pelbagai aspek. Madrasah itu hanya mempunyai sebuah bangunan yang didirikan di atas sebidang tanah yang telah diwakafkan oleh beberapa penduduk kampung atas inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Sheikh Junid sebelum ini.<sup>220</sup> Bangunan dua tingkat telah dibina hasil daripada peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perdana Menteri untuk dijadikan sekolah. Di bangunan tersebut menempatkan bilik kelas, pejabat operasi, asrama, tandas dan surau<sup>221</sup> dengan prasarana yang sangat dhaif dan membahayakan seperti atap bocor, lantai simen pecah, pendawaian elektrik yang tidak sempurna dan tandas yang tidak mencukupi.<sup>222</sup>

Bermula dari inisiatif itu, cadangan untuk menghidupkan semula Madrasah Ad-Diniah mendapat perhatian pengerusi lembaga sekolah iaitu Ustaz Abdullah Afifi merangkap guru di madrasah ini. Ustaz Abdullah Afifi sebelum ini telah berkhidmat sebagai Nazir Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia. Selepas pencen beliau telah meyumbangkan khidmatnya di madrasah tersebut kerana minatnya yang amat mendalam untuk mengajar pendidikan agama Islam. Dengan pengalaman yang beliau ada sewaktu menjadi Nazir Sekolah, beliau telah membangunkan kembali madrasah yang sudah sekian lama menjadi sekolah yang tidak aktif. Cadangan dan idea beliau telah mendapat sokongan daripada penduduk kampung dan ini menjadikan usaha tersebut menjadi lebih

---

<sup>219</sup>Kertas Kerja Cadangan Pembinaan Bangunan Asrama Kompleks SMADI (t.t)

<sup>220</sup>*Ibid*

<sup>221</sup>*Ibid.*

<sup>222</sup>Kertas Kerja Cadangan Pembinaan Bangunan Asrama (t.t), op.cit

mudah.<sup>223</sup> Kesediaan penduduk Kampung Lalang meneruskan agenda lama di mana Kampung Lalang sebelum ini pernah terkenal dengan pendidikan sekolah pondok dan menjadi salah satu pusat perjuangan menentang penjajah telah menjadikan mereka turut sama berganding bahu dalam pembangunan semula sekolah.<sup>224</sup> Selain itu, permintaan terhadap sekolah agama mendapat perhatian utama masyarakat sehingga menyebabkan beberapa sekolah agama yang terkenal di Perak seperti Sekolah Izzuddin Shah dan Sekolah Raja Perempuan Ta'ayah dan Sekolah Idrisiah Bukit Chandan tidak mampu menampung permintaan berganda masyarakat untuk belajar di sekolah agama.<sup>225</sup>

Dalam keadaan serba kekurangan dan hanya mempunyai sebuah bangunan sahaja, madrasah ini memulakan operasi pengambilan pelajar baru. Pada tahun 1996, SMADI telah mengambil seramai sebelas orang pelajar awal iaitu dua orang pelajar perempuan dan sembilan orang pelajar lelaki. Kesemua pelajar tersebut terdiri daripada anak-anak penduduk kampung tersebut. Bahagian tingkat atas bangunan telah dijadikan sebagai kelas untuk proses pengajaran dan pembelajaran manakala di tingkat bawah dijadikan sebagai pejabat pentadbiran. Setahun selepas itu iaitu pada tahun 1997 terdapat lima belas orang guru yang mengajar di SMADI yang mana tujuh orang terdiri daripada lelaki dan lapan orang guru perempuan. Dalam keadaan serba kurangan, guru-guru yang mengajar di SMADI tetap dibayar gaji oleh Lembaga Jemaah Pengurusan sekolah sebanyak RM500 seorang atas permintaan mereka. Sumber-sumber yang digunakan untuk membayar gaji datang dari hasil kutipan yuran, sumbangan dari Baitulmal, bantuan

---

<sup>223</sup>*Ibid.*

<sup>224</sup>Kertas Kerja Cadangan Pembinaan Bangunan Asrama (t.t), op.cit

<sup>225</sup>*Ibid.*

perkapita mengikut bilangan ramai pelajar dari persekutuan, Jabatan Agama Negeri Perak (JAIP) dan wakaf-wakaf dari orang ramai<sup>226</sup>.

Sejak dari itu SMADI telah mula mengorak langkah dengan kemunculan semula dalam arena pendidikan Islam di Perak di bawah pentadbiran Ustaz Abdullah Afifi. Namun setelah hampir setahun SMADI beroperasi Ustaz Abdullah Afifi telah kembali ke rahmatullah pada tahun 1997. Kesan daripada itu SMADI bergelut untuk mencari seorang tokoh pengganti untuk meneruskan daya usaha yang telah dilakukan oleh Allahyarham Ustaz Abdullah Afifi.<sup>227</sup> Dalam tahun yang sama, pihak Lembaga Pengurusan Sekolah (LPS) meminta supaya salah seorang ahli jawatankuasa dipilih untuk menjadi pentadbir yang baru bagi menggantikan Allahyarham. Kemudian pihak LPS telah memilih Dr. Hj. Jurij bin Jalaludin untuk memimpin SMADI bagi mengembalikan fungsinya sebagai sebuah madrasah.<sup>228</sup>

Sejak dari situ Dr. Hj. Jurij bin Jalaludin telah mengambil tanggungjawab membangunkan SMADI dan menjadi pengetua di SMADI sehingga kini. Tugas yang berat ini telah beliau pikul sebagai amanah kepada penduduk kampung yang telah mewakafkan tanah untuk madrasah tersebut dan amanah dalam meneruskan legasi yang ditinggalkan oleh Allahyarham Ustaz Abdullah Afifi. Beliau mengambil tanggungjawab ini kerana kecintaan beliau dalam membangunkan pendidikan Islam dan mendidik masyarakat memahami Islam. Antara cabaran terbesar yang dihadapi oleh Dr Jurij dalam membangunkan madrasah ini ialah kekurangan sumber kewangan dalam merealisasikan

---

<sup>226</sup>Temubual bersama Pengetua SMADI, Op. cit

<sup>227</sup>*Ibid.*

<sup>228</sup>*Ibid.*

pembangunan madrasah tersebut. Sungguhpun begitu beliau bersama-sama ahli jawatankuasa terus berusaha untuk mencapai tujuan tersebut.

Dalam tahun 1997 bermulanya madrasah ini secara rasmi diberi nama sebagai Sekolah Menengah Agama Ad-Diniah Al-Islamiah (SMADI) bertaraf sebagai sebuah sekolah agama rakyat (SAR).<sup>229</sup> Madrasah SMADI mula berkembang walaupun agak perlahan. Seinggalah pada tahun 2000 Jabatan Agama Islam Perak (JAIP) telah mengeluarkan satu arahan supaya pihak pentadbir SMADI hanya mengambil pelajar perempuan sahaja menjadi penuntut di situ, manakala pelajar lelaki akan ditempatkan di sebuah lagi madrasah yang berdekatan iaitu Madrasah Yahyawiyah, Kampung Gunung Pondok, Padang Rengas.<sup>230</sup> Ini bersesuaian dengan kata-kata bekas guru wanita yang pernah berkhidmat di madrasah ini pada tahun 1943 iaitu Tan Sri Aishah Ghani.<sup>231</sup> Antara perjuangan beliau, perempuan tidak hanya layak menjadi isteri, menjaga anak dan menjadi penunggu rumah sehingga ke akhir hayat. Beliau menegaskan kaum wanita mesti melakukan perubahan dalam meningkatkan taraf pendidikan kerana dengan tahap pendidikan yang tinggi mampu membangunkan diri mereka dengan tahap kelayakan yang dimiliki.<sup>232</sup> Tindakan JAIP untuk menjadikan madrasah ini khusus untuk pelajar perempuan dilihat bertepatan dengan pendapat dan hasrat yang diperjuangkan oleh Tan Sri Aishah Ghani yang mempunyai pandangan yang jauh ke hadapan untuk membela kaum wanita.

---

<sup>229</sup>Majalah SMADI Edisi Kedua (2012), op.cit

<sup>230</sup>Temubual bersama Pengetua SMADI, op.cit

<sup>231</sup>Beliau berasal dari Hulu Langat, Selangor sebelum itu pernah melanjutkan pelajaran ke Diniah Puteri, Padang Panjang, Sumatera Barat, Indonesia pada tahun 1937 setelah menamatkan pendidikan awal di Sekolah Melayu Bukit Raya hingga darjah lima. Sekembalinya beliau ke tanah air dalam zaman penjajahan Jepun pada tahun 1943 terus beliau menjadi tenaga pengajar di Madrasah Ad-Diniah Padang Rengas

<sup>232</sup>*Ibid.*



SMADI terus dibangunkan atas usaha Dr. Jurij dan rakan-rakan jawatankuasa yang lain sehinggalah madrasah ini diserap menjadi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) secara rasminya pada tahun 2006.<sup>233</sup> Penubuhan madrasah SMADI ini adalah sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan agama Islam dan ia semakin berkembang. Sebuah bangunan baru yang telah didirikan pada tahun 1972 yang telah dirasmikan oleh Dato' Haji Muhammad Bin Nasir, JP Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu. Pada tahun 1997, madrasah ini dikenali sebagai Sekolah Menengah Agama Ad-Diniah Al-Islamiah yang ketika itu merupakan salah sebuah sekolah agama rakyat. Sekolah ini terus dibangunkan dan telah diserap menjadi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) secara rasminya pada Januari 2006. Pada tahun 2007 bangunan dua tingkat telah mula didirikan yang telah dijadikan sebagai bangunan kelas untuk para pelajar. Sehingga kini SMADI menempatkan 230 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar perempuan kesemuanya. Matlamat sekolah ini agar ia sentiasa dapat mengekalkan kecemerlangan akademik dan juga Azhariah<sup>234</sup> disamping membentuk peribadi dan sahsiah murid yang mulia.<sup>235</sup>

Perubahan SMADI dari SAR kepada SABK merupakan satu usaha murni kerajaan untuk membantu dan memperkasakan sekolah-sekolah agama di Malaysia. Perubahan ini adalah berkonsepkan semua sekolah perlu berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi membolehkan ia ditadbir selia oleh pihak kementerian. Walaupun berlaku peralihan SAR kepada SABK, pemilikan wakaf tanah dan bangunan hasil derma orang ramai dikekalkan. Kurikulum agama yang telah sedia ada di sekolah juga tidak mengalami sebarang perubahan malah segala kekurangan dari infrastruktur yang ada

---

<sup>233</sup>*Ibid.*

<sup>234</sup>Matapelajaran syahadah I'dadi dan syahadah Thanawi yang menggunakan kitab-kitab dalam bahasa Arab

<sup>235</sup>*Ibid.*

diperbaik dan ditambah baik untuk keselesaan dan kemudahan warga sekolah.<sup>236</sup> Antara tujuan KPM mengambil peranan mendaftarkan SAR kepada SABK ialah untuk mempertingkatkan kualiti pengurusan pentadbiran, mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, mempertingkatkan kualiti pengurusan sumber manusia dan mempertingkatkan kualiti prasarana dan kemudahan untuk memberi suasana yang selesa kepada murid dan guru untuk meningkatkan kecemerlangan sekolah.<sup>237</sup>

Dengan perubahan yang telah direalisasikan ini telah memberi kelebihan kepada SMADI dalam beberapa aspek iaitu kelebihan kepada sekolah, kelebihan kepada guru serta kakitangan dan yang paling penting kelebihan dan manfaat yang besar kepada murid-murid itu sendiri. Kelebihan kepada SMADI ialah ia mendapat bantuan dari KPM bagi melicinkan pentadbiran sekolah, pihak sekolah dapat menerima bantuan modal bagi menampung keperluan pembangunan fizikal sekolah, menerima bantuan insentif setelah Memorandum Persefahaman (MoU) ditandatangani antara pihak sekolah dengan KPM yang mewakili Kerajaan Malaysia, pihak sekolah boleh menerima guru-guru terlatih yang akan dibekalkan oleh pihak kementerian sekiranya guru yang sedia ada tidak mencukupi.<sup>238</sup>

Perubahan itu juga memberi manfaat kepada semua guru dan kakitangan SMADI yang telah lama berkhidmat di sana dalam keadaan sekolah dan pejabat yang serba kekurangan dan jawatan yang tidak terjamin. Dengan perubahan yang berlaku, mereka juga berpeluang diserapkan ke dalam perkhidmatan kerajaan sebagai penjawat awam dan dapat menikmati gaji dan elaun yang setaraf dengan kelayakan yang ada pada mereka.

---

<sup>236</sup>Buku Cenderamata 10 tahun SABK (2016)

<sup>237</sup>*Ibid.*

<sup>238</sup>*Ibid.*

Mereka berpeluang mendapat kenaikan pangkat, mendapat kemudahan kerajaan seperti kakitangan awam yang lain, mengikuti kursus ikhtisas dan melanjutkan pelajaran ke peringkat pendidikan yang lebih tinggi.<sup>239</sup>

Seterusnya perubahan SMADI juga memberi kelebihan dan manfaat yang besar kepada murid kerana mereka berpeluang mendapat pelbagai bantuan seperti bantuan pinjaman buku teks, bantuan perkapita, bantuan *one-off* dan sebagainya. Di samping itu murid-murid SMADI berpeluang bersaing dengan murid-murid yang belajar di sekolah aliran perdana dan tidak merasa tersisih dan rendah diri. Para murid di SMADI juga berpeluang untuk mengembangkan bakat dan daya kerativiti atau menjana idea melalui penyertaan dalam aktiviti atau program yang dianjurkan oleh KPM dan seterusnya berpeluang melanjutkan pelajaran ke sekolah-sekolah KPM yang terbaik, mendapat pendidikan yang lebih berkualiti dan pendedahan yang luas yang mampu menjana minda agar menjadi lebih kreatif dan kritis.<sup>240</sup>

Kesinambungan dengan perkembangan tersebut beserta usaha semua pihak termasuk dari pengetua SMADI Dr. Hj. Jurij bin Jalaludin, pihak KPM telah meluluskan pembinaan satu bangunan empat tingkat yang baru, dua blok bangunan satu tingkat dan satu blok bangunan dua tingkat sebagai tambahan kepada bangunan lama yang sedia ada. Bangunan baru yang menelan belanja keseluruhan hampir RM5 juta yang lengkap dengan segala infrastruktur dan peralatan dirancang untuk dibina untuk kemudahan warga SMADI menjalankan tugas dan memberi keselesaan kepada murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Di bangunan empat tingkat itu nanti akan ditempatkan bilik

---

<sup>239</sup>*Ibid.*

<sup>240</sup>*Ibid.*

perpustakaan, bilik gerakan, bilik guru lelaki, bilik guru perempuan, bilik fail dokumentasi, bilik makmal sains, bengkel kemahiran hidup dan dewan sekolah. Bagi bangunan dua tingkat pula akan ditempatkan kelas-kelas pembelajaran. Manakala blok bangunan satu tingkat akan ditempatkan kantin sekolah dan dewan makan asrama.<sup>241</sup>

Dengan perkembangan ini pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa semua pihak khususnya pentadbir sekolah mahupun masyarakat tempatan amnya bersungguh-sungguh dalam membangunkan semula SMADI agar dapat merealisasikan kembali tujuan utama pengasasnya Sheikh Junid Tola mengasaskan kelas pengajian di situ untuk mendidik masyarakat supaya celik ilmu dan dapat membangunkan prospek diri agar berjaya dalam hidup. Dengan perancangan yang teliti dan bantuan dari pelbagai pihak berwajib, kesinambungan warisan pengasasnya dahulu dapat diteruskan setelah sekian lama sekolah ini tidak beroperasi secara efisien.

### **3.4.Misi SMADI**

Semua sekolah yang ditubuhkan dalam negara ini mempunyai visi dan misinya yang tersendiri yang dijadikan sebagai pedoman untuk mencetuskan semangat warga sekolah untuk menjadi sebuah sekolah yang mempunyai wawasan dan halatuju untuk mencapai tahap kecemerlangan. SMADI juga mempunyai Misi dan visi yang menjadi pegangan oleh setiap warganya untuk menjadikan sebuah pusat pendidikan yang terbaik yang membolehkan pelajar-pelajarnya mencapai kecemerlangan dunia dan akhirat. Misi dan visi SMADI ialah:

---

<sup>241</sup>Kertas Kerja Cadangan Pembinaan Bangunan Asrama (t.t), op.cit.

“Sekolah Menengah Agama Ad-Diniah Al-Islamiah sebagai pusat kecemerlangan pendidikan yang berjaya mencapai keberkesanan dan kesempurnaan untuk semua bidang dan aktiviti serta melahirkan insan yang beriman, berilmu dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wa Ta’ala.”<sup>242</sup>

### **3.5.Visi SMADI**

“1.Melahirkan generasi pelajar yang berhemah tinggi dan berkualiti dalam bidang kurikulum dan kokurikulum.

2. Mampu bertindak fleksibel dalam mencabar halangan.

3. Menghayati dan mengaplikasikan falsafah pendidikan kebangsaan dan falsafah sekolah.

4. Menjana kewarganegaraan yang mempunyai jati diri dan ketrampilan”<sup>243</sup>.

### **3.6.Objektif dan Slogan SMADI**

“Untuk melahirkan jati diri pelajar yang berilmu, beriman dan bertakwa, bertanggungjawab serta cemerlang untuk mengamalkan cara hidup Islam di samping mampu memberi sumbangan bermanfaat kepada keluarga, masyarakat, agama dan negara.”

Slogannya ialah:

“Berilmu, Beriman, Bertakwa”

---

<sup>242</sup>Majalah SMADI Edisi Kedua, (2012). op.cit

<sup>243</sup> Majalah SMADI Edisi Kedua (2012), op.cit, hal 12

“Slogan ini membawa maksud dasar sekolah ini meletakkan Islam sebagai pedoman utama dalam melaksanakan segala aktiviti merangkumi kurikulum dan kokurikulumnya demi mencapai kecemerlangan hidup semua warga SMADI di dunia dan akhirat. Wawasan SMADI ialah untuk melahirkan generasi pelajar yang mantap dengan tiga dimensi utamanya:

1. Berilmu: Bermaksud setiap pelajar mestilah mempunyai pengetahuan yang secukupnya dalam aspek kehidupan duniawi dan ukhrawi.
2. Beramal: bermaksud setiap pelajar akan mempraktikkan segala ilmu dalam kehidupan seharian untuk mencapai kebahagiaan hidup.
3. Bertakwa: Bermaksud pelajar-pelajar akan berhati-hati dan cermat dalam semua aktiviti hidup semata-mata kerana Allah Subhanahu Wa Ta'ala<sup>244</sup>.”

Apabila meneliti visi, misi dan slogan sekolah, pengkaji berpandangan pendidikan yang diajar di SMADI menyeimbangkan kehidupan duniawi dan ukhrawi berpandukan kitab Al-Quran dan Hadis Rasulullah S.A.W yang menjadi teras kepada ajaran pendidikan Islam secara komprehensif. Gabungan antara teori dan praktikal yang diterapkan kepada para pelajar memudahkan mereka memahami serta menghayati ajaran Islam itu sendiri. SMADI juga menyediakan para pelajarnya untuk kehidupan di dunia dan tidak mengesampingkan kehidupan akhirat yang kekal abadi. Keseimbangan inilah yang menjadi tunjang kekuatan sekolah yang kini berusia hampir sembilan puluh tahun untuk terus cemerlang dalam mengharungi pelbagai ilmu-ilmu Islam dengan menggunakan kaedah-kaedah terkini dan terus megah bertapak sehingga ke hari ini.

---

<sup>244</sup>Majalah SMADI Edisi Ke Dua 2012. Op. cit

### **3.7. Piagam Pelanggan SMADI**

Setiap sekolah mempunyai piagamnya yang tersendiri. Piagam SMADI merupakan satu landasan yang harus dipegang dan dihormati oleh setiap warga SMADI sama ada para pelajar dan guru serta kakitangan yang berkhidmat di sekolah ini. Ia merupakan satu tanggungjawab yang wajar diketahui oleh setiap warga. Piagam sekolah menyatakan seperti berikut:

“Kami guru-guru dan kakitangan SMADI dengan ini berjanji: Mengurus dan memastikan pelajar mendapat pendidikan dengan sempurna dan berkualiti. Mempertingkatkan kualiti disiplin dan keselamatan pelajar. Memastikan keselesaan dan kebajikan pelajar dalam aspek kurikulum dan kokurikulum. Berusaha menjadikan Sekolah Menengah Agama Ad-Diniah Al-Islamiah gemilang dalam kurikulum dan kokurikulum. Membantu dan memberikan kerjasama kepada ibubapa dan tetamu dengan seadilnya.”<sup>245</sup>

### **3.8. Ikrar Pelajar SMADI**

“ Kami murid-murid SMA Ad-Diniah Al-Islamiah akan sentiasa mengamalkan Prinsip-Prinsip Rukun Negara, dan berjanji pada setiap masa akan datang menghormati guru-guru, ibubapa dan rakan-rakan, mematuhi peraturan-peraturan sekolah, mengamalkan budaya ilmu, bergiat cergas dalam pelajaran dan sukan, menjaga nama baik sekolah dan sentiasa berdisiplin, sesuai dengan objektif sekolah dan lunas-lunas agama.”<sup>246</sup>

### **3.9. Lirik Lagu Rasmi SMADI**

SMA Ad-Diniah

Menuju destinasi

---

<sup>245</sup>Majalah SMADI Edisi Kedua (2012), op.cit, hal 13.

<sup>246</sup>*Ibid.*

Membentuk insan yang bestari

Bersama tekad yang murni

SMA Ad-Diniah

Di sini kami belajar

Beriman, Berilmu, Bertaqwa

Jadi insan sempurna

SMA Ad-Diniah

Membentuk jati diri

Bersama wawasan yang suci

Duniawi dan ukhrawi

SMA Ad-Diniah

Menjunjung panji Agama

Ilmu dijulang akhlak diutama

Jadi insan sempurna

SMA Ad-Diniah

Ilmu teras utama

Jasa pendidik tidak dilupa

Menuju ke puncak jaya

Lagu rasmi sekolah SMADI dicipta untuk memberi peringatan kepada setiap pelajar agar sentiasa mengingati peranan sekolah, peranan guru serta peranan pelajar di sekolah dalam memberikan pendidikan kepada mereka. Peranan ini bukan sekadar untuk menunaikan tanggungjawab dan kewajipan semata-mata, malah lebih daripada itu untuk mengangkat martabat orang berilmu yang akan memberi manfaat kepada agama dan masyarakat untuk kecemerlangan hidup di dunia dan akhirat.<sup>247</sup> Secara tidak langsung

---

<sup>247</sup>Temu bual bersama En. Mohamad Helmi bin Ibrahim, Guru Pendidikan Islam SMADI di Bilik Dokumentasi pada 8 April 2016 (Jumaat), 10.30 pagi.



dengan terciptanya lagu rasmi ini menjadikan SMADI bersedia menjadi saingan kepada sekolah-sekolah lain dalam pelbagai bidang terutama kurikulum dan kokurikulum.<sup>248</sup>

### **3.10.Pentadbiran SMADI**

Ketika awal penubuhannya oleh Sheikh Junid Tola, madrasah ini ditadbir sepenuhnya oleh beliau sebagai tenaga pengajar. Setelah wujudnya bangunan baru yang didirikan di atas tanah yang diwakafkan oleh para pewakaf, pengurusan madrasah telah ditadbir oleh Lembaga Jemaah Pengurusan Sekolah yang mentadbir madrasah tersebut. Setelah SMADI dibangunkan semula dengan nafas baru apabila diserap menjadi sekolah SABK di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia KPM, struktur pentadbirannya adalah seragam dengan sekolah-sekolah lain yang terletak di bawah KPM.

Sehingga hari ini SMADI masih lagi mengekalkan Lembaga Pengurusan Sekolah (LPS) seperti yang telah diperkenalkan sebelum ini. Pengerusi LPS sekarang ialah Toh Maharaja Indera Dato' Haji Khairuddin bin Haji Arsyad iaitu bekas pengarah Jabatan Pendidikan Perak. Beliau adalah anak jati Padang Rengas. Beliau juga menjawat jawatan sebagai Pengerusi Yayasan SMADI. Pengetua SMADI iaitu Dr Jurij bin Jalaluddin yang telah mengambil alih pentadbiran dari Ustaz Abdullah Afifi sejak tahun 1997 sehingga kini dan di bantu oleh Penolong Kanan Pentadbiran, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan Penolong Kanan KoKurikulum. Sekarang ini terdapat sebanyak dua puluh sembilan orang bilangan guru yang mengajar di SMADI termasuk pengetua dan penolong-penolong kanan. Dari jumlah tersebut, terdapat empat orang guru Azhariah atau sebelum

---

<sup>248</sup>*ibid.*

ini dikenali sebagai Thanawi & I'dadi. Kesemua empat orang guru aliran Azhariah<sup>249</sup> ini dibayar gaji mereka oleh Lembaga Pengurusan Sekolah (LPS). Dua puluh lima orang lagi adalah guru-guru dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

### 3.11. Pembangunan Infrastruktur SMADI

Latar belakang pendidikan pengetua SMADI Dr Jurij yang menjurus dalam bidang pentadbiran dan psikologi membolehkan beliau mentadbir madrasah dengan lebih teratur dan efisien. Segala bakat kepimpinan dan pengalaman yang ada pada beliau digunakan sepenuhnya dalam membangunkan semula SMADI. Perkara yang awal beliau lakukan setelah dilantik menjadi pengetua SMADI ialah melengkapkan kemudahan infrastruktur madrasah yang telah daif dan usang agar sesuai dan selamat digunakan di samping dapat memberikan keselesaan kepada para pelajar untuk belajar dan para guru dan pekerja-pekerja untuk berkhidmat di SMADI.

Sekolah SMADI telah didaftarkan sebagai sebuah sekolah agama rakyat sejak tahun 1976 tetapi ia tidak beroperasi sepenuhnya.<sup>250</sup> Pada ketika itu permintaan terhadap pendidikan sekolah agama mendapat perhatian utama masyarakat. Sekolah-sekolah agama terkenal yang telah wujud lebih awal di negeri Perak seperti Sekolah Izzudin Shah, Ipoh, Sekolah Raja Perempuan Taayah, Ipoh dan Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar tidak dapat menampung permintaan yang banyak dari masyarakat, oleh itu SMADI mengambil peranan tersebut dan mula mengorak langkah ke arah itu.<sup>251</sup>

---

<sup>249</sup>Guru Azhariah (Thanawi) ialah guru yang mengajar matapelajaran dalam Bahasa Arab menggunakan kitab-kitab Arab seperti nahu, sorof, mutholaah, insya, mustalahul hadis dan sebagainya.

<sup>250</sup>Kertas Kerja Cadangan Pembinaan Bangunan Asrama SMADI (t.t), op.cit

<sup>251</sup>*Ibid.*

Bangunan madrasah yang lama yang menempatkan kelas pelajar, pejabat pentadbiran serta asrama telah diperbaiki. Beliau turut mencari dana untuk mendirikan bangunan tambahan yang baru bagi menampung kemasukan pelajar yang semakin bertambah, memberi keselesaan kepada para pelajar, guru dan pekerja madrasah serta memenuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang bertaraf sekolah menengah.

Atas daya usaha pengetua SMADI dengan sokongan ahli lembaga pengurusan sekolah, sebuah bangunan baru setinggi empat tingkat dapat dibina. Bangunan baru itu menempatkan satu bilik perpustakaan, satu bilik gerakan, satu bilik guru perempuan, satu bilik guru lelaki, satu bilik fail dokumentasi, satu makmal sains, satu bengkel kemahiran hidup serta dewan sekolah. Peruntukan membina bangunan baru dan segala kelengkapan infrastruktur, peralatan pengajaran dan pembelajaran telah dikemukakan kepada pihak KPM sebanyak hampir RM5 juta. Dengan kegigihan usaha Dr Jurij, SMADI terus dibangunkan dan telah diserap secara rasminya menjadi sebuah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) pada tahun 2006. Pada tahun 2007 sebuah lagi bangunan dua tingkat didirikan untuk dijadikan bangunan kelas untuk menempatkan para pelajar.<sup>252</sup>

Sebelum beliau menjawat jawatan pengetua SMADI, madrasah ini menerima peruntukan dari kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1972 untuk membina sebuah bangunan baru. Apabila bangunan telah siap dibina, ia telah dirasmikan oleh Dato' Haji Muhammad bin Nasir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, sewaktu Tun Abdul Razak bin Hussin menjadi Perdana Menteri Malaysia. Pihak pengurusan madrasah tidak menerima pembangunan selain dari apa yang telah diberi yang tidak sebagaimana telah dikecapi oleh institusi-institusi pendidikan agama yang lain di Perak.

---

<sup>252</sup>Majalah SMADI, Edisi Pertama (2011), hal 28.

Di samping berhadapan dengan masalah pembangunan, madrasah turut dihipit dengan kekurangan pelajar yang datang mendaftar di madrasah dan juga kekurangan guru tetap untuk mengajar. Pada hemat pengkaji masalah ini mungkin disebabkan keadaan madrasah yang daif, kurang kemudahan infrastruktur yang lengkap untuk pengajaran dan pembelajaran seperti sekolah-sekolah menengah lain di pekan Padang Rengas yang mempunyai kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang lebih moden dan selesa dan situasi yang tidak meyakinkan para ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka belajar di situ. Bagi guru-guru pula mungkin juga faktor kurang pengetahuan dan kemahiran dalam ilmu pendidikan, faktor gaji yang sedikit menyebabkan tenaga pengajar terpaksa melakukan beberapa kerja sampingan untuk menampung kehidupan keluarga menyebabkan tumpuan untuk mengajar terjejas.

### **3.12. Pengambilan pelajar**

Pada tahun ini (2016) terdapat seramai dua ratus lima puluh tujuh orang murid yang belajar di SMADI (seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1). Dari jumlah tersebut, seramai dua puluh orang daripada mereka adalah pelajar lelaki yang memasuki kelas tahfiz yang baru diperkenalkan di SMADI. (Perbincangan lanjut tentang pengajian tahfiz akan diperluaskan lagi di bawah subtopik Kelas Tahfiz 3.14). Kesemua penuntut SMADI menetap di asrama yang telah disediakan oleh pihak sekolah. Di antara penuntut-penuntut yang belajar di sekolah ini termasuklah yang berasal dari Kuala Kangsar, Ipoh, Grik, Taiping, Lenggong, Teluk Intan, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan juga di tempat-tempat yang lain sama ada dari daerah lain di Perak mahupun yang datang dari luar Perak.<sup>253</sup> Menurut pengamatan pengkaji senario ini menunjukkan kemunculan semula

---

<sup>253</sup>Temubual Bersama Pengetua SMADI, op.cit.

SMADI sebagai salah sebuah sekolah agama yang kembali mendapat tempat dalam masyarakat sebagaimana pada zaman awal penubuhannya.

Jadual 1: Bilangan pelajar SMADI yang berdaftar mengikut tahun

| <b>BIL</b> | <b>TAHUN ENROLMEN</b>        | <b>BILANGAN PELAJAR</b> |
|------------|------------------------------|-------------------------|
| 1          | Pelajar berdaftar tahun 2009 | 210 orang               |
| 2          | Pelajar berdaftar tahun 2011 | 230 orang               |
| 3          | Pelajar berdaftar tahun 2012 | 230 orang               |
| 4          | Pelajar berdaftar tahun 2013 | 237 orang               |
| 5          | Pelajar berdaftar tahun 2014 | 262 orang               |
| 6          | Pelajar berdaftar tahun 2015 | 248 orang               |
| 7          | Pelajar berdaftar tahun 2016 | 257 orang               |

Sumber dari dokumen yang diperolehi dari Pejabat SMADI.

Berdasarkan Jadual 1 di atas, pertambahan bilangan yang mendaftar di SMADI telah menunjukkan peningkatan pada setiap tahun setelah sekolah dinaik taraf menjadi SABK.

Jadual 2 : Jumlah murid pada tahun 2009 mengikut pecahan kelas

| BIL | ENROLMEN          | LELAKI | PEREMPUAN | JUMLAH |
|-----|-------------------|--------|-----------|--------|
| 1   | Peralihan (Idadi) | -      | -         | -      |
| 2   | Tingkatan 1       | -      | 71        | 71     |
| 3   | Tingkatan 2       | -      | 51        | 51     |
| 4   | Tingkatan 3       | -      | 41        | 41     |
| 5   | Tingkatan 4       | -      | 34        | 34     |
| 6   | Tingkatan 5       | -      | 13        | 13     |
|     | Jumlah Murid      | -      | 210       | 210    |

Sumber dari dokumen yang diperolehi dari Pejabat SMADI

Jadual 2 menunjukkan bahawa, pada tahun 2009, SMADI boleh menyediakan kelas dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bermula dari kelas tingkatan 1 hingga ke tingkatan 5.

### **3.13.Mata pelajaran yang diajar di SMADI selepas dinaik taraf menjadi SABK**

Seperti sekolah-sekolah yang lain, di SMADI juga terdapat menengah rendah dan menengah atas. Menengah rendah terdiri dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga manakala menengah atas adalah tingkatan empat dan lima.

Mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh murid tingkatan satu hingga tingkatan tiga terdiri dari Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Geografi, Bahasa Arab,

Pendidikan Islam, Matematik, Sains dan Kemahiran Hidup. Bagi menengah atas pula mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh murid ialah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik, Sains, Bahasa Arab Tinggi, Ekonomi Asas, Tasawwur Islam, Pendidikan Al-Quran dan Sunnah dan Pendidikan Syariah Islamiah.<sup>254</sup> Bagi kelas Idadi<sup>255</sup> (menengah bawah) terdapat mata pelajaran yang khas yang perlu dipelajari oleh para pelajar iaitu Mutola'ah, Nahu, Sorof, Tafsir, Hadith, Sirah dan Fiqh. Bagi kelas Thanawi (menengah atas) pula mata pelajaran yang perlu dipelajari ialah Mutola'ah/Insyak, Nahu dan Sorof, Balaghah, Tafsir, Hadith dan Tauhid.<sup>256</sup>

SMADI mengorak langkah lagi dengan mewujudkan kelas tingkatan enam syariah yang dikenali sebagai Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) telah bermula pada tahun 2012.<sup>257</sup> Terdapat seramai dua puluh satu orang murid yang belajar dalam kelas STAM. Antara cabaran yang perlu dihadapi dalam mewujudkan kelas STAM di SMADI ialah kelayakan dan jumlah guru yang mencukupi untuk mengajar murid-murid ini. Mata pelajaran yang perlu dipelajari oleh murid-murid STAM ialah Al-Quran dan Tajwid, Fiqh, Tauhid dan Mantiq, Tafsir dan Ulum al-Quran, Hadis dan Mustalahul Hadith, Nahu dan Sorof, Insyah dan Mutolaah, Adab dan Nusus, 'Arudh dan Qafiah dan Balaghah. Kesemua mata pelajaran ini mesti dipelajari oleh pelajar-pelajar yang berada di tingkatan enam syariah di SMADI ini.<sup>258</sup>

---

<sup>254</sup>Profil Sekolah SMADI (t.t).

<sup>255</sup>Kelas persediaan/Peralihan bagi pelajar yang baru mendaftar ke tingkatan satu, Pelajar perlu berada di kelas Idadi selama setahun sebelum boleh masuk ke tingkatan satu.

<sup>256</sup>Majalah SMADI Edisi Pertama (2011), hal 35.

<sup>257</sup>Temuramah dengan Penolong Kanan SMADI Ustazah Wahida Noor binti Arshad, pada hari Khamis 19 Mei 2016 di Pejabat SMADI.

<sup>258</sup>Majalah SMADI Edisi Ketiga (2013), hal 25.

Jadual 3 : Bilangan murid yang mendaftar kelas STAM bermula dari tahun 2012<sup>259</sup>

| BIL | MURID STAM TAHUN | LELAKI | PEREMPUAN | JUMLAH MURID |
|-----|------------------|--------|-----------|--------------|
| 1   | 2012             | -      | 21 orang  | 21 orang     |
| 2   | 2013             | -      | 20 orang  | 20 orang     |
| 3   | 2014             | -      | 12 orang  | 12 orang     |
| 4   | 2015             | -      | 19 orang  | 19 orang     |
| 5   | 2016             | 20     | -         | 20 orang     |

Sejak kelas STAM mula diwujudkan, SMADI hanya menerima pelajar perempuan bagi sesi pengajian yang bermula pada tahun 2012. Pada tahun 2016, seramai 20 orang pelajar lelaki mula diterima masuk untuk belajar STAM di SMADI.

### 3.14. Kelas Tahfiz

SMADI terus meluaskan program untuk para pelajarnya dengan mengadakan Kelas Tahfiz al-Quran. Program tahfiz telah bermula pada tahun 2012. Oleh kerana pihak pentadbir dan guru-guru di SMADI masih belum mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam menjalankan program tahfiz di sekolah sebelum ini, mereka berusaha meneruskan usaha tersebut untuk merealisasikan dalam memulakan program itu di sekolah. Dengan kerjasama yang telah terjalin antara SMADI dengan Madrasah Diniyyah Puteri, Padang

<sup>259</sup>Temuramah dengan Penolong Kanan SMADI.op.cit



Panjang, Sumatera Barat, Indonesia sejak dari dahulu lagi menjadikan usaha ini menampakkan hasil yang positif.<sup>260</sup>

Perhubungan di antara SMADI dengan Diniyyah Puteri, Padang Panjang, Sumatera Barat, telah wujud sejak dari awal penubuhan SMADI lagi iaitu dalam tahun 1930-an.<sup>261</sup> Hubungan ini mula terjalin dari pengasasnya yang berasal dari Sumatera dan salah seorang guru wanita yang pernah berkhidmat di SMADI pada tahun 1943 iaitu Tan Sri datin Paduka Dr Aishah Ghani. Beliau pernah melanjutkan pelajaran ke Diniyyah Puteri, pada tahun 1935. Setelah beliau menamatkan pelajaran di sana, beliau pulang ke tanahair dan berkhidmat sebagai guru di SMADI.<sup>262</sup> Usaha pentadbir SMADI dalam mempertautkan kembali hubungan antara dua sekolah melalui program ini memberi manfaat kepada banyak pihak amnya dan kepada para pelajar tahfiz khususnya.

Menurut Pengetua Diniyyah Puteri, hubungan di antara dua sekolah ini telah lama terputus disebabkan pelbagai hal yang tidak dapat dielakkan. Namun hubungan kerjasama ini telah kembali pulih dengan adanya program tahfiz yang mula diperkenalkan di SMADI.<sup>263</sup> Delegasi yang terdiri dari para pendidik SMADI telah mengadakan lawatan ke Diniyyah Puteri, Padang Panjang pada tahun 2011 dan telah berjaya memeterai satu *Memorandum of Understanding* (MoU) di antara dua sekolah ini.<sup>264</sup> Antara objektif daripada MoU ini ialah supaya kedua-dua sekolah dapat meneruskan kerjasama dalam

---

<sup>260</sup>Dokumen *Program Tahfiz Al-Quran SMADI*, hal 42

<sup>261</sup>*Ibid.* hal 43.

<sup>262</sup>Majalah SMADI Edisi Kedua (2012), op.cit

<sup>263</sup>Dokumen Program Tahfiz Al-Quran SMADI, op.cit

<sup>264</sup>*Ibid.*

bidang pendidikan serta dapat meluaskan lagi kerjasama termasuk bidang-bidang yang lain.<sup>265</sup>

Hasil dari lawatan yang telah dilaksanakan itu, pihak SMADI telah menganjurkan satu program tahfiz yang dinamakan sebagai ‘Program Tahfiz Camp’ sewaktu cuti persekolahan pada 25 November hingga 18 Disember 2012. Program yang dianjurkan oleh SMADI telah mendapat bantuan dan sokongan daripada delegasi pentadbir dan guru-guru yang telah membuat kunjungan balas dari Diniyyah Puteri, Padang Panjang ke SMADI dengan kerjasama Badan Kebajikan Guru Anak Padang Rengas (BKGAPR). Program yang dijalankan selama dua puluh satu hari tersebut telah berjaya menerima seramai lapan puluh orang pelajar dari seluruh negeri Perak yang terdiri dari pelajar sekolah rendah dan menengah<sup>266</sup>.

Beberapa orang guru tahfiz dari Diniyyah Puteri telah menjadi tenaga pengajar dan pembimbing kepada peserta tahfiz yang telah mendaftar di Tahfiz Camp tersebut. Tenaga pengajar itu terdiri dari Ustaz Idris Al-Hafiz, Roni Fatihan Al-Hafiz, Endang Kusmita, Ustazah Rahayu Susanti, Mulya Sari, Fadillah dan Syafrialdi. Tenaga pengajar ini diketuai oleh Ustazah Ibu Fauziah Fauzan<sup>267</sup>. Pasukan ini dinamakan sebagai ‘Tim Diniyyah Tahfizul Quran’ (DTQ).<sup>268</sup>

---

<sup>265</sup> *Ibid.*

<sup>266</sup> *Ibid.*

<sup>267</sup> *Ibid.*

<sup>268</sup> *Ibid.*

Pada peringkat permulaan perancangan pihak urusetia menetapkan seramai lima puluh orang peserta sahaja yang akan diambil untuk menyertai perogram ini. Akan tetapi ternyata program yang pertama kali dianjurkan oleh SMADI ini telah berjaya menarik seramai lapan puluh orang peserta iaitu melebihi sasaran peserta yang telah ditetapkan. Di antara pengisian program ini melibatkan latihan menghafaz Al-Quran.<sup>269</sup> Menurut Roni Fatihan iaitu salah seorang guru tahfiz, di akhir latihan menghafaz ini, beberapa orang peserta berjaya menghafaz beberapa juzu' Al-Quran. Mereka yang telah berjaya menghafaz lima juzu' al-Quran ialah adik Nur Alisa Husna dan adik Nurain, manakala yang berjaya menghafaz empat juzuk' ialah adik Muhammad Anuar dan adik Aisyah binti Zaidul Khisam.<sup>270</sup>

Dengan kejayaan penganjuran kali pertama program ini, Program Tahfiz Camp telah diteruskan lagi pada tahun berikutnya. Dengan tema program kali ini iaitu "Membina Generasi Cemerlang Berperibadi Seimbang," pihak urusetia SMADI telah membuat persediaan yang lebih teratur dan menetapkan pengambilan peserta untuk program ini seramai lapan puluh orang. Program ini berlangsung bermula pada 23 November hingga 22 Disember 2013.<sup>271</sup> Sekolah Diniyyah Puteri, Sumatera telah menghantar seramai enam orang guru untuk menjadi pembimbing kepada para peserta tahfiz yang menyertai program ini. Mereka diketuai oleh Uztazah Fauziah Fauzan sebagai ketua rombongan, H. Yendri Junaidi, Roni Patihan Al-Hafiz, Syafrialdi, Ustazah Rahayu Susanti, Mulya Sari dan Fadillah. Dalam program kali ini beberapa orang peserta telah berjaya menghafal Al-Quran sebanyak lima juzu'.<sup>272</sup>

---

<sup>269</sup>*Ibid.* hal 45

<sup>270</sup>*Ibid.*

<sup>271</sup>*Ibid.*

<sup>272</sup>*Ibid.*

Program tahfiz pada 2013 yang dianjurkan oleh pihak SMADI dengan kerjasama dari guru-guru tahfiz dari Diniyyah Puteri telah berjaya dilaksanakan dengan lebih terancang dan teratur. Antara tujuan SMADI mengambil tindakan proaktif dalam melaksanakan program ini ialah kerana :

1. Menjadikan Al-Quran sebagai satu pengisian ilmu yang asas dan utama.
2. Membudayakan penghayatan Al-Quran dalam kehidupan seharian melalui hafazan, pemahaman bacaan Al-Quran, penguasaan bahasa Arab dan pengisian pendidikan Islam.
3. Mementingkan perkembangan sahsiah generasi Al-Quran.
4. Mencernakan ciri-ciri insan berkualiti dalam aspek ilmu ukhrawi.<sup>273</sup>

#### **3.14.1. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Kelas Tahfiz**

Menghafal Al-Quran bukan merupakan sesuatu yang mudah dan tidak semua orang mampu untuk melakukannya dengan baik. Selain bahasa Arab dalam al-Quran merupakan bahasa yang agak asing di kalangan orang Melayu, kemampuan setiap individu dalam menghafalnya juga berbeza.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran serta teknik hafazan merupakan satu mekanisme untuk mencapai matlamatnya. Selibhnya datang daripada minat, kesungguhan dan usaha pelajar itu sendiri. Pada peringkat awal para pelajar dikumpulkan mengikut tahap penguasaan bacaan dan penekanan diberikan dari sudut kelancaran dan kefasihan bacaan. Seterusnya tumpuan diberikan terhadap ilmu tajwid dan penguasaan hafazan.<sup>274</sup> Setiap hari sasaran pencapaian direkodkan. Perkara ini dilakukan dengan cara yang lebih berhikmah dan berhemah mengikut kerelaan pelajar tanpa sebarang paksaan.

---

<sup>273</sup>*Ibid.*

<sup>274</sup>*Ibid.*

Hal ini amat dititikberatkan kerana dalam menghafaz Al-Quran perlu ada jiwa yang tenang dalam setiap individu agar mereka dapat menjiwai dan mencintai Al-Quran. Motivasi serta galakan sentiasa diberikan secara berterusan untuk meningkatkan tahap pelajar dalam meneruskan hafazan dan Al-Quran dapat dikuasai dengan mantap.

Memandangkan kemampuan antara pelajar itu tidak sama, sasaran yang ditetapkan antara seorang penghafaz dengan penghafaz yang lain juga tidak sama. Namun begitu, sasaran umum telah ditetapkan oleh pihak guru pembimbing yang perlu dicapai oleh para pelajar iaitu sebanyak empat juzu' dalam satu sesi pengajian.<sup>275</sup> Bagaimanapun setiap individu diberi kelonggaran mengikut kemampuan masing-masing supaya mereka tidak merasa tertekan dan tidak mengurangkan semangat dan minat mereka untuk menghafaz. Untuk peringkat yang selanjutnya, pelajar-pelajar yang berminat meneruskan dalam bidang hafazan setelah tamat 'Program Tahfiz Camp' akan berpeluang meneruskan pengajian mereka di Diniyyah Puteri, Padang Panjang, Sumatera untuk mencapai tahap sasaran seterusnya yang telah ditentukan oleh pihak sekolah.<sup>276</sup>

Program Tahfiz ini diteruskan lagi pada tahun 2014 dan masih menggunakan format yang sama seperti tahun-tahun sebelumnya. Program yang dijalankan masa cuti panjang persekolahan pada bulan November dan Disember 2014 terus mendapat sambutan dari pelajar-pelajar SMADI sendiri dan pelajar-pelajar dari sekolah lain.<sup>277</sup> Pihak pentadbir sekolah telah memikirkan secara proaktif mengenai program tahfiz yang telah dilaksanakan sejak 2012 lagi. Dengan pengalaman yang telah dilalui dan dengan bantuan dan kerjasama rakan-rakan dari sekolah Diniyyah Puteri dalam pelaksanaan

---

<sup>275</sup>*Ibid.*

<sup>276</sup>*Ibid.*

<sup>277</sup>*Ibid.*

program tahfiz ini sebelum ini, pihak SMADI telah membuat keputusan untuk mewujudkan Kelas Tahfiz sendiri dengan menyediakan satu kelas khas untuk kemudahan pelajar-pelajar tahfiz belajar<sup>278</sup> dan disediakan kemudahan asrama untuk mereka. Pada tahun 2015 SMADI telah mengambil seramai 15 orang pelajar lelaki untuk belajar di kelas tahfiz. Kesemua pelajar ini dikehendaki tinggal di asrama berasingan yang telah disediakan oleh pihak sekolah untuk kemudahan mereka. Mereka merupakan satu-satunya kumpulan pelajar lelaki pertama yang belajar di SMADI yang sebelum ini hanya menempatkan pelajar perempuan sejak ia dibangunkan semula pada tahun 1996. Pengambilan kedua pelajar tahfiz telah dibuat pada tahun 2016 seramai 20 orang. Pihak sekolah tidak menawarkan pelajar tahfiz yang ramai untuk menjaga keselesaan pelajar-pelajar sama ada di asrama atau di kelas memandangkan keadaan tempat adalah terhad.<sup>279</sup> Guru-guru tahfiz dari Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS) Kuala Kangsar dan dari Pusat Tahfiz Ipoh dijemput untuk membimbing pelajar tahfiz setiap minggu.<sup>280</sup>

Pada tahun 2015, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memaklumkan bahawa Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu DINI dan Kurikulum Tahfiz di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) wajib dilaksanakan. Sebanyak 23 buah sekolah SABK di negeri Perak telah dipilih untuk melaksanakan kelas tahfiz termasuklah SMADI.<sup>281</sup> Pemilihan SABK termasuk SMADI oleh KPM adalah berdasarkan kepada beberapa faktor antaranya:

---

<sup>278</sup>Temuramah dengan Pengetua SMADI, op.cit

<sup>279</sup>*Ibid.*

<sup>280</sup>*Ibid.*

<sup>281</sup>Surat Pemakluman Pelaksanaan dan Maklumat Asas Bagi Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT), Ruj: KPM.BPI.100.611/47 Jld 4(64) bertarikh 20 Januari 2015.

1. Kemampuan semasa KPM dalam menyediakan kemudahan-kemudahan bagi pelaksanaan.
2. Kecenderungan pelaksanaan kurikulum semasa di sekolah.
3. Kemampuan prasarana sekolah.
4. Pengekalan operasi sedia ada di sekolah yang berorientasikan permintaan masyarakat setempat.<sup>282</sup>

Pelaksanaan yang telah ditetapkan oleh KPM kepada SABK adalah berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, Gelombang 1 dalam perkara “Mengukuhkan laluan pendidikan agama” telah menyatakan bahawa ‘kementerian beriltizam menyediakan pendidikan agama berkualiti tinggi bagi melengkapkan murid dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang relevan untuk berjaya dalam pasaran kerja berasaskan nilai dan tasawur Islam yang kukuh. Kementerian akan memperkukuhkan pelaksanaan kurikulum kebangsaan serta menerapkan unsur-unsur agama ke dalam kurikulum kebangsaan’.<sup>283</sup>

Pihak pentadbir SMADI telah memulakan inisiatif mewujudkan kelas tahfiz bermula pada tahun 2012 dengan kerjasama dari sekolah Diniyyah Puteri. Setelah pihak KPM mewajibkan pelaksanaan program tahfiz di SABK pada tahun 2015, pihak SMADI menerima baik arahan pelaksanaan tersebut kerana telah mempunyai pengalaman mengendalikan kelas tahfiz sebelum ini. Dengan adanya kurikulum tahfiz yang telah dibekalkan oleh KPM, SMADI telah memperkembangkan lagi pelaksanaan kelas tahfiz.

---

<sup>282</sup>*Ibid.*

<sup>283</sup>*Ibid.*

### 3.15. Kurikulum Bersepadu DINI (KBD) dan Kurikulum Bersepadu TAHFIZ (KBT)

Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) merupakan kurikulum baru yang dibina bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) dan Yayasan Agama berdasarkan kurikulum agama-Arab yang dikenali sebagai Kurikulum Dini / Azhari yang dilaksanakan di sekolah-sekolah agama di Malaysia termasuk Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Agama Negeri dan Sekolah Agama rakyat (SAR)<sup>284</sup>. KPM dengan persetujuan Majlis Raja-Raja dan majoriti Pihak Berkuasa Agama Negeri mengambil inisiatif untuk melaksanakan kurikulum ini kerana terdapat permintaan yang tinggi untuk belajar di sekolah-sekolah agama. Selain itu penyelarasan kurikulum perlu dilaksanakan bagi tujuan penambahbaikan terhadap kurikulum sedia ada.<sup>285</sup>

Pihak KPM melalui Bahagian Pendidikan Islam (BPI) telah mengambil inisiatif bagi memperkasakan lagi pelaksanaan KBD dan KBT di semua SABK bermula pada tahun 2015.<sup>286</sup> Kurikulum ini telah diluluskan untuk dilaksanakan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Bil 03/2012 dan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan KPM Kali ke-200 Bil 03/2012 serta mendapat perkenan Majlis Raja-Raja dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja Yang Ke - 231. SMADI termasuk dalam SABK yang dipilih oleh KPM untuk dilaksanakan program ini. KPM telah menetapkan beberapa kriteria SABK yang dipilih untuk melaksanakan program tersebut dan SMADI telah memenuhi kriteria tersebut iaitu:

---

<sup>284</sup> Surat Pekeliling Ruj KPM.BPI.100.611/47, Jld 4 (64) bertarikh 20 Januari 2015/ 29 RabiulAwal 1436H

<sup>285</sup> *Ibid.*

<sup>286</sup> *Ibid.*



- 1- Kecenderungan pelaksanaan kurikulum semasa di sekolah,
- 2- Kemampuan prasarana sekolah.
- 3- Pengekalan operasi sedia ada yang berorientasikan permintaan masyarakat setempat.<sup>287</sup>

Asas yang telah dirintis oleh Dr Jurij dalam penjenamaan semula SMADI dan seterusnya diperkukuhkan lagi oleh pihak KPM melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, Gelombang 1 dalam perkara mengukuhkan laluan pendidikan agama berkualiti tinggi bagi melengkapkan murid dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang relevan untuk berjaya dalam pasaran kerja berasaskan nilai dan tasawur Islam yang kukuh. Pihak kementerian akan memperkukuhkan pelaksanaan kurikulum kebangsaan di sekolah agama dengan mengangkat kurikulum DINI dan TAHFIZ sebagai kurikulum kebangsaan serta menerapkan unsur-unsur agama ke dalam kurikulum kebangsaan”.

### **3.16. Kurikulum Bersepadu Dini (KBD)**

Program pendaftaran Sekolah Agama Rakyat (SAR) kepada SABK merupakan satu program yang telah membuka mata semua pihak mengenai kurikulum Dini / Azhari di sekolah agama. Program yang tercetus daripada Laporan Jawatankuasa Tan Sri Murad dan telah dipersetujui oleh Perdana Menteri pada ketika itu telah membawa masuk sekolah-sekolah agama rakyat yang menggunakan dwi kurikulum ke dalam arus perdana.<sup>288</sup> Pelaksanaan dwi-kurikulum di SABK selepas berdaftar dengan KPM telah menunjukkan wujudnya pemurnian dari segi pelaksanaannya bagi menjamin kecemerlangan murid dalam kedua-dua bidang iaitu akademik dan agama.<sup>289</sup> SMADI

---

<sup>287</sup>*Ibid.*

<sup>288</sup> Surat Pemakluman KBD dan KBT, op.cit

<sup>289</sup>*Ibid.*

telah berada diacuan yang betul untuk menghasilkan pelajar cemerlang, berakhlak dengan akhlak yang mulia, berpendidikan agama dengan pencapaian yang baik dan seterusnya boleh membantu membangunkan masyarakat hasil dari kefahaman dan kecemerlangan pelajar yang telah dirangka oleh pihak pentadbiran SMADI juga bekas-bekas pelajar yang ingin melihat SMADI terus maju dan cemerlang.

Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) adalah penggabungan dengan Kurikulum Azhari yang telah diselaraskan dengan Kurikulum Kebangsaan sedia ada dalam arus perdana telah dijalankan di SMADI sebelum ini seperti yang telah diterangkan oleh penulis. KBD ini menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar. Matlamat KBD ini adalah untuk menyediakan murid yang seimbang dan cemerlang melalui program ini berasaskan naqli dan ‘aqli sebagai persediaan bakal ulama dan *muthaqqaf*.<sup>290</sup> Antara objektif yang ingin dicapai dengan KBD ini ialah untuk memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah, membekalkan guru Dini yang terlatih dan setaraf dengan guru-guru KPM dari segi perjawatan, menggilap potensi dan keupayaan pelajar melalui kurikulum yang dapat menyediakan individu yang seimbang dan berketerampilan dalam kedua-dua bidang ilmu naqli dan ‘aqli.<sup>291</sup>

Jika sebelum ini SMADI telah mengorak langkah mendepani arus perdana dengan melakukan beberapa perubahan yang terancang untuk menjadikan SMADI berada di landasan yang tepat demi memajukan agama Islam dan para pelajar agar tidak ketinggalan atau tertinggal kebelakang di telan arus masa. Penulis telah menerangkan beberapa lonjakan perubahan-perubahan untuk mengembalikan semula kegemilangan seperti masa

---

<sup>290</sup>*Ibid.*

<sup>291</sup>*Ibid.*

lalu. Dengan pelaksanaan KBD ini, reformasi yang telah dilaksanakan diperkembangkan lagi melalui beberapa penambahbaikan. Antara perubahannya ialah peruntukan waktu minimum dan penambahan matapelajaran Dini dalam kurikulum kebangsaan.<sup>292</sup> Bagi matapelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV) akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut kemampuan sekolah. Tempoh masa satu waktu telah ditetapkan selama 40 minit.<sup>293</sup> Matapelajaran bagi KBD tidak banyak berbeza dari yang telah dijalankan sebelum ini, cuma ruang lingkup tajuk matapelajarannya diperluaskan lagi.<sup>294</sup>

### 3.16.1. Senarai mata pelajaran Dini

Jadual 4 : Mata pelajaran yang terdapat dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD)

| BIL | MATA PELAJARAN                              | BIDANG   |
|-----|---|--|
| 1   | <i>Usuluddin</i>                            | <i>Tauhid, Tafsir, Hadis, Sirah wat Tarikh al-Islam, Akhlak wal Tasawwuf.</i>                    |
| 2   | <i>Syari'ah</i>                             | <i>Al-Quran wal Hifz, Fiqh al-Ibadah, Fiqh al-Munakahat, Fiqh al-Mu'amalat, Fiqh al-Jinayat.</i> |
| 3   | <i>Al-Lughah al-'Arabiyah al-Mu'assirah</i> | <i>Al-Istima' wal kalam, Al-Qiraah wal kitabah, Al-Mutalaah wal Ta'bir, Al-nahu was Saraf.</i>   |
| 4   | <i>Manahij al-Ulum al-Islamiyah</i>         | <i>Mantiq, Usul-al-Fiqh</i>  |
| 5   | <i>Al-Adab wal Balaghah</i>                 | <i>Al-Adab wan Nusus, Al-Balaghah</i>  |

Sumber: Surat Pemakluman Pelaksanaan Dan Maklumat Asas Bagi Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT).

<sup>292</sup>*Ibid.*

<sup>293</sup>*Ibid.*

<sup>294</sup>*Ibid.*

Dalam jadual 4 telah disenaraikan mata pelajaran yang perlu diajar di SMADI menurut KBD. Dengan pelaksanaan KBD ini diharapkan kepada pelajar agar dapat mengukuhkan pendidikan agama dalam diri mereka dan seterusnya dapat memberi lebih peluang kepada pelajar dalam menentukan laluan kerjaya mereka selepas tamat pengajian di sekolah nanti.<sup>295</sup> KBD yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar diharapkan mampu mempertingkatkan kualiti komunikasi dan berbahasa serta mampu merujuk asas-asas ilmu pengetahuan yang terkandung dalam kita-kitab muktabar.

Pelajar yang dapat menguasai mata pelajaran yang terdapat dalam KBD akan dapat menghayati manhaj ahli sunnah wal jamaah, mampu menjadi sumber rujukan contoh serta dapat mempamerkan model sahsiah yang unggul dan berpotensi memnuhi keperluan modal insan yang mampu menyumbang dalam kemajuan ekonomi negara dalam pelbagai sektor.<sup>296</sup>

Pelaksanaan KBD mampu mempertingkatkan keupayaan pelajar berasaskan aspirasi pelajar dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) iaitu memastikan para pelajar dapat menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, meningkatkan etika dan kerohanian dan memperkukuhkan identiti nasional.<sup>297</sup>

---

<sup>295</sup>*Ibid.*

<sup>296</sup>*Ibid.*

<sup>297</sup>*Ibid.*

### 3.17. Cabaran dan Masalah yang dihadapi SMADI sebagai SABK

Dalam meneruskan tugas mendidik seperti yang telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w cabaran dan mehnah akan sentiasa wujud dan menjadi sunnatullah. Segala cabaran, ujian dan masalah dalam mentadbir sekolah juga wujud keadaan yang sedemikian dan semestinya perlu dihadapi dan diatasi. Tidak terkecuali SMADI juga menghadapi situasi yang sama. Pihak pentadbir sentiasa berusaha untuk mengatasi apa juga masalah dan cabaran demi meneruskan perjuangan dalam membangunkan sekolah dan meneruskan mendidik pelajar dengan ajaran Islam. Menurut Dr Jurij, masalah dan cabaran sentiasa ada dimana-mana, segala masalah yang dihadapi perlu diuruskan dengan baik dan sempurna dengan kesungguhan dan semangat kerjasama antara sesama warga SMADI<sup>298</sup>. Setakat hari ini segala cabaran yang dihadapi mampu di atasi dengan berkat kesabaran dan kesungguhan usaha serta semangat kerjasama yang erat antara sesama guru dan pelajar SMADI sendiri.

Antara cabaran dan masalah yang sering merencatkan perjalanan pentadbiran sekolah ialah latar belakang pelajar SMADI itu sendiri termasuk dalam golongan fakir dan miskin yang tidak mampu untuk membayar yuran pengajian anak-anak mereka. Perbelanjaan asrama khususnya makanan yang berkhasiat sentiasa diutamakan oleh pentadbir sekolah walaupun terdapat kekurangan sumber kewangan. Namun hak bagi pelajar untuk mendapat makanan yang baik tetap diutamakan. Selain dari itu sikap segelintir ibubapa yang masih menganggap bahawa sekolah agama adalah tempat 'buangan' pelajar-pelajar yang mempunyai masalah disiplin dari sekolah lain, pelajar

---

<sup>298</sup>Temubual bersama Pengetua SMADI. op.cit.

yang tidak berminat belajar dan gagal dalam pelajaran dari sekolah lain dihantar ke sekolah ini untuk ditarbiyah dan dipulih semula supaya boleh berjaya dalam peperiksaan.

Keadaan kemudahan infrastruktur yang masih belum mencukupi dan lengkap seakan merencatkan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Sungguhpun begitu ia bukanlah dijadikan alasan oleh para guru untuk meneruskan kecemerlangan sekolah kerana telah terbukti dalam keadaan serba kekurangan SMADI mampu meningkatkan pencapaian akademik dari tahun ke tahun, mampu memenangi beberapa pertandingan yang disertai di peringkat kebangsaan dan mampu mencipta satu inovasi yang dinamakan SIGAI<sup>299</sup> hingga berjaya ke peringkat antarabangsa.<sup>300</sup>(Penerangan lanjut mengenai SIGAI di BAB 4 di bawah tajuk Kecemerlangan Kokurikulum)

### **3.18. Kesimpulan**

Penulis ingin menyatakan bahawa sejarah SMADI yang pernah satu ketika gah di persada pendidikan Islam di Perak awal 1900 dahulu, kemudian jatuh merudum sekian lama akibat beberapa masalah yang tidak dapat dielakkan dan kini mula menampakkan pencapaian yang amat memberansangkan setelah dibangunkan semula pada tahun 1996. Dengan berkat kesungguhan usaha semua pihak sama ada dari kalangan pentadbir sekolah, LPS, para guru, ibubapa, masyarakat setempat, MAIP, KPM serta pihak-pihak lain yang telah melakukan reformasi yang agak berani telah berjaya meletakkan SMADI di pentas persaingan dalam arus perdana dengan sekolah-sekolah lain dan mampu melahirkan pelajar-pelajar yang berilmu, kreatif dan mempunyai sahsiah yang baik dan

---

<sup>299</sup> Singkatan nama dari – Sifir Garis Itamta yang diinovasikan bagi pelajar dari kelas Pemulihan Khas yang sesuai digunakan dalam mata pelajaran matematik.

<sup>300</sup> *Ibid.*

mempunyai keyakinan yang tinggi untuk berjaya dalam hidup duniawi dan ukhrawi. Sejarah panjang lampau yang telah mencatatkan pelbagai peristiwa suka duka jatuh bangun SMADI telah berjaya diharungi bagi memastikan sekolah terus teguh berdiri dan terus berkhidmat demi agama Islam dan para penuntutnya. Sungguhpun banyak lagi usaha yang perlu dilakukan pada SMADI agar lebih lengkap infrastrukturnya dan selesa untuk warganya berkhidmat dan menjamin kejayaan yang berterusan kepada pelajar-pelajarnya.

University of Malaya

## BAB KEEMPAT

### LATAR BELAKANG PENGASAS SMADI SHEIKH JUNID TOLA DAN TOKOH PEMBAHARUAN DR. HJ. JURIJ BIN JALALUDIN

#### 4.1.Pendahuluan

Bab empat ini penulis fokuskan berkaitan dengan tokoh yang mula mengasaskan SMADI ini iaitu Sheikh Junid Tola. Beliau merupakan salah seorang ulama tersohor satu ketika dulu yang gigih menuntut ilmu serta berdakwah kepada masyarakat di Tanah Melayu. Rakan-rakan ulama yang seangkatan dengan beliau termasuklah Syed Sheikh Al-Hadi, Sheikh Abu Bakar Al-Bakir, Haji Salleh Masri, Haji Salleh Abdul Rahman, Sheikh Abdullah Fahim, Sheikh Mohd Idris Al-Marbawi, Haji Ahmad Fuad Hassan dan ramai lagi. Mereka tergolong di kalangan ulama Nusantara yang begitu aktif dalam menyebarkan dakwah melalui pendidikan kepada masyarakat di awal kurun ke 20. Satu tradisi unggul ketika itu ialah hampir semua ulama Nusantara akan ke mengembara ke Timur Tengah sama ada Mekah atau Mesir untuk menimba ilmu pengetahuan agama. Mekah tidak syak lagi adalah pusat pengajian Islam bagi seluruh dunia yang diwarisi daripada zaman Rasulullah s.a.w.<sup>301</sup>

Sejak kedatangan Islam di rantau ini, telah lahir ramai alim ulama yang mahir dalam ilmu-ilmu Islam di Nusantara. Sejak itu, bangsa Melayu tidak dapat dipisahkan daripada agama Islam. Menjelang abad ke 19, bangsa Melayu bertembung dengan masyarakat luar secara lebih menyeluruh. Tetapi agama Islam yang sudah enam abad berakar umbi di Tanah Melayu terus diperkukuhkan oleh alim ulama tanah air waktu itu.<sup>302</sup> Hasil daripada pandangan jauh golongan ulama ketika itu muncul pula sistem sekolah pondok, madrasah dan sekolah Arab. Sekolah-sekolah pondok tumbuh dengan

---

<sup>301</sup>*Tajudin Saman, op.cit*, hal 58

<sup>302</sup>*Ibid.* hal 113



pesat di merata tempat di Tanah Melayu dengan matlamat memberi bimbingan kepada umat Islam supaya mereka tidak bertempiran dihanyutkan oleh arus pembaharuan yang bercorak Barat.<sup>303</sup>

#### **4.2.Latar belakang Sheikh Junid Tola**

Sejarah SMADI yang bermula dengan kembalinya Sheikh Junid Tola ke Padang Rengas pada tahun 1926 sekembalinya beliau dari menamatkan pengajiannya di Timur Tengah. Kampung Padang Lalang. Padang Rengas ketika itu merupakan sebuah kampung yang dihuni oleh orang Melayu yang telah bertapak sejak sekian lama. Seawal tahun 1850-an lagi telah terdapat pengajian pondok di situ. Walaupun pada masa tersebut telah wujud pengajian pondok yang telah ditubuhkan oleh ulama yang berasal dari Pulau Jawa,<sup>304</sup> tetapi kewujudannya di Kampung Lalang seakan tidak disedari oleh masyarakat di pada masa itu. Dengan kepulangan Sheikh Junid Tola ke kampung Lalang, maka kelas pengajian telah dibuka kepada masyarakat kampung untuk belajar agama dengan Tuan Guru Sheikh Junid. Bemula dari pengajian di sebuah surau kemudian dengan terdirinya pondok-pondok pengajian dan seterusnya membuka sebuah madrasah yang dijadikan sebagai pusat pengajian beberapa tahun kemudian sehingga menjadi terkenal.

Sheikh Junid, putera Mandailing dari Maga. Beliau dilahirkan pada tahun 1897M di Tartola, sebuah kampung kecil termasuk daerah Maga, Kota Nopan, Kabupaten Tapanuli Selatan di Wilayah Sumatera Utara Indonesia. Beliau termasuk puak Mandailing Rangkuti. Nama asal beliau ialah Simanongga. Terdapat juga pertikaian mengenai tempat dan tahun kelahiran Sheikh Junid Tola yang menyebut bahawa tahun

---

<sup>303</sup>*Ibid.* hal 114

<sup>304</sup>Muhammad Redzuan Othman,op.cit

kelahiran beliau ialah 1878M, lahir di Tanjung larangan, Desa Sigantang Kecil, Silaping.<sup>305</sup>

Terdapat juga pandangan lain mengenai tarikh lahir beliau seperti yang dinyatakan dalam Buku Sejarah Ulama-ulama Terkemuka Sumatera. Dalam buku itu pada tahun menyebut bahawa beliau lahir pada tahun 1886M di Hutadolok, Kenegerian Maga, Kecamatan, Kotanopan di halaman 155. Berdasarkan surat Haji Muhammad Rivai Batubara kepada Wan Muhammad Saghir Abdullah pada 10 Ogos 2006 menyatakan bahawa tahun lahir 1897M itulah yang dipersetujui dalam seminar yang telah diadakan di Penyabungan pada tahun 2000 anjuran Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dengan kerjasama IAIN Sumatera Utara, Pemerintah Kabupaten Mandailing Natal dan Pengurus Perwakafan Sheikh Al-Junid.<sup>306</sup>

Pendidikan awal beliau ialah sekolah desa (sekolah rendah tiga tahun) di Kampung Maga. Beberapa tahun kemudian beliau berpindah ke Tanah Deli (Sumatera Utara bahagian Timur). Kemudian beliau pergi ke Besilam (Babussalam) Langkat. Besilam dikenali sebagai sebuah pusat tarikat Naqsyabandi yang diasaskan oleh Sheikh Abdul Wahab Rokan.<sup>307</sup>

### **4.3.Pendidikan**

Sheikh Junid Tola memulakan pengajian agamanya di Besilam. Beliau bersungguh-sungguh menuntut ilmu. Oleh kerana kesungguhan beliau menuntut ilmu, beliau disayangi oleh gurunya Sheikh Abdul Wahab Rokan. Gurunya telah menukar namanya dari Simanongga kepada Junid mengambil sempena nama seorang ulama

---

<sup>305</sup>Disebut oleh pengumpul/penyusun artikel Riwayat Hidup, 18 Februari 1992, hal 40

<sup>306</sup>*Ibid.*

<sup>307</sup>Muhammad Redzuan Othman, op.cit

tasawuf yang terkenal “Sheikh Junid Al-Baghdadi”. Kemudian nama belakang beliau ditambahkan “Tola”. Menurut satu pendapat mengatakan bahawa singkatan itu daripada “Tartola” iaitu kampung tempat kelahiran Sheikh Junid Tola.

Sheikh Junid Tola memang bercita-cita tinggi dalam menuntut ilmu. Dengan semangat dan kecintaan beliau terhadap ilmu hingga sanggup bersusah payah merantau sampai ke Tanah Melayu untuk belajar ilmu dengan beberapa ulama yang ada di Tanah Melayu. Sampai di Tanah Melayu beliau belajar di Pondok Haji Che Dol, Gajah Mati, Kedah, kemudian beliau menyambung pelajaran lagi ke Pondok Haji Hussain Cik Dol<sup>308</sup> di Guar Chempedak. Selepas itu beliau berguru dengan Tuan Guru Haji Salleh Masri di Bukit Mertajam, Pulau Pinang.<sup>309</sup>

Tuan Guru Haji Mohd Salleh Masri pernah belajar dengan Sheikh Abdul Wahab Rokan di Besilam, Langkat yang merupakan salah seorang guru kepada Sheikh Junid Tola sebelum beliau belajar di pondok Gajah Mati, Kedah. Berdasarkan kepada sistem pendidikan Islam yang mementingkan sanad, menunjukkan kepada kita bahawa Sheikh Junid Tola mendapat dua pendidikan melalui Che Doi di pondok Gajah Mati dan Sheikh Mohd Salleh Masri. Jika kita meneliti pendidikan kedua-dua ulama ini menunjukkan pendidikan mereka bertemu pada satu tokoh besar ulama dunia Melayu iaitu Sheikh Haji

---

<sup>308</sup>Yang dimaksudkan dengan Che Dol atau Che Doi, nama sebenarnya ialah Haji Ismail bin Mustafa Al-Fathani. Cik Doi sempat belajar dengan Sheikh Haji Wan Mustafa Al-Fathani (Tok Bendang Daya Pertama) Setelah Tok Bendang Daya Pertama meninggal dunia, Cik Doi belajar daripada Sheikh Wan Muhammad Zain bin Mustafa Al-Fathani dan Sheikh Abdul Qadir bin Mustafa Al-Fathani (Tok Bendang Daya Kedua). Cik Doi datang ke Kedah membina Pondok Gajah Mati yang kemudiannya diserahkan kepada menantunya Sheikh Haji Wan Ibrahim atau Pak Chu Him bin Tok Bendang Raya Kedua. Pondok Guar Chempedak dipimpin oleh anak beliau iaitu Haji Husein bin Cik Doi (saudara ipar Pak Chu Him). Sheikh Junid Tola masuk ke pondok Gajah Mati ketika pondok itu masih dipimpin oleh Haji Ismail bin Mustafa Al-Fathani atau Cik Doi hinggalah pondok itu dipimpin oleh Pak Chu Him (lahir pada 1311H/1894M) lebih tua sekitar tiga tahun dari Sheikh Junid Tola (lahir pada 1314H/1897M).

<sup>309</sup>Wan Mohd Saghir Abdullah, *op.cit*

Wan Mustafa (Tok Bendang Daya), hulubalang Patani, pengasas pondok Bendang Daya Patani yang sangat terkenal pada zaman dulu.<sup>310</sup>

Ketika itu pengajian pondok itu mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari para penuntutnya. Penuntut-penuntut yang datang belajar di pondok itu datang dari seluruh pelusuk Alam Melayu seperti dari Jambi, Mandailing, Patani, Kelantan, Negeri Sembilan, Johor, Perak dan termasuk juga dari negeri Kedah sendiri.<sup>311</sup> Di zaman kemuncaknya pondok tersebut dihuni kira-kira 600 orang penuntut pada satu-satu masa.<sup>312</sup> Pondok tersebut mendapat sambutan hangat dari penuntut-penuntut kerana kepakaran tuan gurunya dalam bahasa Arab dengan pengkhususan pengajian terhadap ilmu nahu, sorof, balaghah, syair dan mantiq.<sup>313</sup> Di samping itu juga pengajian ilmu-ilmu agama yang lain juga turut diajar seperti feqah, tauhid, Al-Quran dan Hadis.<sup>314</sup>

Setelah menamatkan pengajian di pondok Gajah Mati, Sheikh Junid Tola berpindah untuk menyambung pengajian ke Madrasah Al-Masriyah Asy-Syubbaniah di Bukit Mertajam, Seberang Perai, Pulau Pinang.<sup>315</sup> Di situ beliau menuntut ilmu dengan pengasas madrasah itu sendiri iaitu Sheikh Mohd Salleh Al-Masri bin Baqi bin Lundang.<sup>316</sup> Sheikh Salleh Masri sebelumnya pernah belajar dengan Sheikh Abdul Wahhab Rokan di Besilam, Langkat iaitu tempat belajar Sheikh Junid Tola sebelum beliau berangkat menyambung pengajian di Kedah.<sup>317</sup> Sheikh Junid Tola juga pernah

---

<sup>310</sup>*Ibid.*

<sup>311</sup>*Ibid.* Muhammad Redzuan Othman, *Tokoh Ulama Alam Melayu, Tuan Guru Haji Wan Ibrahim (Pak Chu Him) Gajah Mati Ulama dan Penyair Ulung*, 15 Disember 2009.

<sup>312</sup>*Ibid.*

<sup>313</sup>*Ibid.*

<sup>314</sup>*Ibid.*

<sup>315</sup>Wan Mohd Saghir Abdullah, Utusan Malaysia, Artikel Ulama Nusantara *Sheikh Junid Tola, Ulama Terkenal Di Mandailing dan Perak*, 4 September 2006.

<sup>316</sup>*Ibid.*

<sup>317</sup>*Ibid.*

menjadi anak murid Sheikh Abdul Wahab Rokan semasa menuntut di Besilam, Langkat dahulu.<sup>318</sup>

Oleh kerana kecerdasannya dalam pelajaran, seorang ulama di Padang Rengas membawa beliau ke kampungnya dan menikahkan beliau dengan anak perempuannya Sariyah bintt Haji Said pada tahun 1922.<sup>319</sup> Selepas tiga bulan Sheikh Junid Tola dinikahkan, bapa mertua beliau Haji Said telah menghantar menantunya menyambung pelajaran di Universiti Al-Azhar, Mesir. Turut sama Sheikh Junid Tola ke Mesir ialah iparnya Haji Husin Said<sup>320</sup> dan Haji Mohd Zain Haji Noh.

Terdapat beberapa faktor negara Mesir dipilih oleh masyarakat Islam Nusantara untuk menyambung pengajian mereka setelah menamatkan pengajian di pondok-pondok atau madrasah-madrasah yang terdapat di Nusantara. Sejak akhir kurun ke-19, Kaherah sudah muncul sebagai sebuah pusat pembelajaran ilmu-ilmu agama yang terkenal dalam kalangan orang Melayu dan sekaligus menarik minat ramai ibubapa untuk menghantar anak-anak mereka melanjutkan pengajian di sana.<sup>321</sup> Sheikh Junid merupakan seorang pelajar yang sangat aktif di sepanjang pengajian di Mesir kerana di samping menuntut ilmu beliau turut berkecimpung dalam pergerakan pelajar Indonesia-Malaya. Ketika itu rakyat Mesir sedang bergolak menentang penjajah yang menakluk negara mereka. Ketika itu juga berkembangnya fahaman ‘pembaharuan’ oleh tokoh Sheikh Muhammad Abduh

---

<sup>318</sup>*Ibid.*

<sup>319</sup>Muhammad Redzuan Othman, op.cit

<sup>320</sup>Melanjutkan pelajaran ke Kaherah pada tahun 1922 dan kembali ke Tanah Melayu pada tahun 1933. Sekembalinya ke Perak beliau membuka sebuah sekolah Arab yang terletak di Padang Rengas dan beliau terus mengajar di sekolah tersebut sehingga bersara, *Sumbangan Lepas Mesir Dalam Bidang Pendidikan dan Penulisan di Tanah Melayu dan Indonesia 1920 s -1970s*, Abu Hanifah Haris, Mohammad Redzuan Othman, hal 11.

<sup>321</sup>Abu Hanifah Haris, Mohamad Redzuan Othman (2015), *Kegiatan Pelajar Melayu di Kaherah 1920-1n hingga 1960 -an*, SARJANA vol 30, NO 1 Jun, pp. 13-27.

dan Rasyid Ridha. Semasa di Mesir Sheikh Junid sempat pergi Ke Makkah dan sempat belajar dengan Tok Cik Wan Daud Al-Fathani.

#### **4.4.Sumbangan Sheikh Junid**

Peranan yang dijalankan oleh Sheikh Junid Tola di Tanah Mandailing Indonesia adalah seimbang dengan perjuangannya semasa di perantauan Perak, Malaysia. Selain mengutamakan perjuangan pendidikan Islam, secara rahsia Sheikh Junid Tola terlibat dalam barisan perjuangan kemerdekaan Indonesia. Beliau adalah seorang tokoh ulama yang anti-kolonial Belanda yang menjajah Indonesia ketika itu.<sup>322</sup> Pemerintah kolonial Belanda pernah mengeluarkan perintah tangkap terhadap beliau namun beliau berjaya berhijrah ke Malaya.

Sheikh Junid Tola memusatkan seluruh aktivitinya di Kampung Lalang Padang Rengas. Kemudian Jepun kalah dalam Perang Dunia kedua menyebabkan Indonesia merdeka. Beliau ikut berjuang bersama pejuang-pejuang di Semenanjung Tanah Melayu. Walaupun para pejuang itu mempunyai pelbagai ideologi politik tetapi mereka bertemu pada satu tekad iaitu Malaya mesti merdeka dari penjajahan Inggeris atau apa jua corak penjajahan yang merupakan penindasan manusia ke atas manusia. Madrasah Diniyah di Kampung Lalang, Padang Rengas yang beliau asaskan pada zaman itu dijadikan tempat berhimpun para tokoh pejuang kemerdekaan.<sup>323</sup> Dalam satu demonstrasi besar-besaran yang diadakan di Kuala Kangsar anjuran API (Angkatan Pemuda Insaf) dan AWAS (Angkatan Wanita Sedar), Sheikh Junid melibatkan diri dan ada peranan yang tersendiri dalam perjuangan kemerdekaan.<sup>324</sup>

---

<sup>322</sup>*Ibid.* Wan Mohd Saghir Abdullah

<sup>323</sup>*Ibid.* Wan Mohd Saghir Abdullah

<sup>324</sup>*Ibid.*

Semasa berada di Mesir, Sheikh Junid Tola tertarik dengan institusi wakaf dan pentadbirannya sehingga mampu membiayai sebuah universiti yang besar seperti Al-Azhar. Minatnya itu telah mendorongnya menulis sebuah buku kecil dengan judul ‘Kaifiat Mengadakan Wakaf’ yang diterbitkan di Mesir pada tahun 1927,<sup>325</sup> dengan kata pengantar buku itu telah ditulis oleh Sheikh Muhammad Idris Al-Marbawi yang terkenal kerana Kamus Al-Marbawi Arab-Melayu yang terlengkap. Menurut Dato Asri bin Haji Muda, kamus ini pada mulanya disusun oleh tiga serangkai iaitu Sheikh Idris Al-Marbawi, Sheikh Junid Tola dan Sheikh Tahir Jalaluddin. Namun ketika dua tokoh yang terakhir ini kembali ke tanahair, karya itu diteruskan sendiri oleh Sheikh Idris Al-Marbawi sebagai pengarang kamus tersebut. Mohammad Redzuan Othman di dalam kertas kerjanya pada Seminar Ulama Dalam Sejarah Perak (9 Julai 1989) tentang peranan Sheikh Junid Tola dalam menjayakan Kamus Al-Marbawi mengatakan; “Sheikh Junid Tola juga banyak membantu Sheikh Idris Al-Marbawi dalam menyusun Kamus Arab-Melayu yang terkenal. Sebelum pulang ke tanahair beliau sempat juga belajar kepada Sheikh Abdul Kadir Al-Mandili, salah seorang guru yang mengajar di Masjidil Haram ketika itu”.

Setelah menamatkan pengajian di Timur Tengah Sheikh Junid Tola pulang ke tanahair pada tahun 1926 bersama isterinya dan puteri pertamanya yang bernama Sakinah (dikenali juga sebagai Cik Kinah atau Datin Sakinah iaitu isteri kepada Dato Asri bin Haji Muda). Tidak berapa lama selepas itu isteri Sheikh Junid Tola Sariyah meninggal dunia. Beliau mengahwini seorang lagi puteri Haji Said yang bernama Siti Hajar. Dalam tahun 1934, beliau mengahwini seorang lagi isteri di Tapanuli Selatan bernama Rokiah Haji Ibrahim.

---

<sup>325</sup>Mohammad Redzuan Othman, op.cit

Sebagai seorang yang aktif menuntut ilmu dan bersemangat untuk berdakwah mendidik masyarakat kepada agama, beliau telah mewujudkan satu kelas pengajian di sebuah surau yang terletak berhampiran dengan rumahnya di Kampung Lalang, Padang Rengas dalam tahun 1927. Pada peringkat permulaan kelas itu ramailah para pelajar terutama penduduk Kampung Lalang dan mereka yang tinggal di kampung yang berhampiran itu mula belajar dalam kelas tersebut. Oleh kerana kelas yang dibuka mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dari penduduk pelbagai peringkat umur, maka beliau telah membahagikan kelas kepada dua bahagian iaitu satu bahagian untuk orang dewasa manakala bahagian yang lain untuk kanak-kanak.

Kelas pengajian yang dibuka oleh Sheikh Junid Tola semakin hari semakin mendapat sambutan dari kaum muslimin setempat menyebabkan ianya menjadi terkenal sehingga ke daerah-daerah yang lain dalam negeri Perak. Oleh yang demikian itu maka ramai para pelajar dari luar Padang Rengas mahupun luar daerah Kuala Kangsar seperti dari Temoh, Teluk Anson (Teluk Intan), Bagan Serai dan Parit yang berminat untuk datang belajar dengan Tuan Guru Sheikh Junid Tola.<sup>326</sup> Pelajar yang datang menuntut ilmu di situ semakin ramai maka didirikanlah pondok-pondok sebagai tempat penginapan untuk kemudahan mereka yang datang dari luar daerah. Toh Maharaja Indera Haji Syukri telah mewakafkan sebidang tanah untuk dijadikan sebagai tapak pondok-pondok penginapan tersebut. Usaha tersebut mendapat sokongan kuat dari Ketua Kampung Lalang pada ketika itu Haji Abdul Rahim Datuk Panglima Garang.<sup>327</sup>

Pendidikan sekolah Agama atau sekolah Arab turut memberi sumbangan dalam memberi kesedaran dan perubahan dalam pemikiran dalam politik Melayu Perak.<sup>328</sup>

---

<sup>326</sup>*Ibid.*

<sup>327</sup>*Ibid.*

<sup>328</sup>M.A Fawzi Basti (1986), *Perak Sebelum dan Selepas Perang Dunia Kedua: Satu Analisis Tentang Nasionalisme Orang Melayu*, Sekolah Pengajian Asasi UUM, Analisis Jld 1, Bil 1, hal 125.



Pendidikan agama adalah pendidikan asas bagi orang Melayu di Perak sebelum kehadiran sekolah Inggeris dan sekolah Melayu.<sup>329</sup> Terdapat dua bentuk pengajian agama iaitu sama ada berbentuk pondok dan sekolah Arab biasa.<sup>330</sup> Dalam kewujudan sekolah pondok dan madrasah di Kuala Kangsar, madrasah yang diasaskan oleh Sheikh Junid Tola iaitu sekolah Ad-Diniah (SMADI) di Kampung Lalang agak berlainan sedikit coraknya jika dibandingkan dengan sekolah pondok dan Madrasah Idrisiah.<sup>331</sup> Antara persamaan sekolah yang diasaskan oleh Sheikh Junid Tola dengan sekolah atau madrasah yang lain ialah matapelajaran yang diajar iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Arab, Matematik, Sejarah dan Bahasa Inggeris.<sup>332</sup> Perbezaannya dengan sekolah atau madrasah ialah pengasasnya telah memperkenalkan satu mata pelajaran yang berlainan dengan sekolah dan madrasah lain iaitu pelajaran Pengurusan Perniagaan.<sup>333</sup>

#### **4.5. Idea Sheikh Junid dalam membangunkan ekonomi**

Sheikh Junid Tola mempunyai idea dan pemikiran yang lebih ke hadapan dalam merangka setiap aktiviti yang dijalankan di sekolahnya dengan tujuan supaya penuntutnya lebih berdikari dan bersifat mesra masyarakat. Beliau sentiasa melibatkan diri dalam aktiviti khidmat masyarakat dan kerja sosial<sup>334</sup> supaya penuntut lebih berminat untuk berusaha dengan sendiri tanpa meminta bantuan dari orang lain dan seterusnya tidak bergantung kepada bangsa asing dalam meneruskan kelangsungan hidup.<sup>335</sup> Ini merupakan satu sikap positif dan berpandangan jauh dari Sheikh Junid dalam merangka aktiviti penuntut di Madrasah Ad-Diniah yang sedikit berbeza dari sekolah atau madrasah

---

<sup>329</sup>*Ibid.*

<sup>330</sup>*Ibid.*

<sup>331</sup>*Ibid.*

<sup>332</sup>*Ibid.*

<sup>333</sup>*Ibid.* hal 125

<sup>334</sup>*Ibid.*

<sup>335</sup>*Ibid.*

lain seperti Madrasah Idrisiah. Keberanian Sheikh Junid dalam melakukan beberapa pembaharuan di madrasahnyanya itu ketika itu telah mendapat sokongan dan sambutan yang hebat dari masyarakat Melayu sekitarnya.<sup>336</sup> Ini menunjukkan bahawa idea pemikiran Sheikh Junid dalam membangunkan madrasahnyanya telah diterima baik oleh penduduk kampung walaupun kelihatan agak janggal apabila penuntut madrasah tidak hanya menumpukan pelajaran agama semata-mata tetapi bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti yang boleh membangunkan ekonomi masyarakat setempat dan menjalankan aktiviti perniagaan.

Keinginan Sheikh Junid yang mahu semangat berdikari di kalangan pelajar nyanya sentiasa dititikberatkan dan diperingatkan selalu kerana ia merupakan salah satu tuntutan ajaran Islam sesuai dengan ajaran Rasulullah s.a.w. Menurut beliau lagi, dengan usaha yang kuat dan sentiasa sanggup berdikari mampu membina dan membangunkan ekonomi masyarakat Islam tanpa mengharapkan bantuan dari orang yang bukan Islam.<sup>337</sup> Apabila ekonomi masyarakat Islam menjadi kuat dan kukuh sesungguhnya akan mampu menegakkan politik yang kuat dan kukuh.<sup>338</sup> Minat beliau dalam bidang wakaf sama ada wakaf tanah dan harta, membangunkan perniagaan dan memajukan ekonomi umat Islam tidak hanya menjadi topik yang diajar semata-mata, malah beliau sendiri turut ‘turun padang’ dalam meneruskan usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh para pelajar nyanya seperti yang telah ditunjukkan olehnya sendiri. Usaha yang beliau tunjukkan ialah membangunkan ekonomi Islam atas dasar bersama dan saling bantu membantu antara satu dengan yang lain.<sup>339</sup>

---

<sup>336</sup>*Ibid.*

<sup>337</sup>Muhammad Redzuan Othman, op.cit

<sup>338</sup>*Ibid.*

<sup>339</sup>*Ibid.*

Dalam bidang pertanian pula, Sheikh Junid telah mengambil inisiatif dalam memajukan bidang ini di atas tanah yang telah diwakafkan. Beliau memajukan tanah-tanah tersebut dengan menanam sayur-sayuran, buah-buahan dan sebagainya.<sup>340</sup> Beliau tidak hanya mengajar pertanian hanya secara teori semata-mata kepada para pelajarnya, malahan menunjukkan sendiri secara praktikalnya teknik pertanian yang betul.<sup>341</sup> Semangat beliau dalam membina ekonomi sentiasa berkembang luas dengan mempelbagaikan idea yang boleh meningkatkan penguasaan masyarakat Melayu dalam berekonomi. Dengan idea itu beliau telah memanggil dan mempelawa beberapa pengusaha dari industri batik dan industri membuat terompah supaya datang ke Padang Rengas dan membuka industri mereka di sini.<sup>342</sup> Segala usaha-usaha yang telah beliau lakukan itu telah menjadikan Padang Rengas sebagai pusat pembangunan ekonomi orang Melayu.<sup>343</sup>

Ini dapat dibuktikan pada penghujung tahun tiga puluhan terdapat lebih kurang 30 buah kedai kepunyaan orang Melayu di Padang Rengas yang terdiri daripada kedai dobi, kedai kopi, kedai runcit, kedai membeli dan menjual getah, kedai gunting rambut dan beberapa kedai lagi telah berjaya didirikan di sini. Dengan kejayaan ini beliau telah berjaya menanamkan ke dalam jiwa dan membangkitkan semangat orang Islam yang percaya kepada diri sendiri dan keyakinan yang tinggi bahawa mereka juga mampu melakukan sebarang pekerjaan yang selama ini dikuasai oleh orang bukan Islam jika mereka melakukan dengan usaha yang bersungguh-sungguh.<sup>344</sup>

---

<sup>340</sup>*Ibid.*

<sup>341</sup>*Ibid.*

<sup>342</sup>*Ibid.*

<sup>343</sup>*Ibid.*

<sup>344</sup>*Ibid.*

Sekolah Ad-Diniah telah menjadi semakin popular dan mendapat sambutan yang menggalakkan dari masyarakat setempat sehingga penduduk di sekitar kampung yang terletak di luar Mukim seperti Mukim Kampung Buaya dan Lubok Merbau telah meminta supaya pengasasnya membuka cawangan madrasah Ad-Diniah di kawasan mereka tinggal.<sup>345</sup> Ini disebabkan pada waktu itu keadaan jalan perhubungan darat kurang baik untuk dijadikan sebagai jalan perhubungan antara Kampung Lalang dengan Mukim Sungai Buaya dan Lubok Merbau. Ini menyukarkan bagi mereka untuk menghantar anak-anak mereka belajar di madrasah Ad-Diniah Kampung Lalang. Antara nama-nama madrasah yang ditubuhkan yang menjadi cawangan kepada madrasah Ad-Diniah ialah: Madrasah Ridzuaniah di Padang Asam, Madrasah Nasriah di Padang Rengas, Madrasah Iztahdiah di Gapis, Madrasah Palahiah di Kampung Buaya, Madrasah Ziniah di Kroh Hilir, Madrasah Iktosidiah di Kroh Hulu, Madrasah Al-Bahariah di Paya Lintah, Madrasah As-Sabian Ahmadiyah di Laneh, Madrasah Al-Hadi di Kampung Pauh.<sup>346</sup>

#### **4.6. Perjuangan kemerdekaan**

Walaupun beliau amat berminat menuntut ilmu dan mengajar ilmu mendakwah masyarakat, tetapi beliau juga berminat juga dalam gerakan-gerakan menentang pihak-pihak yang mahu menjajah negeri ini.<sup>347</sup> Semangat beliau menentang penjajah telah ada semenjak beliau masih remaja lagi di negeri kelahirannya Tanah Mandailing, Indonesia.<sup>348</sup> Beliau merupakan salah seorang tokoh ulama yang secara rahsia telah melibatkan diri dalam barisan perjuangan antikolonial Belanda yang menjajah Indonesia ketika itu.<sup>349</sup> Pemerintah kolonial Belanda pernah mengeluarkan perintah tangkap

---

<sup>345</sup> *Ibid.*

<sup>346</sup> *Ibid.*

<sup>347</sup> *Ibid.*

<sup>348</sup> Wan Mohd Saghir Abdullah, op.cit.

<sup>349</sup> *Ibid.*

terhadap Sheikh Junid Tola, namun beliau sempat melarikan diri ke berhijrah ke Malaya. Di Malaya beliau telah memusatkan keseluruhan aktivitinya di Kampung Lalang.<sup>350</sup> Di madrasah inilah lahirnya tokoh-tokoh perjuangan kemerdekaan yang dilupakan seperti Dr Burhanuddin Al-Helmy, Ishak Haji Muhammad (Pak Sako), Abu Bakar Al-Baqir dan Shamsiah Fakeh.<sup>351</sup> Apabila pihak Jepun kalah dalam Perang Dunia Kedua maka ketika itulah Indonesia telah bebas dari penjajahan dan mencapai kemerdekaan.<sup>352</sup> Dengan terjadinya peristiwa itu beliau ikut berjuang bersama-sama dengan para pejuang kemerdekaan di Tanah Melayu seperti yang penulis telah sebutkan nama-namanya sebelum ini.<sup>353</sup> Sheikh Junid antara yang membentuk draf kemerdekaan terawal di Tanah Melayu dan diisytiharkan di Masjid Hurriyyah yang bermakna Masjid Merdeka.<sup>354</sup> Beliau juga tidak menafikan sumbangan kaum wanita dalam gerakan perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu.<sup>355</sup>

Walaupun para pejuang itu mempunyai pelbagai ideologi politik tetapi mereka bertemu pada satu tekad iaitu Tanah Melayu mesti bebas dan merdeka dari cengkaman penjajahan Inggeris ataupun apa jua bentuk penjajahan yang merupakan penindasan oleh manusia terhadap manusia lain.<sup>356</sup> Madrasah Ad-Diniah Kampung Lalang yang beliau asaskan pada masa itu telah dijadikan tempat berhimpun para tokoh pejuang kemerdekaan.<sup>357</sup> Dalam satu demonstrasi besar-besaran di Kuala Kangsar anjuran Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) ternyata Sheikh

---

<sup>350</sup>*Ibid.*

<sup>351</sup>Muhammad Redzuan Othman, op.cit

<sup>352</sup>Wan Mohd Saghir Abdullah, op.cit

<sup>353</sup>*Ibid.*

<sup>354</sup>Muhammad Redzuan Othman, op.cit

<sup>355</sup>*Ibid.*

<sup>356</sup>Wan Mohd Saghir Abdullah, op.cit

<sup>357</sup>*Ibid.*

Junid melibatkan diri dan ada peranan tersendiri yang dimainkan dalam perjuangan kemerdekaan membebaskan Tanah Melayu dari dijajah.<sup>358</sup>

Menurut Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin dalam titah ucapan baginda di Muzakarah Ulama pada 5 Julai 2007, Maahad Al-Ehya As-Shariff, Madrasah Ad-Diniah Padang Rengas (SMADI), Madrasah Idrisiah Bukit Chandan, The Malay College Kuala Kangsar (MCKK), Sultan Idris Training College (SITC) adalah merupakan tapak-tapak awal yang dinyalakan semangat kesedaran bangsa. Antara tokoh-tokoh yang terlibat aktif dalam menyalakan semangat kesedaran bangsa ini ialah Dr. Burhanuddin Al-Helmy, Ustaz Abu bakar Al-Bakir, Ustaza Baharuddin Abdul latif, Sheikh Junid Tola, Prof. Zulkifly Mohamad dan Sheikh Tahir Jalaluddin.<sup>359</sup>

#### **4.7. Pendekatan Sheikh Junid dalam mendidik masyarakat kepada agama**

Ketokohan dalam bidang keilmuan Sheikh Junid tidak hanya disebarkan kepada para pelajar di madrasah semata-mata, malah beliau juga dijemput mengajar di merata-rata tempat di dalam negeri Perak.<sup>360</sup> Walaupun begitu kuat menganut aliran pembaharuan kerana semasa menuntut di Timur Tengah beliau telah didedahkan dengan aliran tersebut tetapi ia bukanlah sesuatu yang bercanggah dengan Al-Quran dan Sunnah bahkan untuk mengajak masyarakat kembali mengikut ajaran Al-Quran dan Sunnah yang sebenarnya berpandukan dalil yang jelas dan tepat yang bersumberkan dari Rasulullah s.a.w.<sup>361</sup> Cara beliau yang penuh berhemah dan berhikmah dalam pengajaran dan pembaharuan yang dibuat menjadikan masyarakat yang menerimanya tidak merasa

---

<sup>358</sup>*Ibid.*

<sup>359</sup>Muhammad Redzuan Othman, op.cit

<sup>360</sup>*Ibid.*

<sup>361</sup>*Ibid.*

janggal dan rasa terpaksa untuk melakukan pembedahan ibadah agar menepati dengan cara Rasulullah s.a.w.<sup>362</sup> Beliau juga begitu menentang perkara-perkara khurafat dan bidaah yang telah berakar umbi dalam masyarakat Melayu sejak sekian lama. Beliau amat anti dengan amalan khurafat dan bidaah yang telah lama meresap dalam amalan masyarakat Melayu. Dalam mengatasi masalah ini beliau gemar menggunakan cara yang lebih ‘mau’izah’ iaitu menggunakan kaedah membimbing agar segala tunjuk ajarnya boleh diterima dan terus dijadikan amalan yang kukuh dan tidak lagi bercampur dengan amalan dan perkara yang bukan dari Rasulullah s.a.w.<sup>363</sup> Sungguhpun beliau komited dengan pembaharuan tetapi beliau lebih selesa menggunakan pendekatan kesederhanaan dalam membimbing dan mendidik masyarakat agar dapat menerima ilmu yang beliau ajarkan.

Sheikh Junid bijak memilih pendekatan yang sesuai dalam segala bentuk pembaharuan yang beliau dokong agar masyarakat Melayu yang menerima didikan dari beliau tidak merasa janggal atau pelik dengan idea tersebut dan akibatnya nanti akan menjauhkan diri. Idea pembaharuan yang beliau bawa tidak boleh dibanding seperti yang berlaku di Perlis kerana apa yang berlaku di Perlis lebih menumpukan perhatian kepada perkara-perkara yang khilafiah yang mempunyai perselisihan pendapat di kalangan para ulama dalam memahami dalil-dalil ataupun perkara yang diketengahkan sama ada ia sunnah atau tidak sunnah apabila membabitkan perkara-perkara ibadah. Antara tumpuan Sheikh Junid dalam membimbing dan mengajar murid-murid dan masyarakatnya ialah pendekatan yang membangunkan mental dan perubahan sikap.<sup>364</sup> Beliau juga menekankan bahawa setiap musli harus menggunakan akal fikiran semaksima mungkin bagaimana mahu membangunkan ilmu pengetahuan, menggalakkan berfikir mengenai

---

<sup>362</sup>*Ibid.*

<sup>363</sup>*Ibid.*

<sup>364</sup>*Ibid.*

perjuangan membebaskan diri dari kongkongan penjajah dan seterusnya berfikir bagaimanakah cara untuk meningkatkan pencapaian ekonomi orang Melayu.

Beliau tidak memilih jalan yang boleh menimbulkan ketegangan dan konfrantasi dengan masyarakat malah memilih jalan dengan pendekatan yang lebih berhikmah. Sungguhpun pendekatan yang beliau kemukakan itu dilihat lembut tetapi beliau tetap tegas dan bersikap serius terutama yang membabitkan amalan-amalan bidaah atau amalan-amalan khurafat yang dilakukan oleh sesiapaupun.<sup>365</sup> Oleh kerana itulah sekolah yang beliau asaskan agak berbeda dengan sekolah-sekolah agama yang lain kerana sekolah dibawah bimbingannya bukan semata-mata diajarkan ilmu agama tetapi beliau menerapkan juga ilmu cara hidup yang baik secara berdikari sesuai dengan apa yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. kepada murid-muridnya dan tidak bergantung harap dengan orang lain dalam meneruskan kehidupan.<sup>366</sup>

Sheikh Junid telah meninggal dunia pada hari Selasa 10 Mac 1948 dan dikebumikan di kampung kelahirannya sendiri iaitu di Tapanuli Selatan. Jenazahnya dikebumikan di hadapan Madrasah Al-Junidiah Kampung Tartola pada usia 51 tahun.<sup>367</sup> Setelah beliau meninggal dunia, madrasah SMADI yang beliau asaskan mulai suram dan mengalami zaman kemerosotan. Kehilangan Sheikh Junid seakan tiada yang layak menggantikannya untuk meneruskan kesinambungan madrasah yang telah beliau asaskan dan bangunkan sehingga Kampung Lalang menjadi salah sebuah pusat pendidikan ilmu agama yang menjadi tumpuan mereka yang cintakan ilmu. Selama lebih dari 40 tahun sekolah SMADI bergelut untuk menempatkan diri dalam meneruskan kecemerlangan yang telah dibawa oleh Sheikh Junid sehinggalah pada tahun 1996 barulah terdapat

---

<sup>365</sup>*Ibid.*

<sup>366</sup>*Ibid.*

<sup>367</sup>*Ibid.*



inisiatif untuk membangunkan semula sekolah/ madrasah yang pada satu ketika pernah menjadi tumpuan masyarakat di seluruh pelusuk negeri Perak datang untuk belajar ilmu dengan ulama yang tersohor iaitu Sheikh Junid.

#### **4.8.Pembangunan dan pembaharuan**

Populariti madrasah mula merudum dan merosot setelah Sheikh Junid kembali ke kampung asalnya.. Jika sebelum ini madrasah amat popular dan menjadi tumpuan pelajar-pelajar yang mahu mempelajari ilmu agama sama ada dari kalangan penduduk tempatan mahupun yang datang dari luar daerah semakin berkurangan. Walaupun madrasah tidak ditutup terus tetapi madrasah yang suatu ketika rancak sebagai pusat pengajian ilmu-ilmu agama telah menjadi perlahan dan kurang aktif. Pengajian agama masih lagi berjalan tetapi berkala mngikut hari-hari tertentu manakala pelajarnya pula hanya kalangan penduduk tempatan sahaja.

Keadaan seperti ini berlarutan sehinggalah pada tahun 1995 kerana pada tahun inilah bermulanya cadangan untuk menghidupkan semula SMADI. Cadangan itu datang dari Ustaz Abdullah Afifi seorang pesara Nazir di JAIP yang mana ketika itu beliau menjadi Pengerusi Lembaga Sekolah (PLS) dan juga sebagai salah seorang tenaga pengajar telah mengemukakan cadangan dalam mesyuarat. Ketika itu SMADI hanya mempunyai sebuah bangunan sahaja. Semua urusan berkaitan pentadbiran serta kelas pengajaran dan pembelajaran berada dalam satu bangunan sahaja.

Pada tahun 1995 juga bermulanya pengambilan pelajar yang pertama mendaftar masuk ke tingkatan satu seramai lima orang dan pada tahun berikutnya seramai sebelas

orang pelajar terdiri dari sembilan pelajar lelaki dan dua pelajar perempuan lagi mendaftar untuk belajar di SMADI menjadikan kesemua pelajar seramai enam belas orang berada di tingkatan satu dan tingkatan dua.<sup>368</sup> Kesemua pelajar itu berasal dari kampung sekitar.

Ustaz Abdullah Afifi hanya mentadbir SMADI selama setahun kerana beliau telah jatuh sakit dan meninggal dunia pada tahun 1996 sebelum penyusunan semula madrasah berjaya dilaksanakan sepenuhnya. Selepas tahun 1997 En. Jurij bin Jalaluddin yang ketika itu menganggotai Lembaga Pengurusan Sekolah telah dipilih untuk menggantikan Allahyarham Ustaz Abdullah Afifi meneruskan pentadbiran SMADI dan juga sebagai penyambung harta-harta wakaf supaya berterusan jariah kepada pemilik wakaf tersebut. Ketika itu sekolah beroperasi sebagai sebuah sekolah swasta kerana ianya dijalankan secara persendirian dan di bawah pentadbiran PLS dan tidak ada sebarang bantuan yang diberi kepada pihak sekolah. En. Jurij juga bertindak sebagai pengetua yang mentadbir pengurusan perkara-perkara yang berkaitan dengan madrasah. Pengkaji melihat bahawa pemilihan En. Jurij sebagai pengetua merupakan satu pilihan yang tepat bagi membangunkan semula madrasah SMADI kerana beliau merupakan seorang yang mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi dan amat berminat dalam pendidikan. Pengkaji mensifatkan beliau sebagai tokoh pembaharuan kepada madrasah.

#### **4.9. Tokoh Pembaharuan: Dr. Hj. Jurij Bin Jalaludin A.M.P., P.P.T.**

##### **4.9.1. Latar belakang Pendidikan dan Pekerjaan**

Bermula dari tahun 1996 hingga sekarang SMADI ditadbir oleh Dr. Hj. Jurij bin Jalaludin. Beliau merupakan pengetua SMADI yang paling lama berkhidmat untuk madrasah ini. Beliau memulakan persekolahan di Sekolah Rendah Clifford dan Sekolah

---

<sup>368</sup>Jurij b Jalaluddin, op.cit

Menengah Clifford, Kuala Kangsar sebelum menyambung pengajian peringkat diploma iaitu Diploma Siswazah Pengurusan Sumber Manusia di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Seterusnya beliau menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial di UKM, Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan UKM dan menyambung lagi ke peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Psikologi di universiti yang sama. Daya kepimpinan beliau telah terserlah ketika menuntut di UKM lagi, beliau bergiat aktif dalam persatuan pelajar dan pernah menjadi Exco PKPIM dan Naib Yang DiPertua PMUKM pada tahun 1983-1985.<sup>369</sup>

Antara tugas dan jawatan lain yang pernah dan sedang disandang oleh beliau ialah ahli Majlis Perbandaran Daerah Kuala Kangsar dari tahun 2004-2008, Penolong Pengarah (Tugas-Tugas Khas) Biro Tata Negara, Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1986-1992, Setiausaha kerja PEMADAM negeri Pulau Pinang pada tahun 1982-1983, ahli Jawatankuasa Badan Kebajikan Guru Wilayah Padang Rengas (BKGWPR) bermula dari tahun 2008 hingga sekarang. Selain itu beliau menjadi pengerusi PIBG SK Perempuan, Padang Rengas dan pengerusi Biro Pendidikan Majlis Pengetua Sekolah-sekolah Negeri Perak sejak dari tahun 2006 hingga kini. Dr Jurij pernah menganggotai pasukan RELA dari tahun 2001-2005, menjadi setiausaha Kelab Warisan Negeri Perak dari tahun 2000-2009, menjadi Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Chenderoh dari tahun 2000-2003, menjadi Pengerusi, pembinaan surau Taman Seroja, Lubok Merbau, kini Dr Jurij menjawat jawatan Pengetua, Sekolah Menengah Agama Ad-Diniah Al-Islamiah, Kg Lalang, Padang Rengas (SMADI) sejak dari tahun 1996 hingga sekarang.

Beliau telah menjadi pengerusi Jemaah Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR) Madrasah Diniah Islamiah sejak dari tahun 1979 hingga sekarang. Beliau pernah dilantik

---

<sup>369</sup>Temu bual bersama Dr Jurij bin Jalaludin di pejabat SMADI pada 26 Februari 2016 (Jumaat), 9.00pagi

sebagai setiausaha, Majlis Pengetua Sekolah-sekolah Agama Negeri Perak pada tahun 2006-2011. Dengan kegigihan dan usaha memartabatkan pembangunan sekolah-sekolah agama di Perak, beliau telah dipilih menjadi pengerusi, Majlis Pengetua Sekolah-sekolah Agama Bantuan Kerajaan Peringkat Kebangsaan serta AJK Majlis Pengetua-pengetua Malaysia Daerah Kuala Kangsar sejak tahun 2012 hingga sekarang. Selain dari itu beliau terlibat sebagai tenaga penggerak program Biro Tata Negara (BTN) Jabatan Perdana Menteri dengan menjadi penceramah dan fasilitator bermula dari 1992 hingga sekarang. Dengan ketokohan dan bakat sebagai seorang pentadbir yang cekap, Dr Jurij telah dilantik sebagai Setiausaha Sulit Kanan kepada Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia iaitu Dato Seri Nazri Tan Sri Aziz bermula tahun 2013 hingga kini.

#### **4.10.Usaha-usaha Dr. Hj. Jurij bin Jalaludin dalam membangunkan SMADI**

##### **4.10.1.Latihan Perguruan untuk guru-guru**

Selain membangunkan prasarana fizikal SMADI untuk mewujudkan suasana pelajaran dan pembelajaran yang selesa kepada para pelajar, Dr Jurij tidak mengesampingkan juga kebajikan para guru. Bagi memantapkan lagi kemahiran pengajaran, Dr Jurij menghantar para guru menghadiri latihan perguruan.<sup>370</sup> Tumpuan latihan diberikan kepada para guru yang mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Guru-guru tersebut perlu menghadiri latihan perguruan ketika cuti sekolah selama dua tahun dan layak menerima Diploma Perguruan.<sup>371</sup> Selain itu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga menghantar beberapa orang guru yang terlatih dan mempunyai kepakaran tertentu untuk memantapkan lagi pengajaran dan pembelajaran para pelajar SMADI.<sup>372</sup> Bilangan guru

---

<sup>370</sup>Temu bual Bersama Pengetua SMADI pada 8 April 2016 (Jumaat), op.cit

<sup>371</sup>Ibid.

<sup>372</sup>Ibid.

yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk berkhidmat di SMADI ketika ini seramai 29 orang (10 orang guru lelaki dan 18 orang guru perempuan) termasuk 4 orang guru Azhariah yang mengajar mata pelajaran Bahasa Arab dan matapelajaran Idadi dan Thanawi.<sup>373</sup> Gaji guru-guru Azhariah ini dibayar oleh Lembaga Pengurusan Sekolah (LPS) manakala gaji guru-guru yang dilantik oleh KPM dibayar gaji oleh kerajaan.<sup>374</sup>

#### **4.10.2. Penyusunan semula Kurikulum**

Apabila Dr Jurij mengambil alih jawatan pengetua SMADI secara rasminya pada tahun 1997, status madrasah adalah sebagai Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR). Tanpa mengenal penat lelah, pengetua terus berusaha membangunkan semula madrasah dengan modal yang begitu terhad. Namun berkat kesabaran dan niat yang murni, SMADI mendapat perhatian dari kerajaan untuk dibantu supaya dapat dilakukan pembaharuan. Pada Januari 2006 secara rasminya SMADI telah dipilih dan diserap menjadi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Hasil daripada itu, pada tahun 2007, sebuah lagi bangunan dua tingkat dibangunkan sebagai tambahan kepada bangunan yang sedia ada untuk dijadikan kelas untuk pengajaran dan pembelajaran pelajar.<sup>375</sup>

Dengan adanya beberapa bangunan baru yang mencukupi dan dapat memberikan keselesaan kepada para pelajar untuk belajar, dapat meningkatkan keyakinan masyarakat untuk menghantar anak-anak mereka belajar di SMADI.

Jadual 4 : Bilangan pelajar yang mendaftar di SMADI pada 2005-2009<sup>376</sup>

---

<sup>373</sup>Ibid.

<sup>374</sup>Ibid.

<sup>375</sup>Majalah SMADI Edisi keempat (2014), hal 8, op.cit

<sup>376</sup>Dokumen Profil Sekolah (t.t)

| BIL PELAJAR PEREMPUAN | ENROLMEN |      |      |      |      |
|-----------------------|----------|------|------|------|------|
|                       | 2005     | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 |
| TINGKATAN 1           | 13       | 34   | 41   | 51   | 71   |

Jadual 4 diatas menunjukkan bilangan pelajar yang mendaftar masuk ke tingkatan 1 di SMADI semakin meningkat dari tahun 2005 hingga 2009 kesan dari kemudahan infrastruktur sekolah yang semakin lengkap dan sistem pembelajaran yang lebih tersusun telah menarik minat pelajar untuk bersekolah di SMADI. Mata pelajaran yang diajar di SMADI juga telah disusun semula agar selaras dengan sekolah-sekolah kerajaan yang lain dan tertakluk dibawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Semua pelajar tersebut nanti akan menduduki peperiksaan PMR dan SPM yang sama dengan sekolah-sekolah kerajaan yang lain di seluruh negara. Bagi pelajar yang berada di menengah rendah mata pelajaran akademiknya yang mesti dipelajari ialah bahasa Melayu, bahasa Inggeris, sejarah, geografi, bahasa Arab, pendidikan Islam, matematik, sains dan kemahiran hidup bersepadu –ERT.

Matapelajaran Azhariah pula atau lebih dikenali dengan kelas Idadi iaitu kelas persediaan, matapelajaran yang wajib dipelajari oleh pelajar SMADI ialah *nahu, sorof, tafsir, hadith, mutola'ah, tauhid, sirah* dan *fiqh*. Matapelajaran akademik untuk pelajar yang berada di menengah atas pula ialah bahasa Melayu, bahasa Inggeris, sejarah, matematik, sains, bahasa Arab tinggi, ekonomi asas, pendidikan Quran Sunnah dan pendidikan syari'ah Islamiyah. Matapelajaran Azhariah untuk pelajar menengah atas pula ialah *nahu / sorof, balaghah, tafsir, hadith, tauhid* dan *mutola'ah / insyak*.

Antara perbezaan yang ketara pelajar SMADI dengan pelajar-pelajar sekolah yang lain ialah bilangan mata pelajaran tambahan yang perlu mereka pelajari sesuai dengan taraf sekolah tempat mereka belajar. Dengan itu ilmu yang dipelajari mereka di SMADI lebih seimbang antara pelajaran akademik dan agama yang menjadikan mereka lebih pengetahuan dalam dua bidang berbanding dengan pelajar-pelajarsebaya mereka yang belajar di sekolah menengah biasa. Dengan perubahan kurikulum yang telah dilakukan oleh Dr Jurij, para pelajar SMADI berpeluang untuk mengambil peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Sebelum diambil alih oleh KPM sebagai sekolah SABK kurikulum madrasah lebih menumpukan pendidikan agama tanpa ada belajar pelajaran akademik.

#### **4.10.3.Meningkatkan Kecemerlangan Akademik**

Usaha ke arah mewujudkan perubahan positif demi kecemerlangan pelajar yang dijalankan oleh Dr Jurij selaku pentadbir dengan sokongan dan bantuan dari warga SMADI telah mula menampakkan hasil. Penyusunan semula sukatan pelajaran, usaha yang berterusan dalam memantapkan lagi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, guru-guru yang mendapat latihan perguruan secara sistematik, suasana pembelajaran yang boleh dikatakan moden menjadi asas kepada kemenjadian dan kecemerlangan para pelajar. Ini dapat dilihat dari pencapaian pelajar dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), *Thanawi* dan *Idadi*. Pada tahun 2011, dua orang pelajar telah mendapat 8A dalam peperiksaan PMR, dua orang pelajar masing-masing telah mendapat 7A dan 6A dalam peperiksaan SPM dan dua orang pelajar telah mendapat pangkat Mumtaz dalam peperiksaan *Thanawi* dan *Idadi*<sup>377</sup>. Diikuti pada tahun 2012, seorang pelajar masing-masing telah berjaya mendapat 7A dalam peperiksaan PMR

---

<sup>377</sup>Majalah SMADI Edisi Pertama (2011), hal 34, 35, op.cit

& SPM, enam orang lagi berjaya mendapat pangkat Mumtaz dalam peperiksaan I'dadi dan dua orang telah berjaya mendapat pangkat *Mumtaz* dalam peperiksaan *Thanawi*.<sup>378</sup>

Pengajian Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) telah bermula di SMADI pada tahun 2012.<sup>379</sup> Sambutan terhadap pelajar-pelajar yang ingin menyambung ke peringkat STAM begitu membanggakan. Masyarakat mempercayai dan yakin bahawa SMADI mampu dan mempunyai kelengkapan yang cukup untuk menjalankan pengajian peringkat tinggi. Enrolmen pelajar yang mendaftar pengajian STAM sejak mula diwujudkan adalah seperti berikut:

Jadual 5 : Bilangan pelajar yang mendaftar memasuki pengajian STAM di SMADI dari tahun 2012-2015

| <b>BIL</b> | <b>TAHUN</b> | <b>BIL.PELAJAR</b> |
|------------|--------------|--------------------|
| 1          | 2012         | 21 ORANG           |
| 2          | 2013         | 20 ORANG           |
| 3          | 2014         | 12 ORANG           |
| 4          | 2015         | 19 ORANG           |

Sumber : Dokumen Pendaftaran Pelajar SMADI

Mata pelajaran yang diajar di peringkat STAM adalah seperti berikut:

Jadual 6 : Senarai mata pelajaran perlu dipelajari oleh pelajar di peringkat STAM

<sup>378</sup>Majalah SMADI Edisi Kedua (2012), hal 36, 37, op.cit

<sup>379</sup>Temu bual bersama Penolong Kanan 1 SMADI Ustazah Wahidah di Bilik Gerakan pada 21 Julai 2016



| BIL | MATA PELAJARAN STAM       |
|-----|---------------------------|
| 1   | Hafaz al-quran & tajwid   |
| 2   | Fqh                       |
| 3   | Tauhid & mantiq           |
| 4   | Tafsir & ulum tafsir      |
| 5   | Hadith & mustalahul hadis |
| 6   | Nahu & sorof              |
| 7   | Insya' & mutola'ah        |
| 8   | Adab & nusub              |
| 9   | Arudh & qafiah            |
| 10  | Balaghah                  |

Sumber: Majalah SMADI Edisi Ketiga 2013

Ternyata kemampuan SMADI dalam mewujudkan kelas STAM terserlah dengan kejayaan para pelajarnya. Pada tahun 2013, seorang dari pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)<sup>380</sup> telah berjaya mendapat pangkat *Jayyid Jiddan* dalam peperiksaan tersebut manakala pada tahun 2014 seorang pelajarnya telah berjaya mendapat pangkat *Jayyid Jiddan* dalam peperiksaan yang sama. Dalam peperiksaan PMR kelas *Thanawi & Idadi*, dua orang pelajar masing-masing telah berjaya mendapat 7A dan 6A dalam peperiksaan PMR. Bagi pelajar yang mengambil peperiksaan Idadi dan Thanawi pula

<sup>380</sup>Kelas STAM di SMADI mula dibuka pada tahun 2012.

masing-masing seramai 7 & 8 orang pelajar telah berjaya mendapat pangkat Mumtaz.<sup>381</sup> Enam orang pelajar Idadi telah berjaya mendapat pangkat Mumtaz diikuti pula kejayaan pelajar dalam peperiksaan Thanawi apabila lapan orang pelajarnya telah berjaya mendapat pangkat Mumtaz.<sup>382</sup>

Dengan perkembangan ini, pengkaji dapat simpulkan bahawa pembangunan semula SMADI dengan pembaharuan-pembaharuan yang menyeluruh sama ada dari segi komitmen pengetua, kerjasama antara sesama warga SMADI, kemudahan infrastruktur yang lengkap, suasana pengajaran dan pembelajaran yang cekap dengan guru-guru yang berkemahiran, serta komitmen para pelajar untuk belajar ilmu dapat menjadi pemangkin kepada kejayaan semua pihak.

#### **4.10.4.Pencapaian Kokurikulum**

Bagi melengkapkan program perkembangan dan pembangunan pelajar SMADI, Dr Jurij telah memperkenalkan kegiatan kokurikulum seperti yang terdapat di sekolah-sekolah lain. Antara tujuan aktiviti kokurikulum ini diwujudkan untuk mendedahkan para pelajar dengan beberapa bidang kemahiran seperti kemahiran kepimpinan, kemahiran merancang sesuatu program dan aktiviti, untuk melatih pelajar supaya lebih berdisiplin, kemahiran menggerakkan persatuan / kelab dan unit beruniform dan aktiviti sukan demi memantapkan lagi perkembangan minda dan fizikal serta merealisasikan pengetahuan sedia ada pelajar secara praktikal.<sup>383</sup>

---

<sup>381</sup>Majalah SMADI Edisi ketiga 2014, hal 25, 27,28

<sup>382</sup>Majalah SMADI Edisi keempat 2014, hal 26,27

<sup>383</sup>*Ibid.*

Semua pelajar diwajibkan menjadi ahli rumah-rumah sukan. Ada empat rumah sukan yang mesti diwakili oleh semua pelajar SMADI iaitu Baitul Akhdor, Baitul Ahmar, Baitul Azraq dan Baitul Asfar.<sup>384</sup> Selain itu terdapat beberapa persatuan dan kelab telah ditubuhkan oleh Dr Jurij yang juga wajib disertai oleh semua para pelajar. Persatuan-persatuan dan kelab-kelab itu ialah Persatuan Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris, Persatuan Bahasa Arab & Pendidikan Islam, Persatuan Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) & Ekonomi, Persatuan Geografi & Sejarah, Persatuan Sains & Matematik, Pembimbing Rakan Sebaya, Kadet Remaja Sekolah (KRS), Kadet Bomba & Penyelamat, Pergerakan Puteri Islam, Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM), Kelab Bola Jaring, Kelab Bola Baling, Kelab Badminton dan Kelab Pingpong.<sup>385</sup>

Kewujudan persatuan dan kelab yang ditubuhkan ini dijadikan sebagai satu landasan latihan kepada para pelajar untuk mengasah bakat kepimpinan yang ada pada mereka sebagai pendedahan awal untuk melahirkan karektor pemimpin yang amat berguna selepas menamatkan pengajian di sekolah dan bakal memimpin masyarakat dan negara di masa hadapan yang juga merupakan impian Dr Jurij dan matlamat SMADI untuk melihat didikan yang dihasilkan juga mempunyai kualiti yang setaraf dengan sekolah-sekolah lain di daerah Kuala Kangsar khasnya dan di negeri Perak umumnya.

#### **4.10.5.Meningkatkan Kecemerlangan Kokurikulum**

Kegiatan kokurikulum mula disusun oleh pengetua SMADI Dr Jurij setelah sekolah di naik taraf menjadi SABK. Kegiatan ko-kurikulum di SMADI bukan semata-mata wujud kerana ianya wujud di sekolah-sekolah lain, tetapi ianya bertujuan untuk

---

<sup>384</sup>Majalah SMADI Edisi Pertama (2011), hal 44,45

<sup>385</sup>*Ibid.*

melatih para pelajar mempunyai daya kepimpinan, membangunkan daya kreativiti dan inovasi, menjadikan para pelajar yang berbakat untuk mengembangkan bakat mereka mengikut kesesuaian aktiviti di samping memantapkan lagi keupayaan minda serta pengetahuan sedia ada mereka. Semua pelajar diwajibkan menjadi ahli kepada mana-mana persatuan atau kelab dan seterusnya bergerak sebagai sebuah organisasi yang diketuai oleh para pelajar. Pelajar yang menganggotai persatuan atau kelab akan bermesyuarat dan merancang aktiviti tahunan untuk semua ahli-ahlinya dengan bimbingan dari guru penasihat. Bakat kepimpinan dan kreativiti para pelajar amat diperlukan untuk menggerakkan persatuan dan kelab yang mereka wakili.

Selaras dengan itu, para pelajar dengan sokongan dan dorongan dari Dr Jurij dan warga SMADI telah melaksanakan satu program inovasi yang dinamakan SIGAI<sup>386</sup> yang merupakan satu inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran LINUS (Numerasi) dan Pemulihan Khas. Kaedah ini amat sesuai digunakan dalam mata pelajaran matematik. SIGAI merupakan satu kaedah dalam inovasi dua digit dengan dua digit. Operasi darab dalam kaedah SIGAI boleh diperluaskan ke operasi yang lebih tinggi. Kaedah SIGAI dalam operasi darab dengan satu digit darab dengan dua digit dapat membantu murid yang tidak menguasai fakta asas darab tanpa perlu menghafal sifir. Sungguhpun begitu murid tersebut perlulah terlebih dahulu menguasai fakta asas tambah. Kumpulan sasaran untuk kaedah SIGAI ini adalah untuk murid-murid LINUS (Numerasi), murid-murid Pemulihan Khas dan murid-murid yang tidak menguasai hafalan sifir dua hingga sifir sembilan atau fakta hasil darab.<sup>387</sup>

---

<sup>386</sup>SIGAI – Singkatan nama sifir garis itamta. Selain itu SIGAI ialah- Tangga yang dibuat daripada sebatang buluh dengan menggunakan anak-anak tangga yang dibuat daripada batang kayu kecil yang berbentuk bulat dengan tujuan untuk memanjat sebatang pokok.

<sup>387</sup>Majalah SMADI Edisi Kedua, (2012), hal 49, 50, op.cit.

Hasil dari inovasi SIGAI yang dicipta oleh pelajar SMADI dengan sokongan pihak-pihak telah dapat membuka mata masyarakat serta pihak-pihak lain mengenai kemampuan daya kreativiti pelajar di sebuah sekolah yang bertaraf SABK. Antara pihak yang mengiktiraf kejayaan itu ialah Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) & Malaysian Invention and Design Society dan Korea Invention Academy yang mana SMADI telah berjaya memenangi anugerah Gold Prize, MINDS Gold Award dan *Special Award* dalam penyertaan mereka di pameran International Engineering Invention & Innovation Exhibition (i-ENVEX) and Malaysian International Young Inventors Olympiad (MIYIO) 2012 pada 29 April 2012.

Inovasi SIGAI telah menyertai Pertandingan Rekacipta Penyelidikan dan Inovasi (PRP) Sekolah Malaysia Peringkat Kebangsaan pada 19 Julai 2012 telah dianugerahkan Gold Medal dan Best Innovation Award oleh Univeriti Putra Malaysia (UPM). Usaha mereka tidak berhenti setakat itu. Atas asas yang telah diusahakan oleh pengetua SMADI yang inginkan pelajar-pelajarnya terus cemerlang, inovasi SIGAI telah menyertai Taipei International Invention Show & Technomart pada 23 September 2012 dan mendapat Award of Excellence dari Inventors College Organization A Division of Accent on Skills Consulting Toronto Canada, mendapat Special Award dari Asia Invention Association, mendapat Honour of Invention dari World Invention Intellectual Property Associations (WIIPA). Seterusnya SMADI mendapat Anugerah Inovasi Negara Kategori Sekolah beserta hadiah sebanyak sepuluh ribu ringgit (RM10,000) dari Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi Malaysia pada 6 November 2012.<sup>388</sup>

Dengan pengiktirafan hasil usaha pengetua, guru-guru dan pelajar SMADI di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa

---

<sup>388</sup>Majalah SMADI Edisi Kedua (2012), hal 51, op.cit.

dengan kemahuan dan usaha gigih serta dibantu oleh pihak-pihak yang mempunyai kepakaran tertentu, infrastruktur yang lengkap akan dapat membangunkan minda pelajar dengan lebih kreatif walaupun mereka belajar di sekolah agama yang serba kekurangan berbanding dengan sekolah lain yang lebih moden. Seharusnya pelajar merasa bangga dengan pencapaian SMADI yang telah diiktiraf di peringkat antarabangsa dan seterusnya meningkatkan lagi usaha gigih mereka bersaing dan mampu mencipta kecemerlangan.

#### **4.11. Program Pengantarabangsaan**

SMADI menambah lagi koleksi pembaharuannya untuk setanding dengan sekolah-sekolah setaraf dengannya di bawah pentadbiran pengetuanya Dr Jurij b Jalaluddin. Program pengantarabangsaan yang pertama SMADI ialah mengadakan hubungan dengan Diniyyah Puteri, Padang Panjang, Sumatera, Indonesia. Antara objektif program ini ialah bagi mewujudkan kerjasama dalam bidang pendidikan di antara dua-dua negara jiran Malaysia dan Indonesia. Dengan adanya program ini diharapkan dapat mempertautkan lagi hubungan pendidikan, hubungan silaturrahim, dapat meneruskan kerjasama yang berterusan dalam bidang pendidikan, dapat meluaskan lagi kerjasama termasuk dalam bidang-bidang yang lain antara dua sekolah khususnya dan antara dua negara amnya.<sup>389</sup> Dengan adanya program seumpama ini kedua-dua sekolah dapat berkongsi kepakaran yang mereka perlukan. Program ini bermula dengan mengadakan lawatan kerja rombongan yang diketuai oleh Toh Maharaja Indera Dato Haji Khairuddin dan Dr Jurij beserta beberapa orang pendidik SMADI dan disertai juga oleh beberapa

---

<sup>389</sup>Dokumen Program Pengantarabangsaan SMADI, op.cit

orang wakil dari Lembaga Pertubuhan Peladang, Padang Rengas pada 13 -16 September 2013.<sup>390</sup>

Manfaat yang didapati dari program pengantarabangsaan sangat positif dan mampu memajukan sekolah serta dapat membuka minda pelajar. Oleh itu agenda program pengantarabangsaan diteruskan oleh pihak pentadbir SMADI pada tahun 2015 dengan mengadakan Ikatan persefahaman MoU dengan Sasnasuka School, Saibun, Pattani, Thailand dan Somboonsaad Islamic Educational Foundation Pattani Thailand dan dengan STIT Diniyyah Puteri Rahmah El-Yunusiyah.<sup>391</sup> Hubungan penanda aras (*Benchmarking*) dengan sekolah-sekolah tempatan juga tetap diusahakan iaitu lawatan ke Maahad Muhammadi Perempuan di Kelantan dan dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Sharifah Rodziah Telok Mas, Melaka iaitu Sekolah Kluster Kecemerlangan.<sup>392</sup>

Segala usaha yang dilakukan oleh Dr Jurij telah mendapat sokongan dari warga SMADI dan mula menampakkan hasil yang ketara dari segi pembaharuan fizikal sekolah dan peningkatan tahap kecemerlangan pelajar dari segi akademik dan kokurikulum. Menurut Penolong Kanan 1 Ustazah Wahidah yang pengkaji temui, ada banyak lagi perkara yang telah dirancang oleh pengetua SMADI dan akan dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

---

<sup>390</sup>*Ibid.*

<sup>391</sup>Temu bual bersama PK 1 SMADI Ustazah Wahidah di Bilik Gerakan pada 21 Julai 2016

<sup>392</sup>*Ibid.*

#### 4.12. Kesimpulan

SMADI setelah hampir 20 tahun di bawah pimpinan Dr. Hj. Jurij bin Jalaludin telah menunjukkan kebangkitan semula dengan beberapa pembaharuan yang telah dilaksanakan dan dilihat telah berada di landasan yang betul untuk kembali mencapai kegemilangannya. Setelah mengharungi zaman kemerosotan dan kemunduran yang begitu lama Dr Jurij merupakan tokoh yang bertanggungjawab memulihkan, memperbaharui dan membangunkan semula serta membawa sinar harapan kepada SMADI. Dengan kesungguhan usaha dan kerja keras beliau serta bantuan dari PLS dan warga sekolah yang mendapat sokongan masyarakat setempat, SMADI mula dikenali semula bukan hanya kerana sebagai warisan sejarah lampau tetapi turut dikenali sebagai sebuah sekolah agama yang cemerlang dari segi akademik, kokurikulum, mampu bersaing dengan sekolah-sekolah lain dan dapat menghasilkan pelajar-pelajar yang mampu membangunkan masyarakat dan negara setelah mereka menamatkan pengajian di situ.

Setelah pengkaji membuat analisis kajian antara perbezaan kurikulum ketika di awal penubuhannya dahulu berbanding dengan selepas dibangunkan semula dengan beberapa pembaharuan yang telah disusun dan dirancang oleh tokoh pembaharuan iaitu Dr Jurij, pengkaji mendapati kesan dari pembaharuan yang telah dilaksanakan secara terancang itu telah memberi nafas baru dan berjaya menarik masyarakat sama ada orang tempatan mahupun dari luar menghantar anak-anak mereka belajar di SMADI. Mereka berasa yakin dengan kemampuan sekolah dalam mendidik anak-anak mereka mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang ketika di sekolah dan seterusnya berjaya menyambung pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi iaitu di universiti. Sesungguhnya kejayaan mengembalikan semula kegemilangan dan kecemerlangan sekolah bukanlah satu kerja yang mudah yang boleh dikecapi dengan sekelip mata, tetapi hasil ketekunan



dan usaha gigih yang tidak mengenal putus asa dalam membangunkan semula merupakan satu usaha yang amat terpuji.

University of Malaya

## **BAB KELIMA**

### **5.1. Pendahuluan**

Bab kelima merupakan bab yang terakhir dalam penulisan ini. Dalam bab ini, kesimpulan dari kajian Sejarah dan Sumbangan Sekolah Menengah Agama Ad-Diniah Al-Islamiah (SMADI) Padang Rengas terhadap pendidikan Islam di negeri Perak telah dibincangkan. Beberapa saranan atau cadangan kepada pihak-pihak berkaitan hasil daripada kajian dikemukakan di sini bertujuan kewujudan institusi pendidikan agama seharusnya diteruskan dan dipertahankan dan mampu memberi sumbangan dan impak dalam membangunkan pendidikan masyarakat.

### **5.2. SMADI di awal penubuhan hingga selepas menjadi SABK**

5.2.1. Kajian yang telah dilakukan terhadap Sekolah Menengah Agama Ad-Diniah Al-Islamiah (SMADI) menunjukkan bahawa ia telah ditubuhkan pada tahun 1925 oleh seorang ulama bernama Sheikh Junid Tola. Sejarah menunjukkan bahawa penubuhan SMADI di Padang Rengas adalah merupakan antara sekolah agama yang ketiga ditubuhkan di negeri Perak. Pada awalnya Sheikh Junid Tola membuka kelas pengajian di sebuah surau di Kampung Lalang, Padang Rengas dan seterusnya berkembang kepada pusat pengajian pondok apabila kelas pengajiannya mendapat sambutan masyarakat untuk mempelajari agama Islam. Sebagai memenuhi kesungguhan masyarakat dalam menuntut ilmu, beliau telah mendirikan sebuah sekolah di atas tanah yang telah diwakafkan.

Setelah meninggal dunia sekolah yang beliau asaskan telah mengalami kemerosotan kerana tiada lagi guru yang bertaraf ulama mampu mengajar ilmu kepada para pelajar di madrasah itu seperti sebelumnya dan ia tidak lagi mampu meneruskan fungsi sebagai sebuah pusat pendidikan untuk masyarakat menuntut ilmu. Sekolah ini kemudiannya telah dibangunkan semula oleh Ustaz Abdullah Afifi selepas hampir 50 tahun tidak beroperasi. Kini SMADI ditadbir oleh Dr. Hj. Jurij b Jalaludin yang telah menjadi pengetua selama hampir 20 tahun. Beliau bertanggungjawab membangun dan mengembalikan fungsi sekolah yang penuh dengan kisah sejarah pendidikan Islam di Perak. SMADI telah membawa beberapa fasa perkembangan bermula dari penubuhannya dan pembangunannya pada tahun 1925- 1930, fasa kegemilangan pada tahun 1931-1945, fasa kemerosotan dan kejatuhan pada tahun 1946 -1996, fasa pemulihan pada 1997-2006 dan fasa pembangunan semula pada 2007 hingga sekarang.

5.2.2. Tujuan asal penubuhan SMADI adalah sebagai satu tempat untuk Sheikh Junid mencurahkan ilmu yang telah beliau pelajari di dalam dan luar negara untuk mendidik, mendekatkan dan memahamkan masyarakat kepada agama Islam. Matlamat penubuhan madrasah ini menjadi pusat pendidikan Islam diteruskan dan dibangunkan oleh Dr Jurij setelah mengalami zaman kegelapannya dikembangkan lagi dengan menambah bidang-bidang pengajian yang bersesuaian dengan keadaan masa kini hingga SMADI mampu berada dalam arus pendidikan perdana.

5.2.3. Atas pengembangan idea dan keberanian pengasas melakukan pembaharuan telah menjadikan SMADI sebagai sebuah pusat pembangunan ekonomi masyarakat dan sebagai pusat pendidikan. Beliau berpendapat, ekonomi masyarakat perlu dibangunkan agar masyarakat Melayu tidak perlu bergantung kepada bangsa-bangsa lain untuk

meningkatkan taraf ekonomi mereka seperti aktiviti perniagaan yang diwajibkan kepada para pelajar mempelajarinya, membantu para pelajar untuk berdikari dan meningkatkan taraf hidup mereka agar menjadi lebih baik. Mata pelajaran sebegini hanya terdapat di SMADI dan tidak diajar di madrasah-madrasah lain.

### **5.3. Dari Sudut Keilmuan dan Kepimpinan**

Sheikh Junid Tola pada masa itu menghendaki pelajar lepasan madrasah boleh memahami al-Quran dan hadith terutama dari segi bacaannya serta ilmu-ilmu agama dan dapat menjadi imam di masjid dan surau serta mengepalai dan memimpin masyarakat dalam aktiviti-aktiviti keagamaan. Penghayatan ilmu-ilmu agama yang diperolehi oleh lepasan madrasah seterusnya akan dimanfaatkan untuk masyarakat perkara-perkara yang berkaitan dengan ibadah khusus seperti amalan-amalan berkaitan solat, puasa, fardhu ain dan sebagainya dan ibadah umum seperti memupuk semangat perpaduan, semangat tolong menolong, bantu membantu, membangunkan ekonomi masyarakat dan sebagainya.

### **5.4. Meningkatkan Kemahiran**

Sebagai ilmu tambahan, pelajar tidak hanya mementingkan ilmu agama semata-mata tetapi perlu dilengkapi juga dengan pelbagai ilmu untuk membangunkan ekonomi masyarakat dengan mempelajari dan menceburi bidang-bidang yang boleh meningkatkan taraf kehidupan masyarakat seperti menceburi bidang pertanian, bidang pembuatan, bidang perniagaan dan bidang perkhidmatan. Bidang pertanian seperti bersawah dan berkebun, dalam bidang perniagaan pula seperti membuka kedai runcit

manakala bidang perkhidmatan pula seperti membuka kedai jahit. Kesemua bidang-bidang ini telah terbukti berjaya meningkatkan taraf hidup masyarakat Melayu Padang Rengas yang mampu hidup berdikari tanpa perlu bergantung dengan bangsa lain dan yang penting ianya amat bersesuaian dengan tuntutan agama Islam dan juga sebahagian dari sunnah Rasulullah s.a.w.

### **5.5.Kesimpulan Khusus Tokoh Pembaharuan SMADI**

Kajian pengkaji mengenai tokoh pembaharuan SMADI Dr. Hj. Jurij bin Jalaludin sejak 1996 hingga sekarang dapat dibuat beberapa kesimpulan:

5.6.1.Latar belakang pendidikan Dr Jurij yang taraf pendidikan sehingga Doktor Falsafah (Phd) menjadikan beliau adalah tokoh terbaik untuk membangunkan semula sebuah madrasah yang berpaksikan kepada pendidikan yang menyeluruh secara terancang dan efisien. Walaupun ia bukan mudah untuk dilaksanakan tanpa komitmen dan semangat juang yang tinggi serta mendapat sokongan dan bantuan dari rakan-rakan sekerja dan masyarakat tempatan dan juga bantuan dari pihak-pihak tertentu yang turut sama berganding dalam merealisasikan hasrat beliau untuk mengembalikan fungsi madrasah yang mempunyai nilai-nilai sejarah yang menarik. Usaha beliau juga turut mendapat bantuan dari lembaga pengurusan sekolah demi memastikan pelajar yang belajar di situ dapat belajar dengan kualiti yang sama seperti yang diperolehi oleh pelajar di sekolah-sekolah lain.

5.5.2.Perubahan infrastruktur madrasah yang usang serta daif telah di perbaiki atas usaha Dr Jurij sejak dari mula-mula beliau dilantik sebagai pengetua SMADI.

Perkara ini pada pandangan beliau amat penting untuk diutamakan untuk dilakukan pembaikan kerana untuk meyakinkan para ibu bapa dan masyarakat menghantar anak-anak mereka belajar di SMADI agar dapat belajar dengan baik, selesa dan terjamin keselamatan mereka. Walaupun terdapat kekangan masalah khususnya dari segi kewangan untuk tujuan ini tetapi dengan pengalaman luas dan bakat kepimpinan yang ada pada beliau menjadikan segala yang dirancang dapat direalisasikan walaupun mengambil masa yang agak panjang untuk disiapkan tetap tidak menjadikan beliau berputus asa untuk meneruskannya.

5.5.3. Perubahan kurikulum semasa Dr Jurij menjadi pengetua berlaku setelah SMADI diserap menjadi SABK pada tahun 2006. Sejak itu beberapa penambahbaikan dan penambahan kepada kurikulum SMADI mula dilaksanakan. Matapelajaran akademik seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Geografi, Kemahiran Hidup diperkenalkan, manakala kelas tahfiz, kelas STAM, Kurikulum Bersepadu Dini (KBD), kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) juga dilaksanakan dengan kurikulumnya sendiri. Walaupun penambahan kurikulum berlaku, mata pelajaran bahasa Arab, nahu, sorof, usuluddin, tauhid, pengajian al-Quran dan hadith tetap dikekalkan.

5.5.4. Dr Jurij juga telah menyediakan kokurikulum kepada para pelajar sebagai persediaan mereka untuk memenuhi pembangunan sahsiah dan melatih pelajar mengembangkan bakat dari segi kepimpinan, kemahiran merancang, kemahiran mengendalikan aktiviti dan program dan seterusnya dapat membentuk disiplin pelajar. Dengan adanya landasan yang disediakan untuk para pelajar mengembangkan bakat kepimpinan mereka serta melatih mereka agar mampu berdepan dengan pelbagai cabaran dan membentuk semangat kerjasama di samping menjaga sahsiah diri yang membentuk peribadi mulia dan dapat menjadi contoh kepada pelajar lain. Sesungguhnya

perkembangan ini amat diperlukan oleh generasi pelajar alaf baru yang lengkap dengan segala kemahiran sebagai persediaan untuk berhadapan dengan cabaran yang lebih lagi selepas menamatkan pengajian mereka.

5.5.5. Pengkaji berpendapat bahawa keberanian Dr Jurij dalam mewujudkan kelas tahfiz di SMADI mendatangkan kesan positif kepada para pelajar. Setakat dalam pengetahuan pengkaji, madrasah-madrasah atau sekolah-sekolah yang terdapat dalam daerah Kuala Kangsar hanya SMADI sahaja yang memperkenalkan dan menyediakan kelas pengajian tahfiz kepada pelajarnya. Walaupun ia bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan tetapi dengan sikap proaktif Dr Jurij yang mendapat sokongan dan galakan warga SMADI telah mampu dilaksanakan. Usaha Dr Jurij belajar kepakaran bagaimana untuk mengendalikan kelas tahfiz dari sebuah madrasah di Sumatera, Indonesia menjadikan sesuatu yang begitu bernilai dan pendekatan yang amat baik.

5.5.6. Apa yang pengkaji dapat perhatikan, kesan terhadap pembaharuan yang dilakukan oleh Dr Jurij diterima baik dan mendapat sokongan dan kerjasama yang padu dari warga SMADI dan masyarakat. Segala hasrat beliau dapat diterjemahkan melalui idea dan usaha yang membawa manfaat yang begitu besar kepada SMADI khususnya dan bidang pendidikan amnya. Jika dahulunya, pelajar hasil keluaran SMADI hanya sebagai persediaan untuk menjadi imam atau guru al-Quran untuk memenuhi keperluan di surau atau di masjid sekitar kampung, tetapi kini hasrat Dr Jurij lebih besar dan lebih jauh dari itu. Beliau percaya bahawa masyarakat amat memerlukan tenaga-tenaga muda yang yang lengkap dengan ilmu duniawi dan ukhrawi untuk menjadi pendakwah, pembimbing, pemimpin kepada masyarakat agar tidak terpesong hala tuju dan tanggungjawab mereka. Dr Jurij telah berusaha melaksanakan sedaya upaya untuk mengembalikan

kecemerlangan SMADI seperti dahulu dan berani melakukan beberapa pembaharuan yang agresif supaya hasrat itu dapat direalisasikan dan mampu melahirkan pelajar-pelajar yang boleh memimpin dan membimbing masyarakat kepada Islam secara menyeluruh.

## **5.6.Cadangan**

Dari pemerhatian pengkaji sepanjang menjalankan kajian mengenai sekolah ini, terdapat beberapa cadangan atau saranan yang mungkin boleh diambil perhatian oleh pihak-pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung. Perkara di bawah dikemukakan.

5.6.1. Dalam kajian ini, pengkaji memberi tumpuan kepada penubuhan awal SMADI, zaman kecemerlangan pendidikannya, zaman malapnya dan zaman pembangunan semula dengan beberapa pembaharuan. Sekiranya ada pihak yang ingin meneruskan kajian ini, pengkaji mencadangkan kajian seterusnya memberi tumpuan kepada tanggungjawab dan peranan masyarakat setempat kepada meneruskan visi dan misi SMADI dalam membantu pihak pentadbir sekolah meneruskan agenda menjadi sebuah pusat pendidikan Islam unggul di Padang Rengas khususnya dan daerah Kuala Kangsar amnya.

5.6.2. Dalam penulisan kajian ini, pengkaji telah membuat kajian mengenai pembangunan bagi melengkapkan infrastruktur asas yang diperlukan sebagai sebuah pusat pendidikan telah berjaya diwujudkan di SMADI setelah pembaharuan dilaksanakan. Bagi individu-individu yang ingin meneruskan kajian dalam skop ini, pengkaji mencadangkan



supaya tumpuan kajian terhadap membangunkan infrastruktur khusus bagi SMADI dalam misi mencapai kecemerlangan yang bersesuaian dengan sistem pengajian yang dilaksanakan kini perlu diwujudkan. Sekiranya usaha ini mencapai matlamatnya, ia bakal menjadikan SMADI sebagai sebuah pusat pendidikan Islam dengan sistem tersendiri yang ulung di Padang Rengas.

5.6.3. Pengkaji juga telah membuat kajian mengenai persediaan secara komprehensif yang telah dilakukan oleh pihak pentadbir untuk menjadikan SMADI sebagai sebuah pusat pendidikan Islam yang mampu bersaing pada masa depan dengan sekolah-sekolah yang terdapat di Padang Rengas dan telah terbukti berperanan dalam menyumbangkan pembangunan ekonomi kepada masyarakat setempat. Bagi kajian yang seterusnya bagi skop ini, pengkaji mencadangkan kepada bekas-bekas pelajar SMADI menjalankan usaha yang boleh dilaksanakan seperti menjadikan SMADI sebagai sebuah pusat pelancongan bagi sektor pendidikan Islam serantau yang berupaya menjadikan SMADI sebagai hub pelancongan pendidikan Islam bagi bidang ilmu terpilih di Nusantara.

## Bibliografi

### Rujukan Buku

Abdul Halim El-Muhammady (1991), "*Pendidikan Islam (Falsafah, Disiplin dan Peranan Mendidik)*". Kuala Lumpur: ABIM.

\_\_\_\_\_, (1984), Pendidikan Islam: "Skop dan Matlamat" *Jurnal Pendidikan Islam*, Bil.1. Selangor; Angkatan Belia Islam Malaysia.

Abd. Al-Rahman Al-Ba'ni (1983), *Madkhal ala Tarbiyyah fi Dau'I al-Islam*. Cet 2. Beirut: Maktabah Al-Islam.

Abu A'la Maududi (1985), Terjemahan, HOK Rahmat, Selangor : Dewan Pustaka Fajar.

Al-Imam Muslim, Terjemahan Hadis (2002), Singapore, Darel Fajr Publishing House.

Abdullah Fatah Thayyarah (1996), *Ruh al-Din al-Islam*, cetakan ke 2.

Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Halim Mat Diah (1989). *Islam dan Demokrasi Pendidikan*. Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia.

Abdullah Nasih Ulwan (1988), *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam*, terj.Syed Ahmad Semait, Singapura, Pustaka Nasional Pte. Ltd.

Abdul Karim Abdullah, Ghazali Basri (1979), *Latar Belakang & Sejarah Malaysia Moden*, Kuala Lumpur, Penerbitan Adabi Sdn. Bhd .

Ahmad Johari bin Hj Sihes, Abdul Rahim bin Hamdan, Jamaluddin bin Ramli, Nor Salis binti Samingan (2002), "*Pengaruh Pengetahuan Agama ke Atas Amalan Agama dan Gaya Hidup Mahasiswa Islam Universiti Teknologi Malaysia.*" Thesis (Bachelor's)

Ahmad Mahdzan Ayob (1985), *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi: Satu Pengenalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ahmad Jelani Halimi dan Ishak Saat (2010), *Warisan Melayu Perak*, Penerbit UTHM.
- Arba'iyah Mohd Noor, (2008) *Perkembangan Pendidikan Islam Di Kelantan, Jurnal of Malaysia in History*, No.36.
- \_\_\_\_\_,(2011) *Perkembangan Pensejarahan Islam di Alam Melayu, Jurnal Al-Tamadun* Bil.6, 29-50.
- Abdullah Jusuh (1989), *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adnan Haji Nawang (1998), "*Perak Dahulu dan Sekarang*", Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Abdul Rahman Abdullah (1998), "*Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*"  
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Badriyah Hj Salleh, Tan Liok Ee, (1997), *Alam Pensejarahan; Dari Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Badlihisam Mohd Nasir (2010), *Pendidikan Dalam Gerakan Islam di Malaysia : Satu Tinjauan*, 2010/01/01 SP-JF Journal of Islamic and Arabic Education.
- Ernest Klein (1996), *A Comprehensive Dictionary of The English Language*. Amsterdam: Elsevier Publishing Company
- Teuku Ibrahim Alfian (1972/73), *Pengertian Kata Sejarah, Jebat*, bil. 2, Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, hal.8.
- Esmail Haji Mohd Salleh (t.t), *Islam di Malaysia*, Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam di Negeri Perak Sebelum dan Selepas 1949, Persatuan Sejarah Malaysia.
- Ghazali Darussalam (2004), *Pedagogi Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hajah Noresah Baharom (2005), *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hj. Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Ismail Ab. Rahman (1993), *Pendidikan Islam Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ibn Khaldun (t.t), *Muqaddimah Ibn Khaldun*, Ali Abd. Al-Wahid Wafi, Qahirah: Dar Al-Nahdhah.

Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta; Yayasan Penerbitan FIP-IKIP

Mohammad Redzuan Othman (2005), *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

\_\_\_\_\_, (1999), Sheikh Junid Tola, *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu Jilid 4*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, hal 2392-2393.

Ishak Saat (2012), *Politik dan Masyarakat Melayu Perak*, Penerbit UTHM.

\_\_\_\_\_, (2007), *Sejarah Politik Melayu Pelbagai Aliran*, Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.

John Dewey (1944), *Democracy and Education: An Introduction to the Philosophy of Education*. New York: The Macmillan.

Jurij Jalaludin (2102), *Sejarah Sekolah Agama Di Perak, Utusan Melayu*.

Khoo Kay Kim dan Mohd Fadhil Othman (1995), *Pendidikan di Malaysia Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Kementerian Pelajaran Malaysia (1972), *Laporan Mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran Terhadap Pelajaran Ugama Islam Mengikut Syor-Syor Penyata Razak 1965, dan Jawatankuasa Menyemak Pelajaran 1960*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2007), *Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*, Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

\_\_\_\_\_, (1998), The Role Of Makka Educated Malay in the Development of Early Islamic Scholarship and Education in Malay, *Journal of Islamic Studies*, v. 9:2.

\_\_\_\_\_(2005), Islam dan Masyarakat melayu, Peranan dan Pengaruh Timur Tengah, Kuala Lumpur, Penerbit: Universiti Malaya.

Mohd Roselan Ab Malik (1993), *Salasilah Nama Tempat Negeri Perak Darul Ridzuan. Selangor*: Penerbit Prisma Sdn. Bhd.

Muhd Yusof Ibrahim & Mahyuddin Hj Yahya (1968), *Sejarawan dan Pensejarahan: Tokoh dan Karya*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Muhammad Idris Abd Rauf (1990), kamus Idris Al-Marbawi. Kuala Lumpur: Darul Al-Fikr.

\_\_\_\_\_, Kamus Idris Al-Marbawi, cetakan yang kelima, juzuk yang pertama Dar Ahyail kutub Al ‘Arabiyah, Indonesia..

Mak Soon Sang (1996), *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Mok Soon Sang dan Lee Shok Mee (1988), *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur, Kumpulan Budi.

Muhammad Said Ramadhan Al-Buti. Fiqh Sirah 1, terj. Ustaz Mohd Darus Sanawi Ali (1991)

Danny Wong Tze-Ken, Joseph M. Fernando, Mardiana Nordin dan Sivachandralingham Sundra Raja (2006), *Malays, Islam and The Middle East Before World War II: A Critical Analysis on the Historical Sources*.

Mohd Kamarulnizam Abdullah (2009), *The Augmentation of Radical Ideas and The Role of Islamic Educational System in Malaysia*, *Studia Islamika*, Indonesian Journal for Islamic Study, Vol 16, no 1, hal. 86.

Mohd Salleh Lebar (1992), *Perubahan dan Kemajuan Pendidikan di Malaysia*, Kuala Lumpur, Nurin Enterprise.

M.A.Fawzi Basri (1986), Sekolah Pengajian Asasi UUM, Perak Sebelum dan Selepas Perang Dunia Kedua, Satu Analisis Tentang Nasionalisme Orang Melayu, Analisis Jld 1. Bil 1.

Mohd Rosmizi Abd Rahman, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Marina Munira Abdul Mutalib, Roslizawati Mohd Ramly (2014), Agama-Agama Di Dunia, Negeri Sembilan, Universiti Sains Islam Malaysia.

Mohd Roslan Mohd Noor, Wan Mohd Tarmizi Wan Othman (2011), Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam Di Malaysia, *Jurnal at-Ta'dib*. Vol 6, No 1.

Mohd Shith Haji Mohamed (1984), Pengajaran Agama Islam Secara Pondok di Perak, Jabatan Pendidikan Negeri, Perak.

Mohd Yusuf Ahmad (2004), *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur, Penerbit: Universiti Malaya.

Norsiah Sulaiman, S. Salahuddin Suyurno & Fairuzah Hj. Basri, Pendidikan Islam: Tinjauan Metodologi Islam dan Realiti Hari Ini, ISOIT 2004.

Oxford Advance Learner's Dictionary, Fourth Edition, (1989) Oxford University Press.

Othman Lebar (2014), Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metode, Penerbit UPSI.

Pyan Husayn (1975), "*Teori dan Metode Sejarah*", Dewan Bahasa dan Pustaka Jil. 19, bil 3, Mac 1975

Rahimin Affandi Abd. Rahim (2005), Citra Islam dalam Pembentukan Manusia Melayu Moden di Malaysia: Satu Analisa, Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 15.

Sayyid Abul 'Ala Maududi (1960), Towards Understanding Islam, Khursid Ahmad (terj.). Lahore: Islamic Publishing Limited.

Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1969), Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay- Indonesian Archipelago, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siddiq Fadhil (1998), *Minda Melayu baru*, Institut Kajian Dasar, Kuala Lumpur.

Tajudin Saman (1993), *Tokoh Ulama Nusantara*, Berita Publishing Sdn Bhd.

Tarif Khalidi (1975), *Islamic Historiography; The Histories of Mas'udi*. Albany; State University of New York Press.

Tan Liok Ee (1990), *Dasar Pendidikan Dalam Konteks Dekolonialisasi : Semenanjung Tanah Melayu (1945-1955)*, dalam Cheah Boon Kheng dan Abu Talib Ahmad (ed), *Kolonialisasi Di Malaysia*. Petaling Jaya. Penerbit Fajar Bakti.

Universiti Malaya (2004), "*Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)*", Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Winstedt, R.O. (1970), *Kamus Bahasa Melayu*, Cetakan 4. Kuala Lumpur: Marican & Sons Sdn. Bhd

Webster's Unified Dictionary and Encyclopedia.

Wong Hoy Kee dan Gwee Yee Hean (1972), *Perspective; The Development of Education in Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur. Heinemann Education Book.

William R. Roff (1967), *The Origins of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Zainal Abidin Abdul Kadir (1994), *Ke arah Amalan dan Penghayatan Nilai Islam Satu Pendekatan Bersepadu*, dalam, Abdul Halim El-Muhammady, *Pendidikan Islam Peranannya Dalam Pembangunan Ummah*. Selangor Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah.

Zulkifli Haron, Ramli Awang, Mohd Nasir Ripin, Siti Norlina Muhamad, Farahwahida Mohd Yusof (2014), *Tamadun Islam & Tamadun Asia*, Penerbit UTM Press.

### **Rujukan Makalah / Artikel Jurnal**

Duli Yang Teramat Mulia Raja Nazrin Shah, Titah Utama di Muzakarah Ulama, 5 Julai 2007 (khamis), Gandingan Ulama dan Umara Dalam Pembinaan Negara, Sejarah, Realiti dan Masa Depan, Dewan Bankuet Bangunan Perak Darul Ridzuan, Ipoh.

Majalah SMADI Edisi Pertama 2011

Majalah SMADI Edisi Kedua 2012

Majalah SMADI Edisi Ketiga 2013

Majalah SMADI Edisi Keempat 2014

Wan Mohd Saghir Abdullah (2006), Syeikh Junid Thala Ulama Terkenal di Mandailing dan Perak, Ruangan Agama, Utusan Malaysia Isnin 4 September.

### **Rujukan Temubual**

Temubual bersama Pengetua SMADI, Dr. Hj Jurij bin Jalaludin, 8 April 2016 jam 9.00 pagi di Pejabat Mudir.

\_\_\_\_\_, 9 Mei 2016 jam 9 pagi, di Pejabat Mudir.

Temubual bersama Penolong Kanan Pentadbiran SMADI, Pn Wahida Noor, 19 Mei 2016, di Pejabat SMADI.

Temu bual bersama En. Mohamad Helmi bin Ibrahim, Guru Pendidikan Islam SMADI pada 8 April 2016, jam 10.30 pagi, di Bilik Dokumentasi

### **Rujukan Laman Sesawang**

Syed M. Naquib Al-Attas (2008), Megaproye Islamisasi Peradaban, dari Laman Sesawang, <http://indravogi.multiply.com>, 29 Jun 2008.



Utusan Malaysia Online, Julai 17, 2009, J-QAF akan diperluaskan ke sekolah menengah, dari laman Sesawang, [http://www. utusan.com.my/utusan](http://www.utusan.com.my/utusan).

Jurij Jalaludin (2012), Sejarah Sekolah Agama Di Perak, Utusan Malaysia Online, Mei 14, 2012, dari Laman Sesawang, <http://www.utusan.com.my/utusan>.

University of Malaya